



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**SHAH ALAM, 16 APRIL 2014 ( RABU )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

### **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**  
**(Menunaikan Umrah)**

### **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Diana Binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Mohd Redzuan Bin Adam  
Encik Ahmad Hafizan Bin Yusof  
**Bentara**

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
**Pelapor Perbahasan**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahirrahman nirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor ke 13 pada hari yang ke lapan 16 April 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I DOA**

**II PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Soalan 121 telah dijawab sekali dengan soalan 96. Soalan 122 telah dijawab sekali dengan soalan 37. Sri Muda. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Peraturan 24(2) saya mengambil soalan Sri Muda sebagai soalan saya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ. SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: TEMPAT LETAK KERETA SWASTA**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah jumlah tempat letak kereta swasta mengikut pecahan PBT di seluruh negeri Selangor?
- b) Apakah syarat-syarat bagi membolehkan sesuatu tempat letak kereta itu diswastakan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Baiklah. Puan Speaker, jumlah keseluruhan tempat letak kereta swasta di seluruh Negeri Selangor adalah

sebanyak 95,833 petak, jadual di bawah adalah jumlah letak tempat kereta swasta mengikut pecahan PBT yang diswastakan kepada Syarikat Suasa Efektik Sdn. Bhd dan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd di seluruh Negeri Selangor.

<b>BIL.</b>	<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>JUMLAH PETAK</b>
1.	MBSA	27,024
2.	MPAJ	8,211
3.	MPSly	11,195
4.	MPKj	1,862
5.	MPSpg	749
6.	MBPJ	20,613
7.	MPSJ	23,594
8.	MDKL	2,585
<b>JUMLAH</b>		<b>95,833</b>

Dalam menyediakan sesuatu tempat letak kereta PBT mempunyai budi bicara untuk menetap dan melaksanakan jenis-jenis sistem tempat letak kereta secara kupon atau sebagainya yang dirasakan sesuai dan cara-cara bagaimana ianya dikendalikan. PBT boleh dalam mengendalikan sesuatu tempat letak kereta mengenakan apa-apa syarat yang dianggapkan sesuai yang mesti dituruti dan dipatuhi oleh setiap pengguna yang ingin menggunakan petak tempat letak kereta yang disediakan. Sesuatu tempat letak kereta itu diswastakan berdasarkan kepada faktor kawasan yang pesat membangun dan berdaya maju bagi membolehkan bayaran kutipan letak kereta dilaksanakan.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan tambahan. Puan Speaker soalan 124.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK: INFRASTRUKTUR KAWASAN LADANG**

123. Terdapat beberapa infrastruktur penting di kawasan ladang bagi kemudahan pekerja seperti rumah ibadat, padang permainan, jalan raya dan parit.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri menyediakan peruntukan untuk membina atau baik pulih kemudahan infrastruktur kawasan ladang?
- b) Agensi atau pihak manakah yang bertanggungjawab memastikan kemudahan infrastruktur kawasan ladang mencukupi dan diselenggara?

**Y.B. TUAN GANABATHIRAU A/L VERAMAN:** Puan Speaker. Bukit Melawati telah bertanyakan tentang infrastruktur kawasan ladang, jawapannya.

Kerajaan Negeri Selangor di bawah portfolio jawatankuasa tetap pekerja ladang hanya menyediakan peruntukan membaik pulih sekolah jenis kebangsaan Tamil di kawasan ladang sahaja dengan menggunakan tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang sedikit sebanyak dengan bantuan membaik pulih yang diberikan oleh Kerajaan Negeri ini dapat membantu dan menjamin keselesaan anak-anak pekerja ladang dalam mendapatkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan menggunakan segala kemudahan yang disediakan di dalam sekolah. Di samping membaik pulih sekolah-sekolah kebangsaan Tamil di kawasan ladang Negeri Selangor juga Kerajaan Negeri Selangor melalui jawatankuasa rumah ibadat bukan Islam memberi peruntukan kepada rumah ibadat bukan Islam dalam membuat pembaikpulihan.

Agensi dan pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan kemudahan infrastruktur kawasan ladang mencukupi dan diselenggara adalah di bawah seliaan dan pemantauan Kementerian Sumber Manusia . Secara amnya pemilik tanah yang berkenaan yang terdiri daripada syarikat swasta dan pemilik persendirian bertanggung jawab ke atas infrastruktur yang terdapat di atas tanah mereka. Namun begitu jawatankuasa pekerja ladang sentiasa menghulurkan bantuan hanya untuk sekolah-sekolah. Jawatankuasa ini juga menyumbangkan bantuan kepada anak-anak pekerja ladang seperti sumbangan tambang bas sekolah, bantuan pendidikan, dan program motivasi kepada pekerja ladang bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Bantuan *Blueprint* di bawah jawatankuasa kemiskinan turut diberikan kepada pekerja ladang, jawatankuasa pekerja ladang sentiasa mencari peluang melalui aduan yang diterima, sesi perbincangan, dan juga mesyuarat yang diadakan bagi membantu meningkatkan taraf hidup pekerja ladang demi memastikan kebajikan mereka terjamin, walaupun nyata ialah di bawah seliaan, pemantauan Kementerian Sumber Manusia.



**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima Speaker. Apa yang dapat saya dengan tadi, maknanya ini, bermakna hanya sekolah dan juga kuil-kuil, dan saya dimaklumkan bahawa ladang-ladang sekarang juga membayar cukai taksiran walaupun bukan di dalam kawasan operasi tak ada ke? sumbangan lain oleh pihak kerajaan untuk lampu awam ke? jalan masuk kepada ladang-ladang untuk menerangkan jalan masuk ladang-ladang berkenaan, terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATHIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Bukit Melawati, Bukit Melawati perlu ha,, mengambil maklum tadi, bahawa tanah-tanah yang dikategorikan tadi tanah persendirian walaupun jalan itu menghubungkan pekerja ladang, tapi jalan tersebut adalah jalan persendirian, so kita sebenarnya di Negeri Selangor dan penyeliaan kita tidak merangkumi pembaikan pulih jalan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 125 telah dijawab sekali dengan soalan 110, 126 telah dijawab bersekali dengan soalan 9. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 127.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: TANAH TAPAK SEKOLAH**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan pelaksanaan Kerajaan Negeri dalam membekalkan tanah sebagai tapak persekolahan SJK (C), Termasuklah meminda pelan rancangan tempatan kawasan tempatan yang tidak ikut hasrat penduduk?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia menukarkan kawasan lapang tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju dan/atau di Jalan saga 24, Taman Saga sebagai tapak persekolahan SJK (C)?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker. Yang Berhormat Teratai bertanyakan tentang tindakan pelaksanaan Kerajaan Negeri dalam membekalkan tanah tapak sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina termasuklah meminda pelan rancangan tempatan, kawasan tempatan yang tidak mengikut hasrat penduduk.

Jawapannya ialah, Kerajaan Negeri dalam menyediakan tanah sebagai tapak persekolahan, mana-mana sekolah kebangsaan ataupun mana-mana sekolah pun tertakluk kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Akta Pendidikan 1996 iaitu melaksanakan satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan penggunaan bahasa, bahasa pengantar dan di bawah Akta ini menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan hendaklah menyelenggarakan sekolah-sekolah tersebut.

Jadi peranan negeri ialah menyediakan tapak dan juga kawasan. Adakah? Kerajaan Negeri bersedia menukarkan kawasan lapang tapak sekolah di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju ataupun di Taman Saga 24, Taman Saga sebagai tempat persekolahan jenis sekolah kebangsaan Cina.

Adalah dasar kerajaan seperti yang saya katakan tadi, menyediakan kawasan tanah lapang dan setiap pembangunan yang dipaparkan untuk perhatian masyarakat setempat jadi, apa-apa perubahan mengenai kawasan yang tersebut sebelum kita tukar penggunaannya mestilah ada proses pendengaran awam terlebih dahulu.

Kedua apabila kita hendaklah menukar sekolah tersebut, kita juga mesti mendapat persetujuan daripada kementerian pendidikan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan, Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker. Teratai di sini ingin menanya berkenaan dengan tapak sekolah di Lembah Maju yang mana Ahli Parlimen Pandan telah mendapat jawapan yang bertulis daripada sidang Parlimen yang lepas di mana Kementerian Pendidikan telah bersetuju untuk memindah sekolah Jenis Kebangsaan Chung Hua Batu 18 Cheras ke Lembah Maju, soalan saya adakah? Kerajaan Selangor bersedia untuk menyegerakan proses kelulusan supaya pemindahan sekolah tersebut boleh menjadi satu kenyataan dalam masa terdekat. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ha... Saya akan.. ha..ha.. mengadakan perbincangan dengan Unit Penyelarasan Ekonomi Negeri untuk menentukan kenyataan tersebut, jika dia benar dan kawasan yang hendak dipindahkan itu kawasan lapang, kita akan mengadakan proses pendengaran awam dan kita akan minta Pengelola sekolah dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk hadir untuk mendengar pendengaran awam yang biasanya dipengerusikan oleh seorang Ahli EXCO negeri untuk menilai adakah? bantahan atau sokongan daripada masyarakat setempat mengenai tanah lapang tersebut.

Kedua mengapa? kita lakukan proses tersebut, jawapannya jika kita tidak melakukan proses pendengaran awam seseorang dalam masyarakat tersebut boleh pergi ke mahkamah untuk mengadakan sekatan pembinaan, jadi kalau itu berlaku, jadi dia akan melalui proses mahkamah dan dia akan memakan masa dua (2) atau tiga (3) tahun sebelum perkara itu selesai. Oleh sebab itulah kita sangat tertib dalam usaha menentukan sama ada tanah lapang ini boleh dibuat atau tidak.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 128 telah dijawab sekali dengan soalan 3, Balakong tidak hadir.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Speaker, peraturan tetap.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 130.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: KESIHATAN LUAR BANDAR**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah status wabak penyakit denggi di kawasan luar bandar?

- b) Apakah wujud wabak=wabak penyakit lain di kawasan luar bandar?
- c) Nyatakan statistik kes setiap wabak di kawasan luar bandar mengikut daerah tahun 2010-2013?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tuan Speaker, soalan daripada Sungai Air Tawar ialah tentang status wabak penyakit denggi di kawasan luar bandar, status wabak denggi di Negeri Selangor di kawasan luar bandar adalah jauh lebih baik berbanding di kawasan bandar, perbandingan kes denggi di Selangor mengikut daerah sehingga 12 April 2014 adalah seperti berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>
1.	Sabak Bernam	77 kes
2.	Sepang	100 kes
3.	Kuala Selangor	120 kes
4.	Hulu Selangor	151 kes
5.	Kuala Langat	252 kes

Ini adalah kes-kes di kawasan luar bandar di bawah 300 kes. Sementara kawasan-kawasan bandar seperti

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes</b>
1.	Gombak	2,102
2.	Klang	2,478
3.	Hulu Langat	3,765
4.	Petaling	6,490

Dan keseluruhan kes demam denggi di seluruh Selangor sehingga 12 April adalah sebanyak 15,535 kes.

Seterusnya, Sungai Air Tawar bertanya tentang penyakit atau pun wabak-wabak lain di kawasan luar bandar. Untuk makluman Sungai Air Tawar, 2 wabak yang paling kerap berlaku di Selangor ialah penyakit tangan, kaki dan mulut iaitu HFND dan keracunan makanan. Kedua-dua wabak ini dilaporkan berlaku hampir di seluruh daerah di Negeri Selangor sepanjang 2010 hingga 2013. Jumlah wabak penyakit tangan, kaki dan mulut pada 2012 adalah sebanyak 444 wabak diikuti tahun 2013 sebanyak 321 wabak. Risiko perebakan jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut ni sangat tinggi di tadika, taska dan pusat jagaan

kanak-kanak. Ibu bapa dan pengusaha tadika, taska, pusat jagaan kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam pencegahan dan kawalan penyakit ini.

Trend kejadian keracunan makanan pula didapati meningkat iaitu pada tahun 2011 sebanyak 48 episod, 63 episod pula pada 2012 dan 80 episod pada 2013. Bagi mengurangkan kejadian keracunan makanan, pemilik premis diminta memastikan premis mereka bersih dan semua pengendali makanan harus menjalani kursus pengendalian makanan seterusnya penyediaan makanan yang bersih dan selamat untuk dimakan oleh para pengunjung.

2 wabak lain yang menjadi perhatian Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah campak atau *measles* di mana bilangan wabak tertinggi dilaporkan pada tahun 2012 sebanyak 59 episod. Kejadian ini berlaku disebabkan oleh kanak-kanak yang tidak menerima imunisasi *measles* seperti yang disarankan iaitu pada umur 1 tahun dan 7 tahun.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sementa boleh ringkaskan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Dan keseluruhan wabak ataupun taburan wabak untuk Negeri Selangor bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 serta 2013 sekiranya pihak Sungai Air Tawar ingin mendapatkannya, kita akan berikan kemudian.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 131.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK: KEJADIAN BANJIR**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah kes kejadian banjir direkodkan oleh Majlis Daerah Kuala Langat dan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor di Pekan Banting, Taman Beringin dan kawasan sekitarnya.
- b) Punca-punca berlakunya banjir.

c) Langkah jangka pendek dan panjang mengatasi masalah banjir.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Teluk Datok. Teluk Datok bertanyakan berkaitan dengan kejadian banjir di kawasan Majlis Daerah Kuala Langat terutamanya di Pekan Banting. Dalam rekod JPS Negeri Selangor, hanya 1 kes kejadian banjir yang dicatatkan di Pekan Banting, Taman Beringin dan kawasan sekitarnya yang mana kejadian banjir tersebut melibatkan lembangan Sungai Langat. Kawasan Pekan Banting tarikh pada 7 Disember 2013 bacaan hujan pada ketika itu ialah 86.5 mm, kedalaman 0.3 meter dan luas kawasan banjir adalah 20 hektar. Punca banjir pada tarikh tersebut adalah hujan lebat dengan bacaan hujan 86.5 mm telah turun melebihi 3 jam. Air hujan telah membawa bersama segala sampah sarap domestik dan tersangkut di perangkap sampah dan mengakibatkan air tersekat di perangkap sampah. Kejadian banjir berlaku merangkumi keluasan sebanyak 20 hektar termasuk Pekan Banting dan kawasan sekitarnya. Tiada perpindahan dilakukan dan kawasan banjir melibatkan jalan utama beberapa deretan kedai dan rumah kediaman di Pekan Banting.

Langkah-langkah yang diambil untuk jangka masa panjang, jangka masa pendek di peringkat Negeri Selangor. Cadangan jangka panjang adalah dengan meleraikan masalah banjir di Pekan Banting melalui kajian pencegahan banjir yang merangkumi pembinaan takungan, kolam takungan, menaik taraf parit tanah di longkang konkrit mengikut saiz dan jenis yang bersesuaian di tapak, proses pengambilan balik tanah turut akan dijalankan, pembinaan perangkap sampah secara *offline* akan dijalankan bagi menggantikan perangkap sampah sedia ada. Manakala untuk jangka pendek, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan ke atas parit-parit yang berada di kawasan berisiko tinggi dilakukan, kerja-kerja penyelenggaraan parit dilakukan mengikut kepada penjadualan, pengorekan iaitu dalam tempoh paling kurang setahun sekali mengikut keadaan semasa di tapak, pemantauan dan pemeriksaan ke atas parit-parit di dalam kawasan Pekan Banting secara lebih kerap dan pembersihan perangkap sampah secara berkala. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 132 telah dijawab bersekali dengan soalan 37. Batu Caves. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tuan Speaker, soalan 133 mengikut Peraturan Tetap 24 (2).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN M ULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK: SELANGORKINI**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak pengeluaran akhbar Selangorkini setiap bulan?
- b) Berapa kos digunakan setahun bagi pentadbiran, percetakan dan pengeluaran Selangorkini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Puan Speaker. Batu Caves dan Sri Muda membangkitkan tentang pengeluaran akhbar Selangorkini yang dikeluarkan setiap bulan bagi tahun 2013 dia dikeluarkan lebih kerap lagi pada bulan April dan Mei tahun lepas. Sejumlah lebih daripada 673,600 naskhah dikeluarkan setiap bulan dan jumlah perbelanjaan ialah pada akhir bulan Disember. Kos pentadbiran RM5.9 juta, kos percetakan RM3.2 juta, kos pengeluaran, peredaran dan Selangorkini ialah RM1.8 juta.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan. Saya dapati dalam Selangorkini penyertaan ataupun promosi kepada Wakil-wakil Rakyat yang dilihat agak kritikal kepada pentadbiran Kerajaan Negeri semakin kurang mendapat tempat. Jadi soalan saya ialah apakah menjadi dasar kepada Selangorkini untuk tidak mengeluarkan berita-berita kepada mereka yang dilihat kritikal. Ia, walaupun kadang-kadang kritikal jugalah. Kritikal ini untuk memberi ruang ya untuk memperbaiki bukan maknanya untuk memburukkan keadaan. Itu yang pertama.

Dan yang kedua, kita dapati kalau dahulu ada pengedaran Selangorkini yang dibuat di peringkat Pejabat ADN diberikan 1 naskhah 10 sen tetapi sekarang ini saya rujuk kepada beberapa ADN, tidak lagi diberikan.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Sri Muda?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Jadi mohon penjelasan Dato' Menteri Besar apakah itu telah ditiadakan atau bagaimana? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Puan Speaker. Sri Muda membangkitkan tentang isu editorial dan cara pengendalian Selangorkini. Kalau itu berlaku, kita boleh cadangkan dia, kita boleh adakan dipanggil 1 muka untuk berita Ahli Dewan Negeri dan semua Ahli Dewan Negeri boleh membawa berita-berita dia di sana. Jadi itu salah satu daripada angka tunjuk. Mana yang aktif, mana yang tak aktif. Jadi boleh juga, saya akan syorkan perkara itu. Memang biasa boleh dilakukan dan Menteri Besar secara kerjanya tidak mencampuri tentang editorial dan apa sebab kita percaya kepada kebebasan akhbar. Walau bagaimanapun saya akan mengadakan majlis, dia di bawah Ahli Lembaga Pengarah untuk mengesyorkan ada data-data mengenai berapa kali Menteri Besar keluar, berapa kali ADN keluar, berapa akan untuk kita bentangkan *sebagai indicator-indicator* tentang penggunaan akhbar untuk berita.

Perkara yang kedua, ada saya mengikuti perbincangan tentang pengedaran akhbar tersebut. Pengedaran akhbar tersebut oleh kerana ada kalanya dibuat 2 minggu sekali. Dia kekerapan itu akan menyebabkan kalau dia dimasukkan ke dalam pusat khidmat, didapati kakitangan pusat khidmat agak, agak tertekan untuk mengedarkannya dan, dan ada audit yang menunjukkan pengedaran akhbar tersebut tidak dapat dilakukan dan akhbar tersebut masih lagi tinggal di pejabat Pusat Khidmat. Jadi salah satu daripada cara yang kita buat ialah kita terus agihkan. Yang sebenarnya, ada pendapatan tapi bukan satu pendapatan yang cukup lumayanlah tetapi pendapatan dibayar 10 sen untuk menghantar tersebut tetapi kalau tidak dihantar maknanya dia tidak akan sampai ataupun selepas 2 minggu dihantar. Maknanya 2 akhbar itu, maknanya orang yang membaca akhbar itu ialah membaca akhbar yang, yang lepas bukan yang berita terkini. Tapi walau bagaimanapun saya akan membuat beberapa *indicator* yang mana kita buat *survey* berapa banyak yang perlu kita lakukan. Untuk pengetahuan Dewan, akhbar ini dibuat biasanya hari Khamis untuk diedarkan pada hari Jumaat. Ada sebabnya ialah kerana dapat kita dapat, oleh kerana kita tertumpu kepada keluaran untuk masyarakat luar bandar. Jadi pengedaran melalui program ke masjid itu nampaknya memberikan peluang begitu ramai orang dapat menerimanya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Taman Medan setiap kali pengeluaran mengedarkan hampir 4 ribu hingga 6 ribu naskhah. Hanya



soalannya upah yang sedikit itu yang dikatakan diberi setiap kali diedarkan tidak dilunaskan mengikut masa. Sudah tertunggak hampir setengah tahun. Itu tak kira yang pengusaha yang sebelum itu. Mohon penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Okey, okey. Puan Speaker saya, Taman Medan membangkitkan tentang pentadbiran. Kalau macam itu saya suruh pentadbiran bayar kos lambat membayarliah. Jadi itu saja yang boleh saya lakukan sebab dari segi peruntukan tidak menjadi isu langsung. Sebab daripada segi peruntukan, dari segi pentadbiran ada kalanya memang tak dapat dikawal tetapi kita mesti mengenakan kos untuk kelewatan sebab saya rasa satu daripada disiplin yang mesti kita lakukan ialah kita mesti membuat pembayaran dan juga penerimaan khidmat yang sama. Kalau orang, kita minta orang membuat khidmat tapi kita tak membayarnya, itu satu, satu tanda kita tidak ada disiplin ataupun pengurusan yang baik. Saya akan buat beberapa perubahan dari segi tatacara.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik, untuk soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, soalan 134.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN KELUARGA SAKINAH NEGERI Selangor**

134. Kadar perceraian di kalangan keluarga Muslim di Negeri Selangor kian meningkat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah perceraian mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2013?
- b) Berapakah pecahan mengikut Daerah di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2013?
- c) Apakah langkah kerajaan untuk mengurangkan kadar perceraian ini?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Kota Anggerik. *Bismillahir rahmanir rahim.* Jumlah perceraian daripada tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
2008	4069
2009	4614
2010	5342
2011	6035
2012	6098
2013	6028

Pecahan jumlah perceraian mengikut daerah di Selangor dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut :

<b>DAERAH / TAHUN</b>		<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
1	Klang	541	672	742	938	922	1047
2	Shah Alam	613	680	744	720	767	808
3	Petaling	594	673	765	1141	985	997
4	Gombak	726	740	888	1007	1016	1160
5	Hulu Langat	712	945	1165	1030	1010	866
6	Hulu Selangor	168	160	252	230	302	280
7	Kuala Langat	201	232	232	252	315	200
8	Kuala Selangor	210	204	259	287	339	330
9	Sabak Bernam	147	140	135	191	198	171
10	Sepang	157	167	160	239	244	264
<b>Jumlah</b>		<b>4069</b>	<b>614</b>	<b>5342</b>	<b>6035</b>	<b>6098</b>	<b>6028</b>

Langkah-langkah yang diambil bagi menangani kadar perceraian keluarga Muslim yang tinggi adalah seperti berikut :

Pertamanya, Jabatan Agama Islam khususnya perlu mengkaji secara objektif kenapa sebenarnya kadar ini tinggi dan saya difahamkan ada yang kahwin tempat lain tapi bercerai di Selangor. Itu di antara penyumbanganya. Mengikut JAIS sekarang ini, di antara langkah ialah Kerajaan Negeri juga sedang menilai

semula modul dan pendekatan Kursus Pra-Perkahwinan untuk memahamkan konsep perkahwinan dan menanam sukses mentaliti perkahwinan.

- i. Menjalankan sesi kaunseling / rundingan kepada pasangan dan pihak-pihak yang terlibat;
- ii. Membentuk jawatankuasa pendamai berdasarkan peruntukan Seksyen 47 (5) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor Tahun 2003 di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah;
- iii. Melaksanakan Program Modul Keluarga Sakinah di seluruh daerah;
- iv. Memberikan pendedahan awal mengenai bab-bab aqidah, ibadah, munakahat, pengurusan dan risiko perceraian, tanggungjawab dan hak-hak suami dan isteri kepada pasangan yang masih bujang dalam kursus pra perkahwinan;
- v. Melaksanakan Pusat Pembangunan Keluarga Islam dan Pusat Pembangunan Sosial di 12 buah masjid terpilih di seluruh Negeri Selangor dan
- vi. Melaksanakan Kursus Pasca Perkahwinan seperti Kursus Rumahku Syurgaku, Kursus Kemahiran Keibubapaan, Kursus Kefahaman Poligami dan Kursus Keluarga Bahagia

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Meru

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker.  
Soalan no.135.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PENGURUSAN PASAR MALAM**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah peraturan menetapkan setiap pasar malam / pagi diselia oleh PBT.
- b) Senaraikan rekod JKKK dan Persatuan Penduduk yang tidak membayar semula kutipan kepada Majlis Perbandaran Klang sejak 2008 hingga 2013?
- c) Apakah tindakan diambil kepada yang berhutang sebelum 2008?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bil.38/2013 bertarikh 12 Disember 2013 yang telah disahkan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bil.39/2013 bertarikh 18 Disember 2013 memutuskan bahawa mulai 1 Januari 2014 semua pengurusan pasar malam dan pagi termasuk kerja-kerja pembersihan tapak pasar malam dan pasar pagi hendaklah dilakukan oleh pihak PBT dan bukannya Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Penduduk atau pihak penganjur.

Kesemua bayaran telah dijelaskan kepada MPK sama ada secara keseluruhan atau secara ansuran. Mana-mana pihak penganjur yang mempunyai tunggakan sebelum 2008 telah diminta untuk menjelaskannya kepada pihak majlis dan kesemua bayaran telah dijelaskan kepada majlis sama ada secara keseluruhan atau secara ansuran.

Tiada tindakan diambil kepada mereka yang berhutang sebelum 2008. Semua urusan berkaitan kutipan permit pasar malam dan pasar pagi diuruskan oleh pihak PBT.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan saya ialah buat masa kini terdapat pengurus pasar malam yang mengutip RM4 setiap petak, kemudian jumlah kutipan tersebut kena dibayar kepada kontraktor pembersihan. Kontraktor pembersihan akan melepaskan jumlah kutipan tersebut selepas mengambil 2% daripada jumlah kutipan ni.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan saya ialah sama ada cara sebegini sesuai yang telah diamalkan bagi pengurus pasar malam? Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, tidak ada dasar di negeri kepada PBT untuk menjalankan cara sedemikian. Mungkin ada PBT yang menggunakan cara itu dan saya perlukan maklumat berkenaan sekiranya ada daripada pihak Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 136 telah dijawab bersekali dengan soalan 3. 137 telah dijawab sekali dengan soalan 58. Bukit Antarabangsa, tidak hadir. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 139.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PEKERJA-PEKERJA KONTRAK DI SUK**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bilangan dan kategori penjawat-penjawat kontrak yang dilantik di bawah SUK?
- b) Apakah rasional untuk melantik penjawat-penjawat kontrak ini dan adakah syarat-syaratnya untuk Kerajaan Selangor akan menyerap mereka sebagai penjawat-penjawat tetap?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Kampung Tunku. Berdasarkan rekod yang dikemas kini sehingga 1 April 2014, jumlah pegawai dan kakitangan yang dilantik secara

kontrak di bawah jurus diksi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK berjumlah 535 orang bagi tempoh tahun 2008 hingga suku tahun pertama 2014. Dan perincian jumlah pelantikan mengikut tahun adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah pelantikan kontrak
2008	36
2009	61
2010	116
2011	37
2012	97
2013	153
Januari hingga Mac 2014	35

Selain daripada pelantikan yang dilaksanakan oleh Pejabat Kerajaan, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor terdapat beberapa lagi sumber pelantikan anggota secara kontrak diuruskan oleh Pihak berkuasa melantik masing-masing iaitu :

Jabatan Agama Islam Selangor	-	680
Pejabat Tanah dan Galian Selangor	-	62
Majlis Bandar Raya Petaling Jaya	-	468
Majlis Bandar Raya Shah Alam	-	489
Majlis Perbandaran Klang	-	114
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	-	118
Majlis Perbandaran Subang Jaya	-	487
Majlis Perbandaran Kajang	-	27
Majlis Perbandaran Selayang	-	311
Majlis Perbandaran Sepang	-	47

Majlis Daerah Kuala Langat	-	47
Majlis Daerah Kuala Selangor	-	3
Majlis Daerah Sabak Bernam	-	29
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	-	43
Lembaga Urus Air Selangor	-	23
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	-	26
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	-	366
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	-	17
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	-	33

3390 orang semuanya.

Pelantikan anggota kontrak ini dipecahkan kepada beberapa kategori iaitu seperti berikut :

- i) Lantikan selepas persaraan bagi jawatan-jawatan utama seperti Timbalan Mufti Negeri Selangor, Setiausaha Khas Unit Bintang dan lain-lain atas justifikasi kepakaran;
- ii) Lantikan anggota dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga 54 seperti jawatan-jawatan skim perkhidmatan berikut :

Pegawai Hal Ehwal Islam, Skim S  
Pegawai Tadbir, Skim M  
Pegawai Hal Ehwal Ekonomi, Skim E  
Jurutera, Skim J  
Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Skim J  
Pegawai Teknologi Maklumat, Skim F  
Pegawai Syariah, Skim LS  
Pegawai Penerangan, Skim S

Pegawai Perangkaan, Skim W  
Akauntan, Skim W  
Dan Pegawai Undang-Undang, Skim L

Lantikan anggota dalam kumpulan pelaksana Gred 11 hingga 41 seperti berikut :

Penolong Pegawai Tanah, Skim NT  
Penolong Pegawai Tadbir, Skim N  
Penolong Akauntan, Skim W  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat,  
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam  
Penolong Pegawai Bahasa  
Penolong Juru Audit  
Penolong Jurutera  
Penolong Pegawai Perancang Bandar  
Penolong Pegawai Undang-Undang  
Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi  
Pembantu Tadbir Perkeranian / Operasi  
Pembantu Tadbir Kewangan  
Pembantu Hal Ehwal Islam  
Pegawai Khidmat Pelanggan  
Pembantu Penguat kuasa  
Pengawal Keselamatan  
Juruteknik  
Pembantu Operasi dan  
Pembantu Kemahiran

Pelantikan anggota kontrak ini dilaksanakan berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa setiap jabatan dan agensi yang berkenaan dan permohonan pewujudan jawatan kontrak ini memerlukan justifikasi yang kukuh dan deskripsi tugas yang jelas. Antara punca pelantikan anggota kontrak ini sangat diperlukan disebabkan oleh kekangan waran perjawatan sedia ada sedangkan penambahan perjawatan amat diperlukan bagi menampung *task force*

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Klang boleh ringkaskan?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Atau tugas-tugas khas yang dipertanggungjawabkan. Sikit lagi Tuan Speaker. Anggota perkhidmatan kontrak tidak diserap secara automatik ke jawatan tetap kerana pelantikan tetap diuruskan sepenuhnya oleh pihak berkuasa melantik yang tertakluk di bawah



perlembagaan Malaysia. Dalam konteks Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, anggota tetap dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, SPA bagi lantikan guna sama persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPAN) khusus bagi lantikan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Bahan, Badan Berkanun Negeri masing-masing. Bagi tujuan pelantikan ke jawatan tetap anggota yang dilantik secara kontrak perlu memohon jawatan melalui PBM yang berkenaan dan lulus dalam urusan pemeriksaan, peperiksaan atau temu duga yang dijalankan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan 140.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PEMBANTU KHAS KEPADA ISTERI DATO' MENTERI BESAR**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Atas peruntukan peraturan manakah isteri MB diberikan seorang pembantu khas?
- b) Apakah terma perjawatan pembantu khas?
- c) Apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pembantu khas?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Puan Speaker, Hulu Kelang membangkitkan isu pembantu khas kepada isteri Dato' Menteri Besar. Apakah peruntukan peraturan manakah isteri Menteri Besar diberi seorang pembantu khas? Apakah terma perjawatan pembantu khas? Dan apakah kemudahan yang diberikan kepada pembantu khas?

Satu, terdapat peruntukan pembantu khas kepada isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah sebahagian daripada kemudahan yang diberikan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah MBI. Jadi dia ada, dia boleh mempunyai pembantu khas untuk menolong jawatan pembantu khas isteri Menteri Besar ialah ditugaskan untuk membantu isteri Menteri Besar dalam melaksanakan

program kemasyarakatan dan sosial. Isteri Yang Berhormat Menteri Besar adalah Pengetua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor, PEKAWANIS yang mana ia merupakan sebuah pertubuhan NGO yang dianggotai oleh mereka-mereka seperti berikut :

Wanita yang dilantik sebagai Speaker

Timbalan Speaker

Ahli-Ahli EXCO

Ahli-Ahli Dewan Negeri

Dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat dalam Negeri Selangor

Wanita yang dilantik sebagai Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara dalam Negeri Selangor

Isteri-isteri kepada Ahli Dewan Negeri, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara Negeri Selangor dan

Orang-orang perseorangan yang dilantik menjemput, dijemput khas oleh Majlis Tertinggi.

Antara matlamat PEKAWANIS ialah mengadakan kegiatan kebajikan, kemasyarakatan dan sosial.

Tak ada elaun diberikan kepada isteri Menteri Besar. Dan juga kepada ahli-ahli Jawatankuasa. Dan pembantu khas Menteri Besar ialah Setiausaha PEKAWANIS yang antara lain bertanggungjawab menyediakan program-program kemasyarakatan yang dilakukan. Senarai program-program itu sudah ada di dalam laman web. Pelantikan perjawatan ini ialah secara kontrak, tempoh 2 tahun dan disemak untuk lanjutan selama 2 tahun berikutnya. Pembantu khas menerima gaji, elaun pejabat, elaun telefon serta mendapat perlindungan insurans hayat, perubatan mengikut terma dan syarat perkhidmatan kakitangan MBI

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Dato' Menteri Besar. Tahniah saya ucapkan kerana ketelusan yang telah diwujudkan dalam pentadbiran PEKAWANIS khususnya yang berkaitan dengan isteri Dato' Menteri Besar. Memandangkan pembantu khas itu tugasnya banyak, adakah kerajaan bercadang untuk memberi bonus sebagaimana kakitangan biasa mendapat bonus?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Maaf Puan Speaker. Kalau ditanya isteri saya, dia jawapan tak payah bagi bonus. Tapi saya rasa oleh kerana dia, warga kerja MBI, apa-apa bonus yang didapati oleh penjawat-penjawat MBI, dia akan dapat. Biasanya MBI akan mendapat bonus seperti pegawai-pegawai kerajaan seperti tahun lepas, kalau satu bulan setengah, dan pegawai-pegawai MBI pun akan dapat satu bulan setengah bonus.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker, soalan no.141

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: RUMAH KOS RENDAH**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar"

- a) Apakah perancangan masa panjang Kerajaan Negeri Selangor mengatasi masalah parkir di kawasan perumahan kos rendah yang semakin meruncing?
- b) Kebanyakan rakyat berpendapatan rendah gagal membuat pinjaman bank. Apakah langkah yang diambil bagi membantu golongan ini supaya mereka dapat memiliki rumah sendiri?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Lembah Jaya. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berkenaan parkir di kawasan perumahan kos rendah yang semakin meruncing. Ini berlaku oleh kerana peraturan lama di mana bagi 1 tempat letak kereta diperuntukkan untuk 2 unit rumah kos rendah sahaja. Tetapi sekarang ini kita telah ada 1 tempat letak kereta untuk 1 unit kediaman kos rendah. Bermakna telah bertambah akan peruntukan untuk tempat letak kereta. Apa yang berlaku sekarang yang telah diusahakan sama ada bersama dengan Pihak penguatkuasa pihak berkuasa tempatan ataupun JMB ataupun MC (dengan izin) apabila tidak mendapat tempat letak kereta yang mencukupi JMB atau MC telah mencadangkan kepada PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) agar kawasan-kawasan lapan (8) dijadikan kawasan tempat letak kereta dan memang ada kawasan yang telah diluluskan.

Memang telah ada tempat di mana penyediaan tempat letak kereta ini telah digunakan peruntukan CERIA. Di mana jawapannya sekarang ini ialah kita bukan mencadangkan tapi minta MC atau JMB bila ada kekurangan untuk mencadangkan kawasan-kawasan memang boleh dijadikan kawasan tempat letak kereta. Ada satu kes di mana telah menggunakan peruntukan CERIA untuk menyediakan tempat letak kereta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 142 telah dijawab bersekali dengan jawapan 144. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, terima kasih. Soalan 143.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: MASALAH PENYAKIT BACTERIA LEAF BLIGHT (BLB)**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan keluasan bendang yang diserang penyakit BLB dalam musim kedua 2013?
- b) Sila nyatakan apakah punca utama pesakit BLB begitu kritikal di kawasan Sungai Burong dan Sekinchan?
- c) Sila senaraikan anggaran berapakah kekurangan hasil pengeluaran petani akibat serangan tersebut dan kaedah penyelesaiannya?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan bertanyakan masalah penyakit *Bacteria Leaf Blight* ataupun BLB. Keluasan tanaman padi yang diserang oleh *Bacteria Leaf Blight* ataupun BLB pada Musim 2/2013 adalah sebanyak 5797 hektar ataupun 33% daripada keluasan kawasan tanaman padi di Barat Laut Selangor pada Musim 2/2013. Data menunjukkan, kalau saya hendak bandingkan Musim 2/2012 dengan Musim 2/2013 kawasan: -

Sawah sempadan keluasan 2320, musim 2/2012 - 858 hektar, Musim 2/2013- 626 hektar,

Sungai Burong keluasan 3273, musim 2/2012 – 261 hektar, musim 2/2013 - 2454.8 hektar.

Sekinchan keluasan 1695, musim 2/2012 - 237.3 hektar, musim 2/2013 -1118.7 hektar.

Sungai Leman keluasan 1956, musim 2/2012 -352 hektar , musim 2/2013 -1116 hektar.

Pasir Panjang Keluasan 769, musim 2/2012 – 207 hektar , musim 2/2013 15.4 hektar.

Sungai Nipah keluasan 2215, musim 2/2012 – 221 hektar, musim 2/2013- 465 hektar.

Bagan Terap keluasan 2452, musim 2/2012 – 17 hektar, musim 2/2013- tiada.

Pancang Bedena keluasan 2801, musim 2/2012 -616 hektar, musim 2/2013- tiada.

Dengan jumlah keluasan 17 484 hektar kalau hendak dibandingkan pada musim 2/2012 dan musim 2/2013. musim 2/2012-5162 hektar dan musim 2/2013-5797 hektar. Punca utama kemerebakan BLB di kawasan Sungai Burong dan Sungai Panjang Sekinchan adalah faktor cuaca seperti hujan, ribut dan cuaca panas, kelembapan tinggi memudahkan penyakit ini mudah merebak. Yang kedua, kekerapan aktiviti penyemburan racun yang berleluasa menyebabkan banyak pergerakan yang berlaku di kawasan sawah ini menyebabkan peratus yang tinggi dan pokok yang mudah dijangkiti BLB. Dan yang ketiga, serangan yang berlaku pada peringkat umur yang muda iaitu pada umur 45 hari seperti yang berlaku di Sekinchan menyebabkan kemusnahan yang tinggi. Kawasan yang terjejas.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sijangkang, boleh ringkaskan masa menjawab telah habis.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Kawasan yang terjejas akibat serangan BLB adalah kawasan Sungai Burong dan Sekinchan. Manakala kawasan lain tidak terjejas walaupun terdapat serangan BLB. Anggaran penurunan hasil adalah seperti berikut: - Sungai Burong : penurunan 0.76% atau 200 MT pada musim 2/2013 berbanding Musim 2/2012. Sekinchan: penurunan 5.57 atau 772 metrik tan pada musim 2/2013 berbanding Musim 2/2012. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 144.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah statistik penggunaan Enakmen Kebebasan Maklumat oleh orang awam di Selangor?
- b) Butirkan permohonan yang telah ditolak, dan mengapa?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Puan Speaker berdasarkan rekod permohonan yang diterima semenjak berkuatkuasanya Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor Tahun 2011 pada 5 Mac 2013 sehingga ke hari ini sejumlah 128 jumlah permohonan maklumat telah diterima. Daripada 128 permohonan yang diterima tiada satu yang ditolak. Semua diluluskan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Soalan 145.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: KOS PROJEK PENEBATAN BANJIR DAERAH GOMBAK**

145. Sehingga sekarang tiada nampak sebarang pemulihan dan pengurangan terhadap masalah banjir.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) berapakah bajet yang telah diperuntukkan dalam program penebatan banjir daerah Gombak mengikut pecahan DUN bagi 2013 dan 2014?

- b) Berapakah pula yang telah dibelanjakan bagi bajet 2013?
- c) Sejauh manakah keberkesanan program penebatan banjir ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Taman Templer bertanyakan kos projek penebatan banjir daerah Gombak dengan mengikut pecahan-pecahan? Secara keseluruhannya, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah menerima sebanyak RM2,373,328.00 yang telah diperuntukkan di daerah Gombak dan mengikut pecahan DUN bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti berikut: - Tahun 2013, DUN Hulu Klang RM 500,000.00, gombak Setia RM349,608.00, Templer RM139,910.00, Rawang RM233,810.00 jadi jumlah keseluruhan RM 1,223,328.00. Tahun 2014, DUN Hulu Klang RM500,000.00, Gombak Setia RM200,00.00, Templer RM150,000.00, Rawang RM300,000.00 dan jumlah keseluruhan RM1,150,000.00. Sebanyak RM1,223,328.00 telah diperuntukkan dan dibelanjakan dalam program penebatan banjir bagi daerah Gombak pada tahun 2013. Dalam menghadapi masalah banjir yang terjadi sama ada secara semula jadi atau akibat pembangunan yang tidak terancang, maka program tebatan banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih pantas.

Taman Temper bertanyakan sama ada ia berkesan atau tidak program tebatan banjir ini? Kita mengharapkan supaya projek-projek yang dilakukan ini berkesan dalam menangani masalah banjir, sama ada banjir kilat ataupun banjir yang berlaku dalam musim tengkujuh. Cuba ada beberapa perkara juga kerana mungkin banjir masih juga berlaku. Ini masih dikaji daripada masa ke semasa dan dalam memastikan keberkesanan mengatasi masalah ini, Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) telah diperkenalkan pada tahun 2000 bagi menggantikan "Prosedur No.1 (1975) Perancangan dan Reka bentuk" dan "Anggaran Reka Bentuk Hujan". Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Tuan Speaker, tiada pantun tiada gurindam, soalan saya 146.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH  
(BANGI)**

**TAJUK: KERAJAAN PERIHATIN**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kerajaan sudah mempunyai program membiayai pemakanan sihat terutama di ladang-ladang, kampung-kampung tradisional dan penempatan-penempatan Orang Asal dengan tujuan meringankan beban kos makanan asas lagi sihat kepada rakyat yang memerlukan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker Bangi bertanyakan mempunyai program membiayai pemakanan sihat ? Pada masa kini Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai program secara khusus bagi membiayai pemakanan sihat di ladang-ladang, kampung-kampung tradisional dan penempatan Orang Asal dengan tujuan meringankan beban kos makanan asas lagi sihat kepada rakyat. Namun begitu di bawah Kerajaan Negeri di bawah kerajaan prihatin dan pekerja ladang ada memberi sumbangan berbentuk keperluan harian yang berbentuk hamper kepada mereka yang memerlukannya semasa siasatan dijalankan. Pemberian sumbangan berbentuk hamper ini dilaksanakan di setiap daerah mengikut siasatan yang dijalankan. Pemberian ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kos beban makanan asas kepada rakyat terutama di ladang-ladang, kampung-kampung tradisional dan penempatan Orang Asal yang memohon bantuan di bawah program kerajaan prihatin mahu pun program di ladang-ladang. Sumbangan keperluan makanan harian turut diberikan kepada pemohon yang telah menerima bantuan daripada Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang semasa majlis penyerahan kunci program tuan rumah kerajaan prihatin.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 147 telah dijawab bersekali dengan soalan 3, soalan 148 telah dijawab bersekali 110. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 149.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(SERI MUDA)**

**TAJUK: JAMBATAN MERENTASI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN OLEH  
PKNS**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-



- a) Berapakah anggaran kos keseluruhan projek ini?
- b) Berapakah kos yang akan ditanggung oleh PKNS bagi pelaksanaan projek ini?
- c) Huraikan kos keseluruhan bagi semua syarikat yang terlibat dalam projek ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Seri Muda telah bertanyakan tentang kos jambatan merentasi Lebu Raya Persekutuan Oleh PKNS iaitu di kawasan Seksyen 7, Shah Alam. Dia jua bertanyakan tentang kos yang akan ditanggung oleh PKNS untuk menghuraikan kos-kos seluruhnya? Semasa saya menjawab soalan daripada Rawang saya telah menerangkan bagaimana tatacara perbadanan pihak berkuasa tempatan untuk membiayai kos-kos untuk membina prasarana kawasan-kawasan tersebut kerana ada kalanya kos-kos itu ditanggung oleh kerajaan sama ada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan yang akan mendapat manfaat ialah pemaju-pemaju tanah tersebut oleh sebab itu kita rangka kan satu cara yang mana semua pemaju akan dikenakan apa yang dikatakan bayaran untuk membiayai kos-kos tersebut mengikut jumlah tanah yang dibangunkan sama juga kadar kiraan penggunaan jalan-jalan tersebut. Dan, ini sudah dilakukan dan inilah contoh yang kita boleh ambil sebagai satu kes tadi iaitu pertama anggaran kos keseluruhan projek persimpangan bertingkat Lebu Raya Persekutuan dibuat secara tender terbuka ialah bernilai RM53 Juta. Kos yang ditanggung oleh PKNS kerana PKNS mempunyai pembangunan di kawasan tersebut ialah bernilai RM10.9 Juta. Nama-nama syarikat lain yang terlibat dalam projek penstrukturan persimpangan bertingkat tersebut:- Satu, Sejagat Emas kos keseluruhan yang terlibat RM 165 000.00. Era Wangsa RM1.5 Juta. Daya Intelek RM424 000.00, RCP Astana RM795 000.00, MS Ali RM 1.9 Juta, Solar Porpose RM291 000.00, Worldwide RM1.5 Juta. BCN Banner RM2.5 Juta. Selaman RM 1.1 Juta, i-City RM27.5 Juta, IJM Properties RM 4 Juta. Jadi jumlah keseluruhannya ialah RM 42 Juta.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik .

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Adakah pemaju-pemaju yang disahkan tadi telah menjelaskan keseluruhan bayaran yang dikenakan itu. Keduanya, saya dapati permohonan agak perlahan bilakah dijangka akan siap?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pemaju-pemaju. Tuan Speaker, pemaju-pemaju ada juga pemaju yang sudah menjelaskan dan ada juga pemaju yang belum menjelaskan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi akan mendahulukan duit tersebut dan kita akan masukkan ke dalam akaun Majlis Bandaraya Shah Alam dan kelewatan bayaran dikenakan faedah. Kedua, saya telah memberitahu dewan iaitu anak syarikat PKNS telah memenangi tender untuk membina pembangunan Seksyen 7 ini. Dan juga saya telah memberitahu dewan salah satu daripada perkara yang merunsingkan ialah syarikat PKNS itu telah sub atau memberikan kontrak lebih daripada 95% kepada untuk dibina oleh Syarikat *Associaton Company* yang mana PKNS hanya memiliki kurang daripada 10% daripada pemilikan saham tersebut. Perkara ini tidak seharusnya berlaku walau bagaimanapun kita sedang memantau tentang program pembinaan untuk itu salah satu perkara dalam perjanjian tersebut ada peruntukan LED, *Late Delivery Charge*. Jadi oleh sebab itu kita memantau walaupun Kerajaan Negeri boleh dapat *Late Delivery Charge* tetapi yang membayarnya anak syarikat negeri. Jadi itu satu perkara yang perlu saya kita perhatikan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SUHAIMI B. SHAFIEI:** Terima Kasih Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah pun menerangkan tentang kos keseluruhan adalah sebanyak 53 juta. Dan sumbangan daripada semua syarikat ini adalah berjumlah lebih kurang 42 juta. Jadi baki daripada jumlah itu apakah dibayar oleh Kerajaan Negeri atau pun PKNS mohon penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Jumlah ini Yang Berhormat Sri Muda dan Tuan Speaker jumlah ini kita akan apa yang dikatakan oleh kerana kita membuat perancangan ini supaya semua mereka yang terlibat akan bersetuju untuk membiayainya dan program pertama ialah kita jangkaan kita ialah 42 juta tetapi sekarang sudah meningkat kepada 53 juta. Dan secara *rationalnya* kita akan minta pembayaran daripada semua mereka yang terlibat.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 150 telah dijawab sekali dengan soalan 51. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN B. HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 151.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YANG BERHORMAT IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: JALANRAYA**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi peningkatan kesesakan lalu lintas di rangkaian jalan raya sekitar Putrajaya?
- b) Apakah usaha kerajaan untuk memastikan semua kategori jalan dapat diselenggara dengan baik?
- c) Apakah kriteria pendaftaran jalan-jalan agar boleh dimasukkan dalam peruntukan MARRIS?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Terima kasih, Tuan Speaker, Tanjung Sepat bertanyakan berkaitan dengan kesesakan lalu lintas di rangkaian jalan raya sekitar Putrajaya. Kesesakan lalu lintas di rangkaian jalan raya di sekitar Putrajaya melibatkan jalan persekutuan sahaja. JKR Selangor telah memohon kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk mengkaji masalah ini. Bagi jalan negeri walau pun tidak mengalami kesesakan tetapi JKR akan memantau tahap *level of services* atau pun LOS jalan-jalan berkaitan. Usaha kerajaan bagi memastikan semua kategori jalan yang dapat diselenggarakan yang baik adalah seperti berikut: -

1. Membuat perancangan dengan rapi dan mengenal pasti jalan-jalan yang lebih daripada 7 tahun tidak diselenggarakan sebagaimana digariskan di dalam oleh Bank Dunia diberi keutamaan dalam program tahunan.
2. Membuat pengauditan ke atas kerja di tapak.
3. *Mengeluarkan Non Compliance Report* ataupun NCR bagi kerja yang tidak mematuhi aspek teknikal.
4. Ujian *Coring* turut dijalankan bagi memastikan mencukupi. Terdapat 4 kriteria utama yang diambil kira yang dipecahkan dalam 7 mengikut kategori agar boleh dimasukkan di dalam peruntukan MARRIS seterusnya jalan tersebut layak geran peruntukan penyelenggaraan. Pertama rizab jalan dan yang kedua lebar permukaan jalan, yang ketiga lebar bahu

jalan, yang empat pembinaan mengikut spekulasi piawai Jabatan Kerja Raya. Kriteria terperinci akan saya serahkan kepada Tanjung Sepat kemudian.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya terima kasih. Soalan 152.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PROGRAM BANTUAN KESIHATAN RAKYAT**

152. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jenis bantuan, jumlah disalurkan dan jumlah penerima Program Bantuan Kesihatan Rakyat mengikut tahun sejak 2009.
- b) Senaraikan NGO yang menerima mesin dialisis daripada Kerajaan Negeri serta jumlah pembiayaan sejak 2009.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu, Tuan Speaker Kuala Kubu Baharu bertanya tentang Program Bantuan Kesihatan Rakyat Selangor. Program Bantuan Kesihatan Rakyat Selangor telah dilaksanakan sejak tahun 2009 dan sejumlah RM500,000 diperuntukkan setiap tahun membantu rakyat miskin yang memerlukan bantuan rawatan kesihatan. Antara bantuan yang diberikan adalah dialisis, katarak, pembedahan kecil dan rawatan-ratan lain serta kaki palsu. Untuk 2010 sejumlah 114 orang penerima dengan peruntukan sejumlah RM211,308 telah disalurkan sementara pada 2011 sejumlah 201 orang penerima yang meliputi dialisis katarak, pembedahan kecil dan lain-lain rawatan. Dan sejumlah RM408,662 telah disalurkan. Sementara pada tahun 2012 penerima adalah sejumlah 2555 orang dengan sejumlah RM500,877 telah disalurkan dan untuk 2013 sejumlah 298 orang penerima dengan RM611,823.50 telah disalurkan. Serta untuk 2014 kita telah pun menyalurkan kepada sehingga Mac kita telah memberi kepada 61 orang penerima dengan RM139,780. Sementara untuk soalan B untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat buat masa kini Kerajaan Negeri belum lagi atau pun tidak memberi bantuan mesin dialisis kepada mana-mana NGO di dalam Negeri Selangor. Ini kerana kos bagi penyediaan mesin dialisis adalah tinggi iaitu

sebanyak RM45,000.00 setiap satu. Kerajaan negeri lebih memfokuskan peruntukan sedia ada ini bagi tujuan Program Bantuan Kesihatan Rakyat miskin di mana impaknya adalah lebih jelas iaitu membantu rakyat miskin bagi mendapatkan rawatan kesihatan yang terbaik.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 153.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: ZONING PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

153. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berkenaan *zoning* pembangunan luar Bandar, sekiranya pihak pemaju ingin membangunkan kawasan di luar *zoning* yang sedia ada, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha membantu mereka?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Sungai Pelek bertanyakan tentang *zoning* pembangunan luar bandar, jadi ia *zoning* adalah dibuat selaras dengan seksyen 18, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang lebih dikenal sebagai Akta 172 iaitu "Tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut Rancangan Tempatan". Jadi oleh sebab itu Rancangan Tempatan ditentukan sama ada kawasan itu ialah kawasan Bandar ataupun kawasan luar Bandar. Dan setiap kali perubahan *zoning* ini berlaku terdapat pengumuman awam dan juga penerangan awam dilakukan supaya pemilik-pemilik tanah tersebut dapat memberikan pandangan mereka tentang *zoning-zoning* yang dibuat dan sudah tentulah satu perkara yang sangat penting berlaku ialah tentang nilai harga biasanya tanah-tanah yang dizonkan bandar dan bukan untuk kegunaan komersial dan perumahan adalah lebih mahal daripada tanah-tanah untuk kawasan pertanian. Oleh sebab itulah dua perkara yang berlaku satu ialah pembayaran untuk cukai tahunan berbeza untuk tanah-tanah yang dizonkan, tanah-tanah yang dipanggil tanah bandar dan juga tanah untuk yang diberi keupayaan dibangunkan dan tanah-tanah pertanian. Dan peruntukan-peruntukan jalan raya juga diperuntukkan untuk Pihak Berkuasa Tempatan dan peruntukan untuk kawasan luar daripada Pihak Berkuasa Tempatan adalah

dikelolakan oleh Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah. Oleh sebab itu saya mengingatkan Ahli-Ahli Dewan Negeri apabila menjaga kawasan juga melihat perancangan Bandar tersebut. Yakni maknanya Rancangan Tempatan yang terkini untuk mengetahui kawasan-kawasan itu sama ada kawasan itu mempunyai hak kepada untuk dibangunkan atau tidak. Walau bagaimanapun, walaupun ada laporan mengenai Rancangan Tempatan saya ingin menyatakan dewan ini begitu ramai orang tidak mengikut peraturan *zoning* ini. Jadi itu sebab sekarang penguasa-penguasa di Pihak Berkuasa Tempatan mendapati terlalu banyak isu untuk menyelesaikan masalah mereka telah salah membangun di kawasan yang tidak dibenarkan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam tidak hadir, Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL:** Selamat pagi, terima kasih Tuan Speaker nombor 155.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK: INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah agihan peruntukan kepada kontraktor Projek MARRIS di setiap DUN dilakukan?
- b) Apakah peruntukan banjir yang diserahkan kepada JPS dipantau pelaksanaannya oleh pihak bertanggungjawab?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Tuan Speaker Seri Serdang bertanya berkaitan dengan Projek MARRIS di setiap DUN. Berkaitan dengan agihan peruntukan Projek MARRIS di setiap DUN. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 05/2014 pada 5 Februari 2014 bersetuju menimbang dan meluluskan peruntukan sebanyak RM3,000,000.00 setiap diberikan kepada setiap kawasan Dewan Negeri di mana Ahli Dewan Negeri berkenaan hendaklah mencadangkan projek-projek yang hendak dijalankan mengikut keutamaan berdasarkan siling peruntukan yang ditetapkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT. PBT perlulah menyemak skop kerja berkenaan agar ianya tertakluk di bawah Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri. Bagi

maksud itu, semua perolehan kepada kontraktor dilaksanakan oleh agensi atau pun jabatan pelaksana melalui perolehan secara terbuka berdasarkan had nilai dan prosedur kewangan semasa yang berkuat kuasa. Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan dokumen bayaran berdasarkan kepada sesalinan Surat Setuju Terima tawaran ataupun SST setelah proses sebut harga dan tender dimuktamadkan. Manakala PBT akan membuat bayaran kepada kontraktor setelah projek ditapak disiapkan sepenuhnya dan memuaskan.

Bagi soalan berkaitan peruntukan banjir yang diserahkan kepada JPS dipantau pelaksanaannya oleh pihak bertanggungjawab Kerajaan Negeri komited dalam memastikan setiap peruntukan yang disalurkan kepada jabatan dan agensi di Negeri Selangor digunakan untuk pelaksanaan pembangunan yang telah dirancang. Bagi peruntukan banjir yang diberikan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor JPS pemantauan berterusan bagi memastikan semua projek dapat dilaksanakan dengan mengambil kira semua aspek seperti perolehan, kewangan, prestasi dan keberkesanan.

Untuk makluman pada tahun 2014, JPS telah diperuntukkan sejumlah RM45 juta bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan pengurusan pengairan dan saliran di Negeri Selangor. Daripada peruntukan ini sejumlah RM27 juta ataupun 60% diperuntukkan untuk pelaksanaan program pengurusan banjir.

Bagi maksud ini, pelbagai medium pemantauan peruntukan banjir dikendalikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri antaranya melalui Mesyuarat Agensi Teknikal Infrastruktur Negeri Selangor yang bersidang dua kali setahun dan turut dipantau oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang diadakan pada setiap empat bulan. Selain itu, prestasi pelaksanaan projek turut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancangan & Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Bahagian Pembangunan yang diadakan pada setiap dua bulan serta melalui laporan bulanan yang dikemukakan oleh semua jabatan yang diperuntukkan bajet pembangunan. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah meluluskan projek tebatan banjir Sungai Rasah yang merupakan salah satu projek dipantau rapi oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri melalui Mesyuarat Penyelarasan Bersama Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Jabatan Kerja Raya dan juga Pejabat Daerah Klang serta Majlis Bandar Raya Shah Alam yang diadakan setiap bulan atau bergantung kepada tahap keperluan semasa. Pemeriksaan tapak juga turut dilaksanakan ke atas projek yang telah dikenal pasti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 156 telah dijawab sekali dengan soalan 8. Soalan 157 telah dijawab sekali dengan soalan 58. Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Tuan Speaker, sorong papan tarik papan, soalan nombor 158.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: TEBATAN BANJIR DI MERU**

158. Program tebatan banjir Pekan Meru.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status cadangan naik taraf parit tanah kepada konkrit di Jalan Hamzah Alang oleh JPS?
- b) Status projek kolam takungan air banjir?
- c) Berapa kekerapan dan kos pembersihan parit tanah besar dan kecil JPS bagi daerah Klang terutama DUN Meru?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Meru bertanya berkaitan dengan tebatan banjir di Meru. Tuan Speaker, untuk cadangan naik taraf parit tanah kepada konkrit di Jalan Hamzah Alang, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan mengeluarkan tender pada Julai tahun ini, tahun 2014, dengan menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri melalui akaun amanah Caruman Parit.

Secara umumnya projek kolam takungan air di Pekan Meru telah siap sepenuhnya. Pada masa ini kerja-kerja penyelenggaraan kolam seperti pengorekan dan pemasangan pagar telah siap dijalankan. Skop bagi kerja-kerja pengorekan kolam takungan yang telah dijalankan termasuk:

- 1) Mendalamkan kolam
- 2) Mengeluarkan segala rumpai air daripada kolam.



- 3) Membersihkan kolam termasuk kerja-kerja *trimming of slope*
- 4) Kerja-kerja pemasangan pagar jejaring berangkai serta disaluti PVC di sekeliling kolam takungan.

Walaupun bagaimanapun Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas kolam tersebut daripada masa ke semasa. Kerja-kerja penyelenggaraan satu kali hingga dua kali setahun berdasarkan kepada peruntukan yang diterima oleh, dan kos yang terlibat serta kerja-kerja pembersihan parit, tanah bagi daerah Klang adalah sebanyak RM3,000,000.00, manakala bagi DUN Meru, adalah sebanyak RM500,800.00. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan saya 159.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK :** PENGURUSAN SISA PEPEJAL

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah status terkini pembentukan pasukan pembersihan sisa-sisa pepejal dalaman (*in-house solid waste team*) untuk menguruskan masalah sisa-sisa pepejal daripada terus bergantung pada kontraktor-kontraktor luar di setiap PBT dan apakah anggaran perbelanjaan yang diperlukan untuk setiap PBT.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, semua PBT secara umumnya telah bersedia menubuhkan pasukan *in-house*, bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam dan berfungsi sebagai pasukan *back-up*, sekiranya berlaku kecemasan. Sebagai contohnya, sekiranya lori *compactor* rosak atau isu pembuangan sampah haram. Dengan adanya pasukan ini, secara tidak langsung ia telah meningkatkan kemahiran PBT dalam pengurusan sisa pepejal. Buat masa ini pasukan ini akan berkembang secara berperingkat-

peringkat dan akan mengurangkan kebergantungan kepada kontraktor-kontraktor luar. Namun beberapa faktor juga, perlu diperhalusi iaitu dari segi tenaga kerja yang mencukupi, kewangan yang stabil untuk gaji dan kerja lebih masa serta kos pembelian kelengkapan logistik seperti *compactor*, *bulldozer*, *excavator*, lori *tipper* dan sebagainya. Anggaran perbelanjaan kelengkapan logistik dan gaji pekerja juga perlu diperhalusi. Kerana dianggarkan boleh mencapai RM3.5 juta bagi sesebuah PBT. Status terkini pembentukan pasukan perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awal di PBT adalah seperti berikut :

- 1) MBSA, jumlah keseluruhannya telah memberi perkhidmatan secara *in-house* sebanyak 16 peratus. Jumlah keseluruhan perbelanjaan pembelian *one of* RM2.68 juta, kos pengurusan dan penyelenggaraan adalah RM800,000.00 setahun;
- 2) MPAJ, telah membeli lima buah lori *compactor* dan 3 buah lori bagi persediaan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara *in-house* dan anggaran perbelanjaan diperlukan adalah bagi penambahan pekerja iaitu RM2.4 juta;
- 3) MPK, ia telah mewujudkan tujuh pasukan pembersihan sisa pepejal secara *in-house* yang meliputi tiga kawasan. Jumlah kontraktor luar yang dilantik ialah 65 kontraktor. Jumlah yang diperlukan untuk pengurusan sisa pepejal adalah RM20.17 juta;
- 4) Bagi MPSJ, ia telah mempunyai sebuah pasukan kutipan sisa *in-house solid waste* dengan dianggotai empat orang kakitangan yang ditugaskan di kawasan perumahan bertingkat baru yang diambil alih daripada pemaju. Dan mereka sedang memperhalusi anggaran perbelanjaan kerja-kerja pembersihan sisa pepejal;
- 5) Bagi Selayang, Selayang telah menyediakan pelan rancangan pembentukan pasukan *in-house*. Dan kos perbelanjaan akan meningkat di sekitar 20 hingga 30 peratus daripada peruntukan tahunan;
- 6) Bagi Majlis Perbandaran Kajang, masih dalam proses kajian mengenal pasti keperluan-keperluan pengurusan dan logistik bagi persediaan kutipan dan pembersihan. Anggaran perbelanjaan bagi pekerja adalah RM376,000.00, lori *compactor* RM380,000.00, lori *roro*

RM150,000.00, lori *tanker* RM180,000.00 dan jumlahnya adalah RM1.086 juta;

- 7) Bagi Ampang Jaya anggaran perbelanjaan diperlukan bagi penambahan pekerja adalah RM180,000.00 setahun. Mereka telah pun pasukan *in-house* yang dianggotai oleh empat belas orang. Empat orang tetap, dan sepuluh orang sambilan yang berfungsi untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sampah haram, pukal, kebun dan *back-up*. Dan lain-lain butir akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat Kampung Tunku selepas ini.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datuk

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Soalan saya di tuju kepada YB EXCO iaitu pasukan *in-house* ini, adakah Kerajaan negeri untuk memberikan sebagai token ataupun galakan kepada mereka. Khususnya kalau di kawasan saya yakni Majlis Daerah Kuala Langat mereka disebut sebagai *waste gang*. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tugas atau tanggungjawab kebersihan awam ini adalah tanggungjawab PBT. Jadi tidak wujud soal insentif diberikan untuk mereka menambah baik, kerja mereka dalam aspek ini. Jadi tidak ada dasar itu dan tidak ada keperluan kalau dari sudut pandangan Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang *blue print* pengurusan sisa pepejal. Memandangkan Kerajaan Tempatan telah pun mula mengadakan pasukan *in-house*, seawal, sepatut-patutnya Kerajaan juga perlu merangka, menyerap mereka ini ke dalam satu dasar *blue print* pengurusan sampah sarap ataupun sisa pepejal. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada perkara ini telah pun berjalan dan apakah keputusannya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, matlamat untuk menambahkan kerja-kerja *in-house* adalah untuk mengembalikan keupayaan PBT menjalankan kerja pembersihan dan mengurangkan kebergantungan

mereka kepada kontraktor-kontraktor. Yang mendatangkan akibat apabila Kerajaan Negeri mengarahkan supaya PBT mengambil alih kerja pembersihan daripada Alam Flora. Bila berlakunya pada masa itu, kita bergantung hampir 100 peratus kepada kontraktor, maka berlakulah kerja-kerja iaitu sabotaj dan sebagainya, mendatangkan masalah. Jadi kita telah pun mengambil iktibar daripada kejadian itu, dan dengan itu dasar baru, adalah kita menambahkan keupayaan kita dengan menambahkan pekerja *in-house* ini. Dan sudah tentu ini akan diambil kira dalam kita merancang pelan induk pengurusan sisa pepejal untuk Selangor ini. Dan pada masa yang sama juga Kerajaan Negeri seperti yang saya maklumkan pada Dewan yang mulia sebelum ini, satu Undang-undang atau enakmen yang baru juga dalam peringkat persediaan untuk menyempurnakan keseluruhan pelan induk untuk pengurusan sisa pepejal di Selangor ini.

**TUAN SPEAKER:** Kita mempunyai masalah teknikal untuk soalan 160, maka saya perintahkan supaya jawapan bertulis diberikan untuk soalan 160 pada hari ini juga. Batang Kali soalan 161 telah dijawab bersekali dengan soalan 58. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Puan Speaker. Ijok tonjolkan soalan 162.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : MASALAH HIDUPAN LIAR**

162. Masalah hidupan liar seperti monyet dan beruk masih ketara di kawasan DUN Ijok dan langkah-langkah yang telah diambil tidak berkesan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah langkah-langkah atau cara-cara baru yang dirancang oleh Jabatan PERHILITAN untuk mengatasi masalah ini?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Masalah hidupan liar seperti monyet dan beruk yang masih ketara di kawasan DUN Ijok dan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan PERHILITAN. Jadi Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor sebenarnya ada kaedah yang sedia ada dan Jabatan tersebut

berpendapat bahawa cara tersebut adalah paling sesuai dan efektif untuk menangani konflik hidupan liar di Negeri Selangor iaitu :

- i) Aduan diterima melalui beberapa saluran seperti email, telefon, dan e-aduan.
- ii) Merekodkan maklumat pengadu seperti Lokasi Kejadian, Nama Pengadu, Alamat Pengadu, No. Telefon dan sebagainya.
- iii) Maklumat aduan disalurkan kepada Pejabat PERHILITAN Daerah yang berkenaan untuk tindakan.
- iv) Pejabat PERHILITAN Daerah akan mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima.
- v) Tindakan selanjutnya adalah sama ada memasang perangkap / tembak mati.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 785 ekor kera telah ditangkap di DUN Ijok sahaja pada tahun 2013 dan sepanjang tahun ini, iaitu bulan Januari hingga Februari terdapat 22 ekor yang ditangkap. Cuma ada satu perkara saya ingin tambah untuk Yang Berhormat Ijok, untuk beruk, sebenarnya beruk antara haiwan liar yang dilindungi, bukan sahaja di Malaysia tetapi di rantau di sini. Jadi kalau ada aduan tentang beruk, ianya akan ditangkap dan akan dipindah ke kawasan yang lebih sesuai.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya dapati sejak setahun tak ada apa-apa kesan. Dulu, Ijok, beruk ataupun monyet memusnahkan pokok-pokok buah-buahan, sekarang lampu *solar lighting* saya pun mereka sudah *attack*. Dan ada tiga sudah rosak. Jadi saya harap.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Sila, adakah satu rancangan seluruh yang ada membendung masalah ini. Masalah ini, masalah besar.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Mungkin beruk dan monyet di Ijok terharu bila lihat ada lampu baru di jalan tersebut. Itu adalah satu perkara yang cantiknya, bagus. Kita boleh bincang, saya rasa, bersama-sama, bukan saja, Ijok tetapi ada beberapa Yang Berhormat- Yang Berhormat dalam Dewan ini telah bangkitkan masalah haiwan liar khususnya pemusnahan pertanian dan sebagainya. Saya rasa mungkin satu, *consultation meeting*, dengan izin antara ADUN-ADUN dan juga pihak daripada jabatan PERHILITAN, boleh duduk bersama untuk mencari jalan yang lebih sesuai ataupun yang lebih efektif untuk menangani isu tersebut.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Terima kasih, Tuan Speaker. Seperti mana yang saya nyatakan semalam, adakah, ada proses pemandulan haiwan-haiwan ini, sebab beruk, monyet dan khinzir ini mudah membiak dengan banyaknya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya rasa Yang Berhormat cuba selitkan soalan ini semalam. Setakat ini, kalau Jabatan PERHILITAN dapat menangkap jadi ada yang mereka buat proses pemandulan. Cuma itu bukan satu proses yang begitu efektif. Lebih efektif kalau kita menangkap atau membuat satu perangkap, tangkap beruk ke ataupun monyet, kera dan sebagainya dan pindah ke kawasan yang lebih sesuai, seperti hutan simpan yang agak jauh dari penempatan manusia.

**Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib:** Terima kasih. Pernah tak pihak Kerajaan mengkaji berkenaan dengan pemusnahan habitat beruk dan monyet ini, sebab dia orang pun nak duduk juga kan. Kemudian dari sudut *development*, saya tengok, kadang-kadang kita *develop*, kita tanpa mengira pengalihan habitat mereka. Menyebabkan mereka terkepung dan akhirnya di beberapa tempat seperti contohnya macam di Kundang dan sebagainya hanya *island* yang kecil sahaja. Itulah seluruh monyet-monyet kawasan itu yang akhirnya dihimpit dan sebagainya. Soalan saya dari sudut kajian tentang habitat, pembangunan, perpindahan dan sebagainya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terdapat banyak kajian yang dijalankan termasuk setiap lima tahun satu inventori sebenarnya harus dibuat untuk mengira berapa, spesies, bilangan spesies di tempat-tempat yang sesuai untuk kehidupan liar. Jadi memang konflik tanah bukan sahaja antara manusia tetapi antara manusia dan juga haiwan. Dan dari Kerajaan Negeri Selangor, apa yang kita cuba juga buat adalah mengurangkan konflik tersebut dengan tidak memberi milik lagi hutan simpan di Negeri Selangor untuk perumahan ataupun untuk industri dan sebagainya. Itu satu cara yang kita cuba untuk mengekalkan peratusan hutan simpan yang kita ada di Negeri Selangor supaya konflik ini tidak menjadi lebih teruk ataupun menambah lebih besar.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Penambahan.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan Bukit Melawati, soalan tambahan terakhir.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Ya, terima kasih Speaker. Isu monyet, kera, lotong dan khinzir, isu negara sebenarnya bukan isu di Selangor. Saya berpendapat mandul sukar, tembak pun ada undang-undang, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan peruntukan untuk membuat perangkap. Perangkap, membolehkan perangkap ini diedarkan di setiap kampung yang bermasalah dan tangkapan itu diserahkan kepada PERHILITAN untuk dihantar ke tempat yang sebenarnya.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya, Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan peruntukan untuk membuat perangkap. Satu perangkap RM6,000.00 harganya, membanyakkan peruntukan ini dalam Bajet 2014...

**TUAN SPEAKER:** Itu cadangan, bukan soalan.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** ..belum bawa, perkara ini bagi membolehkan meringankan masalah yang timbul sekarang ini di seluruh negara Tuan Speaker. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Bukit Melawati. Kita terima cadangan daripada Bukit Melawati dan kita akan bincang bersama Jabatan PERHILITAN dan juga Jabatan Pertanian. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan

jam 11.32 pagi dengan ini saya menangguhkan Sesi Pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul Peruntukan Pembangunan Tambahan No. 1/2014.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah semalam kita berhenti penjelasan daripada pihak Kerajaan. Saya persilakan Yang Berhormat Sri Muda kerana mencelah semalam. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Pencelahan saya semalam adalah berkenaan dengan keutamaan, jadi saya nak sebutkan semula. Saya lihat bahawa keutamaan dalam pembinaan tebatan banjir ini hanya diberikan keutamaan kepada kawasan Yang Berhormat EXCO, sebagai satu contoh tebatan banjir di Sungai Rasah Batu Tiga, Jambatan Klang pun dalam kawasan EXCO. Jadi saya minta lah keutamaan ini juga diberi kepada ADN-ADN yang tidak menjadi EXCO, tak kan lah nak tunggu sehingga kami menjadi EXCO baru nak bagi keutamaan ini. Itu saya minta la penjelasan dan sedikit pencerahan daripada pihak Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Sri Muda. Saya rasa tidak terlintas untuk kita untuk mengadakan diskriminasi sebab oleh kerana kita dari Parti Keadilan dan juga Pakatan Rakyat jadi tak ada diskriminasi tapi yang paling penting ialah keutamaan. Saya nak beritahu apabila Yang Berhormat Sri Muda memberikan soalan mengenai keutamaan tersebut saya telah menyemak semula kita dapati untuk menyelesaikan masalah banjir dan juga masalah penempatan yang mana terletak di kawasan-kawasan yang selalu menghadapi masalah banjir dan untuk pengetahuan Dewan, Perancang Bandar dan Desa telah menerbitkan satu buku yang di mana dia mengenal pasti tempat-tempat apabila hujan akan menghadapi banjir. Saya berharap buku itu akan diberikan kepada setiap Ahli Dewan supaya mereka tahu tempat-tempat tersebut dan mencuba menyelesaikan perkara tersebut. Tetapi apabila saya menerima cadangan yang dibuat oleh JPS, jumlah penyelesaian masalah banjir ini bukan sedikit, lebih daripada RM890 juta yang diperlukan untuk kawasan di Klang sahaja bukan di kawasan seluruh Negeri Selangor. Sebab itu lah saya rasa kalau nak menunggu peruntukan itu sudah tentu agak sukar kita. Jadi oleh sebab itu saya mencadangkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan prioriti keutamaan itu supaya dipilih dan keutamaan itu dipilih bukan berasaskan kepada tahap EXCO ataupun



keutamaan itu jika diperlukan oleh kawasan itu kita setuju. Jadi adalah perbincangan, saya takut boleh jadi tak ada perbincangan dan membenarkan perkara itu dilepaskan sebegitu sahaja. Jadi saya harap perkara ini dapat kita terima untuk masa yang akan datang dan saya mengharapkan penglibatan Ahli Dewan Undangan Negeri dalam semua perbincangan untuk menentukan perancangan di kawasan-kawasan di PBT sebab peruntukan itu sudah disalurkan dan kita juga telah memberikan peruntukan berasaskan Dewan Undangan Negeri. Jadi oleh sebab itu kenalah memberikan perhatian untuk memantau penggunaan dana-dana tersebut.

Dan Sri Muda juga telah membangkitkan isu penyelenggaraan jalan, yang itu pun kita telah saya telah meminta satu kajian yang dibuat bagaimana penyelenggaraan jalan ini boleh dilakukan dengan lebih baik lagi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sebelum 2008 telah membuat satu perjanjian yang mana penyelenggaraan jalan dibuat oleh sebuah syarikat yang diberikan kontrak selama 20 tahun. Jadi saya akan mengkaji semula tentang kontrak tersebut dan untuk menentukan *value for money* dapat dilakukan supaya lebih banyak jalan dapat diselenggarakan dengan kos yang dijanjikan iaitu sekurang-kurangnya RM30 juta akan digunakan untuk penyelenggaraan jalan. Kerajaan Negeri tidak menyekatkan tentang kos tersebut tetapi Kerajaan Negeri hanya perlu mengetahui sama ada kos tersebut boleh menghasilkan lebih banyak jalan dan lebih banyak bahu jalan yang boleh dijaga.

Taman Templer telah membangkitkan tentang isu penyuraian trafik. Salah satu daripada agenda yang sangat besar yang akan menghantui kita semua ialah tentang setiap pembangunan yang akan diluluskan akan mengakibatkan penambahan kenderaan dalam kawasan tersebut dan juga keadaan trafik di sana. Jadi salah satu usaha yang mesti dilakukan kita mesti membuat kajian *Traffic Dispersal System* dengan izin, tapi *Traffic Dispersal System* hanya berlaku apabila tempat itu tidak sesak tapi kalau sudah sesak bagaimana kita nak mengkaji *Traffic Dispersal System*? Jadi oleh sebab itulah saya telah mengambil keputusan bersama dengan EXCO untuk membenarkan perancangan-perancangan untuk menyelesaikan masalah *public transport* iaitu kita mengharapkan penggunaan *public transport* akan meningkat dari keadaan yang sekarang kurang daripada sepuluh peratus kepada empat puluh peratus. Jadi kalau itu kita bersetuju kita akan membenarkan pembinaan MRT, LRT dan juga yang dipanggil BRT. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri ingin terlibat dalam pelaksanaan tersebut dan Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk memantau dan juga meluluskan tentang perancangan-perancangan tersebut dan Ahli-Ahli Dewan Negeri juga wakilnya kita jemput

untuk bersama-sama dalam jawatankuasa tersebut dari masa ke semasa kita akan memberi tahu tentang perancangan-perancangan tersebut. Dan kita juga mesti menerima hakikat bahawa apabila pembinaan jalan-jalan itu berlaku ataupun projek-projek itu sudah tentulah dalam masa dua atau tiga tahun ini kita akan menghadapi kesesakan jalan raya bukan kerana apa kerana proses pembinaan itu dibuat di atas projek-projek yang sudah, sudah berlaku, jadi saya mendapati sudah mula mendapat *complaint* daripada masyarakat kerana *traffic jammed* berlaku apabila pembinaan MRT sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, kita kena menerima hakikat tersebut dan Hulu Kelang, Yang Berhormat Hulu Kelang membangkitkan tentang kelewatan JKR dalam usaha melaksanakan. Oleh sebab itu, oleh kerana proses kita, proses yang kita lakukan ialah cara *budgetting* yang dilakukan ialah setiap tahun kita *budget*, katalah kita *budget* RM100 juta, tetapi apabila sampai ke hujung tahun Jabatan itu tinggal RM30 juta, jadi Jabatan itu terpaksa memulangkan balik RM30 juta untuk dikira semula. Jadi oleh sebab itu ada dua cara Jabatan itu melakukan menghabiskan RM30 juta dengan secepat mungkin ataupun terpaksa dipulangkan kepada Perbendaharaan untuk diambil kira kalau perlu dibagi balik kepada Jabatan tersebut.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Speaker, boleh minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Speaker, sebenarnya ada peruntukan yang membolehkan supaya *virement* ataupun pindah peruntukan dijalankan dalam sistem bajet yang membolehkan apabila suatu agensi itu atau jabatan tidak dapat membelanjakan duit itu maka boleh lah dipindah peruntukan supaya membolehkan pelaksanaan projek-projek yang utama boleh dilakukan. Jadi bersetujukah sekiranya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat memberikan penjelasan mengenai perkara ini.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Sungai Burong, saya dah masukkan dalam satu tabung. Tabung ini ialah luar daripada apa yang dipanggil Dana Yang Disatukan. Maknanya kalau tak habis kita dalam sistem perakaunan di negeri, kalau tak habis dimasukkan balik kepada dana Akaun Yang Disatukan, kemudian keluar balik tapi sekarang apabila kita setuju tentang macam duit MARRIS ini kita terus dapat duit MARRIS ini kita masukkan dalam dana apa yang dipanggil Tabung MARRIS. Maknanya duit tu dah keluar macam sudah dibelanjakan, maknanya duit itu sudah keluar. Jadi oleh sebab itu tak payah lagi

menunggu nak minta balik, mesti dihabiskan dengan cara tersebut. Oleh sebab itu lah sebabnya saya tidak menggalakkan bajet untuk setahun. Bila dia perlukan dia boleh dapat bajet tersebut. Itu sebab saya mula tidak walau bagaimana itu tidak secantik kita *plan* untuk setahun tapi kita buat bila nak buat boleh buat itu yang cara yang kita nak lakukan dan dewan akan diberitahu tentang cara tersebut dan Speaker.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya penjelasan saya bukan apa daripada duit itu dimasukkan sebab kita tahu dalam apa orang kata keperluan jalan-jalan juga dan juga keperluan untuk menyelenggarakan apa ini jalan-jalan MARRIS ini masih banyak, cuma dalam tahun itu dia tidak dibajetkan jadi sekiranya daripada duit itu dimasukkan di dalam wang disatukan kalau kita ada sebab kaedahnya membuat *virement* ataupun pindah peruntukan bawa saja duit itu digunakan untuk belanja menyelenggarakan jalan itu, jadi sekurang-kurangnya duit itu dapat dibelanjakan dan dapat menyelesaikan masalah daripada duit itu disimpan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat, Tuan Speaker pandangan itu sama dengan kita sekarang. Itu sebab dulu satu akaun yang mengapa kita ditegur oleh Audit Negara. Sebab akaun itu semua akaun itu semua benda bila kita masukkan belanja untuk jalan, kita belanja untuk gaji, jadi dia meminta kita untuk menyediakan satu akaun khas untuk MARRIS. Sebab dia nak semak tentang penggunaan MARRIS dan ini telah berlaku. Oleh sebab itu, tak ada lagi sebab mengapa kita tak ada cukup wang kalau betul habislah. Tetapi wang itu akan digunakan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa disiplin dalam perkara ini yang perlu kita lakukan iaitu kita mesti tahu tentang *bill of quantity* kita mesti tahu tender cara tersebut. Jadi peraturan ini sudah mula dirasai oleh dilakukan oleh pihak JKR dan PBT. Saya percaya dalam masa yang terdekat lebih banyak program-program ini dapat dilakukan. Saya nak mengambil satu contoh.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan ya. Dalam konteks contoh yang saya kemukakan, masjid dan pra sekolah peruntukan di bawah JAIS, JKR hanya Agensi pelaksana. Jadi mengapa berlaku ketidakselarasan kelewatan tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Speaker, Hulu Kelang, kerana dia lewat membuat kerja, dia lewat maknanya untuk katalah dalam program kita ada masjid mesti dia ada peruntukan untuk 2 masjid tiap-tiap daerah setiap tahun. Ada lebih kurang RM18 juta diperuntukkan untuk satu daerah dan untuk itu mereka kena buat, mencari tanah, membuat peruntukan

apa semua, dari segi peruntukan dah ada tapi proses itu mesti dilakukan. Ada kalanya, dia tersekat dalam proses-proses tersebut. Jadi, satu cara yang dibuat dalam syarikat ialah kita ada program pemantauan setiap projek tersebut dan seorang daripada projek *organizer* itulah yang akan bertanggungjawab untuk menentukan projek itu selesai atau tidak. Tetapi ini mesti diselarikan dengan organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya sekarang tengah membuat satu cara yang mana kita kena *assign* seorang untuk menyelesaikan projek ini. Kalau dia pakai jawatankuasa dia akan lambat dia kena bagi *project manager* untuk jalankan itu. Itu sebab di sektor swasta *project manager* sahaja yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau di sini walaupun JAIS diberi kuasa JAIS kena menunggu JKR, JAIS kena menunggu JPS dan apa semua. Jadi itulah sebabnya kita kena ubah organisasi kita supaya lebih menentukan orang yang menjalankan tugas itu adalah orang yang boleh merentasi semua jabatan-jabatan tersebut.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan. Adakah kaedah *project management team* dengan izin tidak boleh dilaksanakan di dalam sistem kerajaan?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya percaya Yang Berhormat Sungai Burong mempunyai beberapa pengalaman dalam itu, sebab program-program di bawah kerjaya itu dia mengikut apa yang dipanggil sistem organisasi, tapi saya akan mengubah saya berterima kasih pada Dato' Setiausaha Kerajaan kerana memberi persamaan dalam pemikiran untuk menyelesaikan perkara ini. Saya nak bagi contoh sebab saya nak rekodkan dalam *hansard*. Sungai Rasah, Sungai Rasah secara program menyelesaikan masalah banjir Sungai Rasah melibatkan 2, Pihak Berkuasa Tempatan, 5 Jabatan. Jadi, pada cara yang dulu ialah tiap-tiap kawasan dijaga oleh satu-satu Jabatan ataupun satu Pihak Berkuasa Tempatan. Kalau lepas daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa menyuruh Pihak Berkuasa Tempatan yang lain menyelesaikannya. Jadi Sungai itu tak tahu dan dia dimasukkan dalam Pihak Berkuasa Tempatan yang berbeza. Jadi apabila kita nak menyelesaikan banjir kita menyelesaikan daripada awalnya sampai mereka sampai ke air itu masuk ke dalam laut dan oleh sebab itu kita kena menyelesaikan secara keseluruhannya dan apa itu berlaku ada Jabatan yang mengatakan dia tak ada kuasa sebab dia hanya ada kuasa di kawasan Shah Alam, lepas itu di kawasan Klang dia tak ada kuasa dan kawasan Klang pula tak boleh masuk dalam kawasan Shah Alam. Pengambilan tanah. Oleh sebab itu, kita kata mengapa tidak kita tidak buat satu projek untuk dari hujung sampai ke sini dibuat oleh satu *management team* sahaja. Ini telah berlaku dan memakan masa setahun setengah untuk memahami cara

membuatnya. Sekarang sudah difaham. Jadi maknanya apabila saya sebagai Menteri Besar berjalan dari hujung tak sampai dia tak sampai 7 kilometer pun saya boleh berjalan pun daripada hujung sana ke sini dia mesti kesemua ini disenaraikan oleh satu pasukan sahaja tak boleh pasukan yang bertindih. Itu sebab Yang Berhormat Sri Muda tengok ini EXCO yang menjalankan sebab kuasa itu ialah kuasa semua. Kalau nak tunggukan kuasa yang di Pihak Berkuasa Tempatan tidak dapat selesai. Jadi apa nak saya nyatakan dalam dewan ini. Kita kena membuat beberapa perubahan dari segi pengurusan negeri supaya kita dapat membuat beberapa kerja dengan lebih efisien. Saya percaya, saya nak tunjukkan adakah perkara ini dilakukan di Kerajaan Persekutuan. Jawapannya, ya. Dia dilakukan tetapi kosnya sangat tinggi sebab dia merangkumkan projek-projek yang tertentu seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Sungai Burong dalam kuasa Perdana Menteri dan dia ada pula satu Jabatan dalam Jabatan yang dan dia panggil konsultan dan juga kumpulan yang dibayar gaji yang berasingan daripada pegawai kerajaan yang membuat itu. Jadi bererti kita untuk satu projek itu kita kena bayar 2 kali untuk itu dan saya tidak bersetuju tentang perkara yang tersebut. Sebab saya rasa pegawai kerajaan kita cukup mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan perkara ini hanya organisasi sahaja yang perlu diperbetulkan. Itu pandangan saya dan saya rasa kita tidak perlu menambah kos yang sangat tinggi. *I think* dipanggil pemandu. Dia memandu semuanya. Saya tak hendak diadakan pemandu di Pejabat Menteri Besar supaya ada pula orang lain yang buat kerja ini, tak boleh. Jadi, kita kena ubah tatacara pengurusan seluruh negeri bukan untuk menambah satu Jabatan lain untuk menyelesaikan jika tak ada perkara itu dapat diselesaikan dan Tanjung Sepat juga mencadangkan tentang kegiatan ekonomi di Batu Laut. Saya telah melawat kawasan tersebut untuk melihat perancangan untuk menarik peminat-peminat orang suka kapal layar dan kawasan itu cantik tetapi masih perlu pelaburan yang sangat besar untuk menentukan prasarana yang perlu diadakan. Walau bagaimanapun, pandangan saya yang awal, mereka-mereka yang boleh bermain program sukan laut ini mengikut kajian ialah mereka-mereka yang datang dari kumpulan yang mempunyai pendapatan lebihan. Pendapatan lebihan, itu maknanya itu sudah sampai ke peringkat keluarga yang mesti mempunyai pendapatan RM7000.00 dan ke atas. Jadi barulah boleh dilakukan dan untuk itu sudah tentulah belanja untuk itu sangat tinggi. Itu sebab saya tunggu dulu supaya saya nak buat kajian sebab *boating* apa ini perlu perbelanjaan yang sangat tinggi untuk keluarga dan pembiayaan oleh Kerajaan Negeri agak tidak cukup untuk itu. Jadi, jawapannya adakah kita untuk *commercialised this area*. Itu akan menjadi soalan polisi untuk kita bincangkan. Teratai juga minta penjelasan tentang Tebatan Banjir dan RM600 juta pinjaman Negeri Selangor untuk Mitigasi 2 dan ini semua sudah saya jelaskan dan kita

akan bercadang untuk memberi siri penjelasan kepada Ahli Dewan Negeri mengenai masalah pengurusan dan penyusunan semula industri air dan Taman Templer telah membangkitkan tentang *traffic light* iaitu Sistem Penyuraian Trafik. Saya rasa saya boleh simpulkan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ini ialah termasuk tentang kecekapan penggunaan wang MARRIS yang perlu kita pertingkatkan dan penentuan kawasan-kawasan yang perlu diselesaikan dan juga maklumat-maklumat yang patut diberikan kepada Ahli-Ahli Dewan yang berkenaan supaya memahami tentang keadaan-keadaan yang sebenar. Dan perkara ini saya percaya penjawat awam akan mengambil perhatian dan kita mengemukakan beberapa usaha supaya penyelesaian ini dapat dilakukan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker soalan isu yang saya bangkitkan dijawab oleh.

**TUAN SPEAKER:** Boleh minta penjelasan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Saya mohon penjelasan tentang pembinaan Hospital awam di PJ kemudian yang keduanya tentang pembinaan Masjid Dato' Haji Kamaruddin di Seksyen 51A, PJ dan penaiktarafkan kios yang sudah berusia lebih 20 lebih di PJ S2.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Taman Medan malam tadi saya baca sebab saya tengok soalan kios ini ditanya oleh Taman Medan dalam soalan jawapan mulut. Iaitu sebab itu saya tinggalkan sebab kalau tidak dia untuk PJ, untuk soalan kios untuk PJ S1. Tapi jawapan saya pada itu kita secara umum saya dapati pembinaan itu, oleh kerana boleh jadi kita mungkin pada masa itu menjimatkan kos ataupun tiada rancangan yang betul. Kualiti pembinaan itu sangat teruk dan *designnya* pun tidak betul jadi jawapannya dan yang paling selesa saya boleh jawab kita kena runtuhkan dan bina semula. Jadi itu jawapannya tapi saya juga kena berkira sama ada kita cukup untuk itu kedua daripada penelitian saya, satu contoh yang boleh kita ambil ialah bagaimana perubahan pengendalian kios-kios yang dilakukan di lebuhraya. Saya tengok lebuhraya Malaysia ini pengendalian kios-kios itu saya ingat jauh lebih baik 3 tahun yang lepas. Jadi saya pergi melawat satu malam saya pergi singgah daripada Rasah, saya melawat Mendiang Irine Fernandes saya singgah selepas itu minum teh pukul 11 malam di satu kawasan tempat persinggahan dan saya pergi ke belakang, meneguk dia belakang, jadi kalau nak menyemak kita meneguk tentang kebaikan itu kita kena di belakang bukan di depan, saya pergi ke belakang. Jadi untuk melihat dan saya dapat saya tengok

sudah ada sistem-sistem yang betul untuk itu. Oleh sebab itu saya cadangkan kita cuba meminta PBT mengkaji supaya satu sistem yang lebih baik sistem ini sudah berlaku di negeri kita. Boleh dilaksanakan jawapan yang selalu dikatakan budaya kita ialah suka mengotorkan tempat tapi saya tengok apabila kita dibuat dengan betul budaya kita sudah serupa maknanya orang yang malam itu juga saya tengok, orang yang minum di dalam tong itu, dia minum iaitu belia dia habis minum, iaitu bila habis minum dia kumpulkan dia pergi berjalan kepada untuk masukkan ke dalam tong. Jadi dalam kiraan saya sudah ada sifat-sifat yang sebegitu is *the good story*.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Nak tanya sahaja nampak tidak percaya. MB turun padang tengok longkang. Boleh

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Boleh kalau saya ada masa sama-sama pasal menengok longkang dan jalan saya pernah bekerja untuk menjaga longkang dan jalan bukan satu tapi jauhlah saya jaga estet maknanya itu yang paling penting, sebab itu paling kos yang tertinggi dalam kos-kos pengendalian. Jadi tak jadi masalah.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar yang bersedia untuk turun ke longkang tetapi jemputan saya sudah dua tahun untuk turun pasar Seri Muda belum turun, mohon penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Perkara itu Yang Berhormat, Tuan Speaker dan Sri Muda saya kalau pun saya tidak melawat saya diberitahu tentang bagaimana sedih penjaja di pasar itu yang ada mempunyai satu meja. Dua tiga perkara sahaja yang dijualnya. Dia menceritakan keadaan kalau kita robohkan itu habislah keadaan tersebut. Saya memahami tentang perkara jadi tak payahlah saya pergi lawat untuk bersama-sama bersedih, tak bolehlah sebab kita belum ada penyelesaiannya tak guna melawat. Tapi saya faham jadi itu sebabnya kita bersetuju untuk projek itu dicepatkan penyelesaiannya walaupun saya diberitahu orang yang duduk menjual itu boleh jadi itulah dia jual harga jualannya tidak sampai RM50.00 untuk dua tiga jam di situ. Jadi dari segi ekonomik ia tidak berbaloi tapi oklah kita kena terima itu. Mengenai hospital masalah hospital ini sangat besar saya hormati cadangan Yang Berhormat daripada Ijok tapi daripada segi keperluan hospital sangat banyak. Jadi kita telah meminta Kerajaan Persekutuan untuk menentukan satu lagi pembinaan Hospital di Kapar untuk menyelesaikan masalah Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang. Jadi saya dan kita juga saya dapati di Ijok boleh jadi akan

bernasib baik kerana Hospital yang akan dibina oleh Universiti Teknologi Mara akan berada di sana.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar bukan Ijok Taman Medan, saya mohon Hospital Awam di PJ.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya saya izinkan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mengusahakan Hospital di Kapar yang ini yang Taman Medan dengan Bukit Gasing juga mohon di Petaling Jaya sudah ada tapak yang dijawab dalam sesi yang lepas sudah ada. Tapak sudah ada cuma hospitalnya tidak ada. Keperluan untuk Hospital awam di Petaling Jaya tinggi. Tengok di Bandar Petaling Jaya dikelilingi oleh Puchong, Subang Jaya, Kota Damansara semuanya tiada hospital awam yang paling dekat pun Sungai Buluh, agak jauh. Hospital Universiti pun sangat mahal sekarang dan penuh sesak. Jadi Hospital awam ini kita mohonlah untuk Kerajaan Negeri usahakan dan mendesak Kerajaan Pusat membina pembinaan tersebut, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih pendesakan itu diterima tapi hasilnya tidak tentu. Itu sebab antara yang menyebabkan Ahli-Ahli Yang Berhormat amat runsing apabila saya kata mana pembinaan hospital, prasarana akan dipersetujui tertakluk kepada perancangan yang dibuat sebab saya tahu macam permohonan hospital Specialist oleh Hospital Universiti Malaya. Dan itu saya percaya keperluannya tapi isu yang terpenting di sana ialah sama ada penempatan itu sesuai atau tidak. Sama ada dia akan menimbulkan masalah trafik, kesesakan lalu lintas itu semua diambil kira. Saya rasa Petaling Jaya adalah antara metropolitan yang boleh berdiri di atas kaki sendiri sebab pendapatan per kapita masyarakat Petaling Jaya adalah antara yang tertinggi di Malaysia. Jadi oleh sebab itu keperluan untuk Hospital perlu tetapi dia boleh disamakan dengan penglibatan Hospital Swasta. Oleh sebab rasa keperluan di luar bandar dari segi kiraan pendapatan per kapita adalah keutamaannya masyarakat di sana. Itu perhatian sayalah.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Kalau begitu Taman Medan mohon Kerajaan Negeri memikirkan bagaimana boleh bantu warga yang



berpendapatan rendah untuk melunaskan bil-bil hospital mereka. Sebab saya didatangi oleh ramai warga Petaling Jaya dalam kawasan saya, mohon untuk menjelaskan bil-bil hospital mereka kerana tidak boleh mengambil rawatan seterusnya selagi belum dijelaskan bil sebelum itu.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Sama juga isunya bila Taman Medan tidak mampu menolong dalam peruntukan mereka datang ke Bukit Gasing minta peruntukan tetapi kawasan flat kos rendah di Petaling Jaya pun juga cukupnya dan mereka tidak mampu pergi ke swasta. Isu Hospital Swasta tidak menjadi isu *privet private hospital the base for supply demand* dengan izin. Dan MPPJ telah bagi kelulusan seperti Colombia di Seksyen 3 dan jika ada keperluan untuk Hospital swasta saya rasa lebih banyak akan masuk ke dalam komersial dan membinanya MPPJ tidak ada halangan. Jadi untuk orang yang kaya itu mereka ok dan *take care them self*. Tetapi kita risau kepada golongan miskin cukup banyak di Bandar lama PJ dan sekeliling PJ dan Seksyen 14 cukup ramai orang miskin yang memerlukan bantuan. Ini yang kita harapkan, kita sangat harapkan tapak yang sudah diwartakan tiada kontroversi pembinaan di sana kita dapat segerakan satu *non hospital hope* saya harap rakan-rakan di Barisan Nasional memberi sedikit desakan kepada Menteri Kesihatan juga untuk mempercepatkanlah hospital ini di Petaling Jaya.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker saya ingin menyambung.

**TUAN SPEAKER:** Siapa nak sambung, Seri Serdang masa pencelahan, Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN B. ABDUL RAZAK:** Terima kasih, saya nak minta penjelasan dan pandangan sebenarnya kepada pihak kerajaan. Sebenarnya rakan-rakan tersebut dari semalam perbincangan berlangsung memang tengok keperluan-keperluan untuk rakyat termasuk beberapa hospital-hospital, sekolah banyak ditimbulkan sama ada di Kapar dan di kawasan Taman Medan. Dan kita rasa itu keperluan yang sangat mendesak dan sebagai langkah jangka panjang *team* pembinaan itulah sebagai satu langkah penyelesaian terbaik. Jadi saya nak tanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan pihak kerajaan apakah bersedia untuk bekerjasama sebab kita sedia maklum, hospital, sekolah ini adalah tanggungjawab Kementerian-kementerian di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi kita sedia maklum Persekutuan juga terpaksa menguruskan seluruh Negara Sabah dan Sarawak yang lebih memerlukan. Jadi apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengadakan satu perkongsian Bestarilah kita

sebut perkongsian bijak di mana satu keadaan yang pihak negeri menyumbangkan sebahagian dana dan Kerajaan Persekutuan juga menyediakan sebahagian dana untuk pembinaan beberapa hospital pun sekolah yang begitu kritikal diperlukan di kawasan-kawasan seperti Kapar dan juga di Petaling Jaya. Jadi mungkin dengan perkongsian bersama ini dilakukan oleh pihak FELDA sendiri saya bagi contoh bagaimana FELDA keperluan yang amat mendesak untuk mengeluarkan belanja untuk membina sekolah MRSM FELDA yang diberi kelulusan oleh Kementerian Pelajaran dan bajetnya dikeluarkan oleh FELDA. Begitu juga contohnya Sekolah Proton City, yang mana Proton sanggup mengeluarkan perbelanjaan dan mana kala Kerajaan Negeri menyediakan tapak. Mungkin perkongsian ini boleh difikirkan supaya boleh sedikit sebanyak membantu menyelesaikan masalah. Jadi saya nak mohon daripada Kerajaan adakah persediaan untuk perkongsian yang sedemikian supaya isu-isu yang dibangkitkan ini keperluan ini boleh kita selesaikan tapi mungkin Kerajaan Persekutuan 50%, Kerajaan Negeri 50%. Jadi mungkin ini nampak boleh dipertimbangkanlah jadi saya minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Minta pencelaan Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BT ISMAIL:** Seri Serdang bersetuju apa yang diminta oleh Taman Medan, samalah hospital keperluan. Menteri Besar menyebut tadi duduk di Petaling Jaya berpendapatan tinggi, sebenarnya Seri Serdang pernah duduk di PJ itu, kawasan-kawasan perkampungan, pemindahan, setingan dan sebagainya banyak warga-warga yang miskin. Itu saja memberi sokongan kepada Taman Medan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Serdang dan Bukit Gasing. Saya telah membuat inisiatif yang ingin mengadakan perjumpaan tiap-tiap tiga bulan bersama dengan Unit Perancang Ekonomi Malaysia kerana saya hendak bersama-sama merangkakan perancangan masa depan Negeri Selangor supaya kita ada persamaan dan juga mengira bagaimana *priority-priority* yang diadakan. *Alhamdulillah*, saya ingat kita mula berbincang supaya saudara tengok saya perhatikan perbincangan itu menumpukan tentang pembangunan yang sebaik-baiknya untuk negeri dan negara. Dan ini berlaku dalam pembinaan MRT, LRT dan seterusnya. Sudah ada berlaku perbincangan, dan perbincangan itu juga mengambil kira tentang sumbangan Kerajaan Negeri dan juga sumbangan Kerajaan Persekutuan. Insya-Allah perkara ini umpamanya saya telah meminta UPEN untuk menyediakan kita punya *wish list*. Kita punya kehendak kita akan bandingkan

dengan perancangan Kerajaan Persekutuan. Dan jawapan kita ialah walau pun kita ada perbezaan pandangan daripada, dari segi *political*, politik dari segi pembangunan politik, tetapi dari segi pembangunan untuk rakyat kita serupa. Jadi, jadi tidak ada jadi satu masalah yang sangat besar untuk diselesaikan. Dan, dan ini mula berlaku, dan saya harap kita akan dapat teruskan sebagai satu asas. Sebabnya begini, pembangunan Negeri Selangor, Lembah Kelang akan memberi sumbangan yang sangat besar kepada ekonomi Malaysia. Jadi, pembangunan negeri, pembangunan kawasan ini memberikan apa yang dipanggil dalam istilah ekonomi *a higher multiplier than* pembangunan di kawasan-kawasan luar ini. Jadi, kalau Malaysia ingin mencapai wawasannya dia sama ada suka atau tidak suka dia akan membangunkan kawasan ini sebab dengan kawasan ini membangun dan negeri dan negara akan membangun dengan lebih cepat lagi. Jadi penerimaan itu daripada konsep itu, konsep yang boleh kita terima bersama. Ah! Itulah saja dan kita berharap ujian yang paling besar yang saya ingin rekodkan ke dalam Dewan ini ialah bagai mana kita menyelesaikan isu air dan penyelesaian pembangunan ini...

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Seri Muda bangun mencelah.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIKN SHAFEI:** Terima kasih Puan Speaker dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya tertarik dengan persetujuan atau pun komitmen daripada Kerajaan Negeri untuk mengadakan usaha sama dengan Kerajaan Persekutuan dalam perkara-perkara yang melibatkan soal kesihatan, pendidikan dan juga kebajikan. Cuma satu peringatan saya kepada Kerajaan Negeri untuk kita melibatkan semua Ahli Dewan ya. Kita tidak mahu ya! Kerjasama itu dilakukan secara sembunyi-sembunyi, yang tidak jelas di pandangan kita dan kita mengharapkan Ahli-ahli Dewan ini dapat dibawa sama bagi membincangkan soal-soal yang menjadi tanggung jawab pada Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan di peringkat Negeri. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu, pandangan Sri Muda itu pandangan yang perlu kita lakukan dan juga Yang Berhormat Puan Speaker, walau bagai mana pun dalam usaha untuk menentukan keserasian pandangan, itu kita mesti bermula dari satu tapak yang sama kalau tidak, daripada awal lagi kita tidak mempercayai satu sama lain itu tidak boleh dikatakan satu rundingan. Itu sebab saya ingin membina satu jambatan, jambatan pembangunan. Walau pun kita tidak akan sama dari segi prinsip agenda politik kita, itu memang tidak boleh jadi kita tidak akan sama tetapi prinsip menentukan pembangunan untuk semua rakyat adalah serupa. Jadi, kalau kita lahirkan jambatan pembangunan yang

bersama ini kita akan bukan sahaja dapat menggunakan duit cukai negara itu dengan sebaik-baiknya dan menyalurkan manfaat ini kepada semua rakyat dengan cara yang tertib dan teratur. Itu yang kita terima. Dan kita perlu masa sebab oleh kerana boleh jadi hampir setengah daripada rakan-rakan saya dalam politik telah merasakan lebih daripada tiga puluh tahun dipinggirkan, jadi, oleh sebab itu keadaan percaya mempercayai ini agak lembap sedikit. Jadi oleh sebab itulah kita akan meneruskan satu usaha bersama dalam segi pembangunan bersama.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sikit lagi penjelasan, boleh.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya amat menghargailah pandangan, komitmen yang begitu positif pihak Kerajaan terhadap cadangan yang saya bangkitkan dan apa yang saya minta kan sedikit lagi penjelasan daripada pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ucapkan terima kasihlah, mungkin kalau tak pun mewakili Kerajaan Persekutuan, tapi, sekurang-kurangnya kesediaan pihak Kerajaan untuk memberi kelulusan pada Langat Dua contohnya, kepada kebenaran merancang kepada MRT dan sebagainya. Ini satu juga, satu, satu usaha sama yang baru yang kita nampak ada jalan titik penyelesaiannya, cuma mungkin dalam mempercepatkan agenda pembangunan sebagai mana yang diperlukan sangat seperti hospital dan sekolah tadi tu, barangkali mungkin perlu juga sedikit komitmen bukan sekadar bentuk kelulusan sahaja tetapi mungkin diperlukan juga dari segi kapitalnya, barangkali mungkin kalau tak lima puluh, lima puluh barangkali tiga puluh peratus dan sebagainya. Ada peratusan-peratusan tertentu yang mungkin boleh disumbangkan daripada *reserve* kita atau pun apa yang ada di Negeri Selangor yang boleh mempercepatkan lagi apa ni hasrat rakan-rakan kita yang berhasrat untuk membawa pembangunan di kawasan yang dimaksudkan tadi. Saya nak minta kalau ada penjelasan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Permatang, Puan Speaker, saya mewakili rakyat Selangor duit rakyat Negeri Selangor ini mahal harganya. Jadi, itulah saya bersama saya mewakili Yang Berhormat Permatang juga jadi oleh sebab itu saya akan tentukan kalau sesuai kita gunakan. Jadi, kita tidak boleh menyerahkan sahaja dana tersebut sebab ini, simpanan kita ini adalah simpanan untuk masyarakat Negeri Selangor dan saya percaya setiap persetujuan kita itu memberi makna. Jadi, yang pentingnya

ialah kedua-dua pihak akan bersetuju untuk melaksanakan dengan betul dan cara yang baik.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi...

“ Bahawa menurut Seksyen 9, Seksyen 4 (2b) dan Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM 237,090,947 yang dinyatakan dalam peruntukan tambahan No. 1 2014 Perbelanjaan Pembangunan yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual Peruntukan Tambahan No. 1 2014 Perbelanjaan Pembangunan Vot P.01 Jabatan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Peruntukan RM 179,090,947 P.12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor 58 juta, jumlah 237,090,947”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul No. 2 Tahun 2014, Usul Pelantikan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bahawasanya menurut peraturan 68 (2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Lee Chin Cheh, Ahli Dewan Kawasan Kajang di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker. Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk perbahasan. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Hulu Kelang bangun untuk memberi sokongan kepada usul yang telah dibawa oleh

Kerajaan dengan beberapa permintaan khususnya dari segi pertambahan Jawatankuasa Khas dan juga Jawatankuasa Pilihan telah meningkatkan bebanan urus setia. Dan, baru-baru ini dalam penyediaan penyata ke arah persediaan sidang Dewan, pengerusi-pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa diberi notis untuk menyiapkan dan menyediakan penyata dalam tempoh tertentu, mengadakan mesyuarat dalam tempoh tertentu. Jadi, seolah-olah kalau sidang Dewan hendak diadakan jawatankuasa tidak boleh mengadakan mesyuarat kerana bebanan urus setia yang menyediakan persidangan Dewan, urus setia juga sibuk dalam urusan penyediaan soalan dan pentadbiran-pentadbiran yang berkaitan dengan penyediaan Dewan. Jadi, seolah-olah dalam perjalanan jawatankuasa, kalau tiga sidang Dewan setahun tiga bulan jawatankuasa tidak dapat berfungsi kerana kurang mendapat sokongan, tidak dapat sokongan daripada urus setia yang sibuk dengan bebanan penyediaan Dewan. Jadi, saya berharap kelemahan ini dapat dibaiki. Kita yakin aktiviti-aktiviti jawatankuasa akan meningkat. Khususnya yang berkaitan dengan Jawatankuasa Kira-kira Awam dan juga jawatankuasa-jawatankuasa yang lain. Jadi, kita, saya mencadangkan agar ditingkatkan bilangan urus setia, kakitangan bagi mewujudkan sistem-sistem sokongan yang berpatutan agar keaktifan jawatankuasa tidak terencat menjelang sesuatu sidang Dewan. Dan saya juga difahamkan, selepas sidang Dewan tidak semudah itu jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat kerana sidang Dewan selepas tamat urus setia ditugaskan dengan penyeliaan tugas-tugas yang lain. Jadi, adalah wajar bagi kerajaan menambah dan meningkatkan bilangan kakitangan di Dewan Negeri bagi mewujudkan sistem sokongan sehingga apabila sesuatu sidang Dewan hendak diadakan tidak terencat kegiatan dan aktiviti mesyuarat atau pun aktiviti yang berkaitan dengan jawatankuasa. Dan satu lagi adalah dari segi sistem sokongan. Saya difahamkan dan kami telah menikmati sokongan daripada penyelidik-penyelidik di bawah Pejabat Speaker dan kalau kita khususnya kepada Speaker dan kepada ADN-ADN mungkin apabila jawatankuasa ini aktif bilangan itu mungkin masih tidak memadai, dan saya difahamkan pada sidang yang lepas, sesi yang lepas Speaker diperuntukkan, peruntukan RM 500 ringgit setahun dan kalau peruntukan itu dapat diteruskan pada kali ini untuk membolehkan Speaker melantik lebih ramai Pegawai-pegawai Penyelidik untuk memberi sokongan kepada setiap Jawatankuasa. Bukan hanya tiga orang setakat ini kepada Speaker yang *cross the board*, membantu keseluruhan Jawatankuasa tapi satu Jawatankuasa didirikan dengan izin kepada satu Jawatankuasa tertentu. Dan satu lagi halangan kepada mengadakan mesyuarat itu adalah mesyuarat Jawatankuasa perlu dijadualkan, seperti hari Isnin sekian-sekian Jawatankuasa, hari Selasa, satu Jawatankuasa. Jadi saya nampak perkara ini juga terganggu kerana kurang tempat mesyuarat jadi saya

mencadangkan agar satu penyelesaian dilaksanakan bagi membolehkan mesyuarat berjalan dengan lancar tanpa sekatan hari-hari tertentu dengan menyediakan lebih ruang, lebih banyak ruang dan bilik mesyuarat. Sekian, Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan juga ingin turut menyokong usul Pelantikan di bawah peruntukan 58, Pelantikan Yang Berhormat Dato' Sri Wan Azizah sebagai Ahli Jawatankuasa PAC bagi sidang Dewan Negeri Selangor ini di mana saya menyambut baik pelantikan ini akan menyokong penuh di mana PAC ini adalah satu Jawatankuasa yang bertindak memantau dan mengawal selia perbelanjaan wang awam, wang kerajaan, pada pembayar cukai khususnya dana kerajaan dan berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Kajang di Parlimen selama sepuluh tahun dua penggal Ahli Parlimen Permatang Pauh dan kini sudah dilantik, diangkat melalui kemenangan besar di Kajang. Jadi berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Kajang ini saya yakin dapat membantu ya, membantu PAC Negeri Selangor melontarkan idea-idea pengalaman beliau untuk membantu PAC memperkemaskan dan terus memberi sumbangan peranan memperkasakan peranan PAC Negeri Selangor ini supaya akaun-akaun Kerajaan di Negeri Selangor yang ditegur dalam Ketua Audit Negara ini kita dapat sama-sama bersama di dalam satu pasukan untuk memantau, mengawal selia peranan Jawatankuasa PAC yang sedia ada. Saya harap, saya menyokong penuhlah pelantikan ini dan turut saya ucapkan selamat datang ke PAC ini dan saya sendiri, kita akan terus bekerjasama bersama Ketua Pembangkang untuk terus menjayakan fungsi PAC ini. Sekian, Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker, saya ingin menyatakan sokongan kepada pelantikan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang untuk menduduki salah satu kerusi Jawatankuasa di peringkat PAC. Sedikit pandangan daripada saya ialah banyak dalam penggal yang lepas saya berada di Jawatankuasa ini dan banyak juga antara syor-syor yang dikemukakan melalui Jawatankuasa ini telah pun diambil kira dan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Tetapi ada juga antara syor-syor itu yang tidak langsung diberikan perhatian. Jadi saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk meneliti semula syor-syor yang telah dikemukakan dalam Jawatankuasa yang lepas dan kalau ianya bersesuaian untuk dipertimbangkan, saya amat berharap ianya boleh dipertimbangkan untuk diberikan perhatian bagi pelaksanaan untuk

penambahbaikan, ketelusan dan kebertanggungjawaban kita sebagai Pentadbiran Kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kajang.

**Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kerana saya dah dipilih menjadi anggota di PAC di Selangor tapi saya nak memberi sedikit syor juga kerana Ketua Pembangkang sepatutnya mempengerusikan PAC ini seperti mana yang saya selalunya menjadi kebiasaan dalam mana-mana Dewan. Tetapi saya rasa bahawa kita akan sama-sama akan cuba membuatkan tugas kita bersama untuk menentukan bahawa duit rakyat ini dibelanjakan dengan baik dan berhemah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Pihak Kerajaan jika nak beri sebarang maklum balas?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya nak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan, Hulu Kelang, Sri muda dan Yang Berhormat Kajang. Yang telah pun berucap sebentar tadi. Berkenaan dengan Mesyuarat Jawatankuasa semasa Dewan bersidang. Sesungguhnya adalah menjadi amalan di Parlimen Komanwel di mana apabila Dewan bersidang, Jawatankuasa tidak bersidang supaya semua Ahli Parlimen atau pun Ahli Dewan Negeri memberikan penumpuan kepada sidang Dewan. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan dalam tahun-tahun kebelakangan ni di mana Parlimen Malaysia terpaksa membenarkan meminda peraturan tetap membenarkan Jawatankuasa PAC bermesyuarat semasa sidang Dewan kerana masalah mereka adalah apabila mereka bersidang apabila Jawatankuasa PAC bermesyuarat menetapkan tarikh bermesyuarat di luar sidang Dewan, kuorum tidak cukup. Jadi itu adalah masalah mereka jadi mereka terpaksa meminda. Jadi itu bukan satu amalan bagi saya, bukan amalan yang baik. Walau bagaimanapun, saya bersetuju bahawa sokongan dari segi urusetia harus diperkasakan lagi di Peringkat Dewan Negeri Selangor untuk memudahkan lagi semua Jawatankuasa di Dewan Negeri Selangor ini dapat berfungsi dengan lebih lancar lagi. Kerana kalau berbanding dengan Parlimen ataupun DUN di negeri-negeri yang lain, Selangor inilah kita mempunyai bilangan Jawatankuasa yang paling banyak selain daripada Jawatankuasa PAC, Jawatankuasa Peraturan Tetap, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kita telah pun meminda peraturan tetap dan mewujudkan Jawatankuasa pilihan untuk Pihak Berkuasa Tempatan untuk Agensi Badan Berkanun, apa tu baaa... Badan Berkanun dan juga Agensi Kerajaan dan juga untuk PADAT iaitu Pejabat Daerah



dan Tanah. Jadi itu menyebabkan dan juga SELCAT. Oleh itu, semua Jawatankuasa dalam Dewan, yang ditubuhkan oleh Dewan ini memerlukan sokongan itu supaya mereka boleh membuat kerja mereka dengan lebih baik lagi dan saya ucapkan tahniah kepada semua Jawatankuasa yang telah pun menjalankan tugas dengan baik dengan laporan atau penyata yang dibentangkan, kita lihat banyak penyata sejak ditubuhkan banyak penyata telah dibentangkan, dan sudah tentu saya memberi sokongan kepada Jawatankuasa ini sekiranya mereka memohon untuk mendapatkan sokongan urus setia yang lebih kuat. Sementara itu, peruntukan RM500 ribu untuk tahun 2014 ini, saya perhatikan bahawa telah pun digunakan untuk melantik penyelidik-penyelidik. Dan peruntukan ini sebenarnya ada di peruntukan di bawah Dewan tapi Pegawai Penyelidik adalah ditugaskan diletakkan di bawah jagaan Tuan Speaker itu sendiri. Oleh itu, itu terpulanglah kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mencadangkan bilangan atau pun calon-calon penyelidik yang sesuai kepada pihak Dewan dan juga Pihak Pejabat Speaker untuk dilantik untuk supaya kita peruntukan RM500 ribu dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Sementara itu saranan yang dibuat di dalam penyata tu sudah tentu Kerajaan Negeri akan memberi perhatian akan mengambil kira dalam penggubalan dasar dan keputusan-keputusan lain, sudah tentu akan diambil kira. Tidak tetapi tidak semestinya akan diterima bulat-bulat. Ya, jadi itu sebab itu adalah pandangan daripada pihak Dewan harus kita hormati tapi juga ada pertimbangan-pertimbangan dan faktor-faktor lain yang mungkin tidak berada dalam pengetahuan Jawatankuasa ini tetapi pihak eksekutif mempunyai pihak Jentera yang untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci dan juga kita ada penyelidik dalam soal ini. Jadi, saya rasa itu tidak menjadi masalah untuk diambil kira dalam proses membuat keputusan. Dan saya rasa itu saja dan saya rasa Dewan ini, kita sudah tentu akan terus menjadi teladan kepada Dewan Negeri dan termasuk Parlimen dalam kita perkasakan Dewan ini sebagai bukan sahaja pembuat undang-undang tetapi sebagai pihak yang memantau ataupun *security* kepada pentadbiran negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini dengan satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 6.82, Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Lee Chin Cheh, Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya!

**Y.B. AHLI DEWAN:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak! Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul nombor 3 Tahun 2014, usul Pelantikan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri kawasan Kinrara sebagai Ahli Jawatankuasa pilihan Pejabat Daerah dan Tanah, JP PADAT.

**Y.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawasanya menurut Peraturan 68a (2) dan 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berbahagia Tuan Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri, Ahli Dewan Negeri kawasan Kinrara, dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Puan Lee Kee Heong, Ahli Dewan Negeri kawasan Kuala Kubu Baru dalam Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah ataupun dipanggil JP PADAT.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyokong tentang usul nombor 3 Pelantikan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri bagi kawasan Kinrara untuk terlibat sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa PADAT. Seperti yang saya sebut dalam usul nombor 2 tadi, dalam Jawatankuasa PADAT juga kita telah mengesyorkan banyak perkara-perkara yang kita fikir mungkin boleh membantu Kerajaan Negeri untuk menambah baik terutama sekali dari segi penglibatan anggota-anggota Dewan. Kita dapati sejak Tahun 2008 tidak ada lagi mesyuarat di peringkat Pejabat Tanah Daerah terutamanya, mesyuarat Jawatankuasa Tanah di peringkat Daerah. Dan kita menerima laporan daripada penduduk-penduduk dan juga penghuni-penghuni terutama sekali di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah kerana PADAT ini khusus untuk urusan-urusan tanah. Maka kita telah mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan untuk diadakan semula satu mesyuarat Jawatankuasa, Jawatankuasa Tanah, Jawatankuasa Tindakan Tanah di peringkat daerah-daerah yang melibatkan anggota-anggota Dewan Negeri ataupun penyelaras. Ini adalah tujuannya supaya semua isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk dapat kita bawa dalam

mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tanah untuk diselesaikan dan membantu memberikan cadangan-cadangan yang kalau ia bersesuaian boleh dipertimbangkan masuk. Kita dapati sebagai satu contoh tanah-tanah terutama sekali dalam kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi, harganya meningkat berkali-kali ganda sekarang ini dan wujud, ya! Beberapa sindiket tertentu yang menjual tanah-tanah pemilikan sementara atau pun tanah TOL. Yang ini memerlukan Ahli-ahli Dewan untuk menyelesaikannya dan mendapatkan penjelasan daripada Pejabat Tanah dan Daerah, dan saya fikir adalah sesuai kalau sekiranya diwujudkan semula mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tanah ini untuk membawa isu-isu yang sedemikian. Jadi, saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan isu ini dan mungkin kalau cadangan itu tidak sesuai boleh dimaklumkan kepada Ahli Dewan untuk pengetahuan kita supaya kita mempunyai satu cara lain untuk membawa isu-isu seperti ini. Puan Speaker, saya menyokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker. Urusan tanah merupakan urusan yang paling utama dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri. Hasil dari tanah, premium dan cukai tahunan merupakan pendapatan yang paling utama dalam menjalankan dan menggerakkan dan usaha-usaha untuk memastikan perihal telusnya, bersihnya, teraturnya, Pentadbiran Tanah telah kita percaya dilakukan oleh kerajaan di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar sejak Tahun 2008, diperkukuhkan lagi dengan JP PADAT di bawah pimpinan Sekinchan yang telah mendedahkan tentang sapu tanah satu Malaysia. Dan ini merupakan satu perkara yang sangat ulung dan baik bagi membersihkan nama pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat. Hulu Kelang ingin mengungkapkan dalam ucapan sulung Dato' Menteri Besar pada tahun 2008 Dato' Menteri Besar telah menyatakan bahawa kerugian Kerajaan Negeri hasil daripada kehilangan hasil tanah selama 30 tahun sebanyak RM30 billion. Betul Dato' Menteri Besar? Ok.

Sejak ucapan itu dibuat dan diulang dalam Sidang Dewan dalam tahun 2008 tidak ada siasatan yang teratur yang telah dibuat oleh mana-mana pihak. Oleh sebab itu saya menyarankan antara tugas utama yang patut dilakukan oleh pihak JP PADAT bermula tahun ini adalah untuk menyiasat dan mengenal pasti kenyataan Dato' Menteri Besar bahawa dalam pentadbiran kerajaan BN yang lepas di negeri Selangor dalam tempoh 30 tahun Kerajaan Negeri Selangor yang bermakna rakyat Selangor telah kerugian hasil negeri sebanyak RM30 billion yang bererti RM1 billion setahun. Jadi ini penting kerana rakyat negeri Selangor

hendak tahu betapa teruknya urus tadbir di bawah Barisan Nasional di mana hasil negeri yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat telah dihilangkan. Dan dengan itu saya menyokong usul ini dan meminta dan mencadangkan JP PADAT melaksanakan tugas untuk mengenal pasti sejauh manakah benar dan tepatnya yang dikatakan kehilangan RM30 billion hasil negeri Selangor kepada urus tadbir tanah yang tidak baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Puan Speaker memberi ruang kepada saya untuk membuat perbahasan dalam syor pelantikan Jawatankuasa Pejabat Tanah. Saya ingin mengambil satu dua perkara yang boleh diberikan sedikit penjelasan iaitu mengenai isu-isu tanah yang ada dalam negeri Selangor. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Menteri Besar kerana memberi penjelasan tentang isu premium dan sebagainya. Namun kalau boleh kita nak dengar sendiri jawapan sebenar dari Kerajaan Negeri berhubung dengan isu pembaharuan TOL. Ini kita tak dapat penjelasan sebab dalam penjelasan yang baru-baru ini dalam Dewan nampaknya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata tak ada pembekuan dari segi itu. Sebab pada sayalah kawasan-kawasan yang sama seperti kawasan luar bandar masih banyak lagi tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang mana rakyat mengusahakan dalam bentuk pertanian dan bangunan separa kekal dan sebagainya. Maka bila mereka cuba hendak membuat pembayaran atau *renew* tahunan maka ditolak. Jadi ini menyebabkan boleh diistilahkan mereka boleh *discharge* dengan izin sebagai penceroboh tanah. Jadi ini akan menimbulkan situasi yang mana pemilik-pemilik TOL ini akan terasa tertekan sekali dan saya banyak dapat aduan-aduan daripada pihak rakyat bahawa mereka tidak boleh memperbaharui TOL mereka. Dan pada dasarnya mereka seolah-olah menceroboh. Sedangkan kalau diberikan lesen pendudukan ini barangkali mereka boleh usahakan ikut syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak kerajaan tanpa mendirikan bangunan kekal dan sebagainya. Jadi sebelum kerajaan mempergunakan tanah-tanah ini saya rasa elok diberi peluang kepada rakyat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi dan sebagainya supaya penggunaan tanah-tanah TOL ini boleh memberikan manfaat kepada rakyat. Yang kedua juga tentang isu tanah ini yang saya fikir pun Hulu Kelang kata tidak diuruskan dengan baik pada zaman Barisan Nasional ini saya rasa ini dua perkara yang tidak boleh diterima. Dan kita sudah berhujah banyak kali dalam Dewan ini berhubung dengan isu-isu tanah dan sekali lagi saya bukan hendak mengungkit tapi saya rasa dalam perbahasan kita yang agak panjang hingga jam 7 lebih petang mengenai isu *canal city* ini saya mengharap supaya jawatankuasa tanah boleh membincangkan perkara ini

dan saya amat berharap agar pihak kerajaan dapat mengemukakan satu kertas putih pada Dewan ini supaya kita dapat benar-benar melihat apakah sebenar-benarnya urus niaga ini mendatangkan keuntungan yang besar tidak merugikan rakyat Negeri Selangor kerana dalam isu yang berkaitan dengan tanah ini saya fikir jumlahnya besar 400 lebih hektar yang mana syarikat boleh buat keuntungan RM476 juta dalam tempoh mungkin tak sampai sebulan. Jadi ini perkara-perkara yang perlu diberikan penjelasan kepada rakyat negeri Selangor dan saya rasa pihak Dewan pun belum dapat satu kertas putih yang boleh dibentangkan dalam sidang yang akan datang supaya kalau ada ketulusan dalam perkara ini kita tidak ada masalah.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, sudah jauh memesong. Ini usul untuk menggantikan Yang Berhormat Kinrara. Kalau nak kaitkan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kalau boleh saya minta jawatankuasa tanah, jawatankuasa Pejabat Tanah yang ditubuhkan ini boleh menilai atau pun boleh membawa isu mengenai *canal city* ini supaya boleh membantu kerajaan membentangkan kertas putih dalam Dewan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Alangkah baiknya kalau Ketua Pembangkang menerima jawatan *Chairman* PAC daripada jawatan tersebut dia bolehlah menyiasat sepuas-puasnya terhadap isu yang dibangkitkan fasal *Canal City* ini. Jadi saya haraplah tidak takut, tidak lari daripada penerimaan jawatan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker, saya nak sentuh sikit saja saya berharap Y.B. Kinrara yang Insya-Allah akan dilantik dalam Jawatankuasa PADAT ini walaupun dia berlainan agama daripada saya, berlainan bangsa tetapi saya ingin mengingatkan juga kepada YB Kajang dan sebagainya amanah ini adalah satu benda yang disentuh oleh semua agama. Saya dapat tahu ni daripada kitab Buddha sendiri yang selalu dihantar oleh YB Sungai Pinang. Banyak dia bagi kata-kata dalam kitab Buddha itu sendiri dan juga kitab *Thirukural Arupa Veda* adalah kitab orang-orang Hindu, orang-orang India dan juga dalam Islam. Sampai dalam satu hadis Nabi kata (baca hadis dalam bahasa Arab) "Tidak ada iman kepada orang yang tidak menjalankan

amanah". Saya nak sentuh sedikit sahaja. Saya berharaplah Y.B. Kinrara menerima jawatan ini dan juga apa-apa elaun yang diambil ini diterima. Kalau kita tolak, elaun pun jangan ambil. Ada banyak kemudahan-kemudahan, ada orang dia tolak tak mahu jadi Ketua PAC tetapi elaun tambahan dia ambil, kereta dia ambil, pembantu dia ambil. Nak bagi tahu itu saja. Wallahualam. Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Meru, yang ini juga memesong. Ini usul Jawatankuasa Pilihan PADAT.

**Y..B DATO' HAJI MOHD. SHAHSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, saya nak menyatakan di sini ini adalah fitnah dan sangkaan jahat ni. Saya minta supaya memohon maaf dan tarik balik. Tak ada kena mengena dengan Ketua Pembangkang dengan elaun ini. Tak timbul sebab dia lantik sebagai Ketua Pembangkang bukan sebagai Pengerusi PAC. Jangan cuba buat tuduhan yang tak berasas. Kena sangka baik. Tadi guna ayat Al-Quran bahawa sesama Islam dan sesama bukan Islam kita kena bersangka baik, berikan tanggungjawab dan amanah. Ini membuat tuduhan-tuduhan fitnah. Insya Allah kalau tidak mohon maaf ingatlah nanti di akhirat nanti.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Sungai Burong saya dah betulkan Meru tadi. Kampung Tunku.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAHSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, saya minta supaya dia tarik balik dan minta maaf. Saya minta supaya Meru Tuan Speaker sebab ini tuduhan jahat menuduh saya ni telah menyelewengkan duit elaun yang telah diberikan kepada saya ni dan tidak menjalankan tugas. Ini satu tuduhan yang serius.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Kampung Tunku duduk dulu. Meru bagi penjelasan, Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Saya cuma nak perjelaskan dan saya nak betulkan yang itu bukan ayat Al-Quran. Saya tak sebut pun ayat Al-Quran. Itu hadis. Hadis yang sah. Itu pun tak tahu ke. Al-Quran dan hadis lain.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Dah sampai giliran saya dah.

**YB DATO' MOHD. SHAHSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker saya minta supaya Yang Berhormat DUN Meru yang membuat sangkaan jahat kepada saya minta

maaf dan tarik balik dalam Dewan ini. Kalau tidak saya akan mohon kepada Dewan supaya membawa perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Saya pun tak tahu. Saya cuma betulkan. Menegur. “Hendaklah kita memberikan peringatan supaya peringatan itu baik untuk orang Islam”. Itu sahaja. Saya tak sebut nama pun.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya rasa, saya minta izin Sungai Burong, kenyataan Meru tadi ialah jelas bahawa ketika Sungai Burong ditawarkan kerusi PAC Sungai Burong menolak. Tetapi jawatan-jawatan lain diambil. Jadi tidak ada masalah fasal ini. Dan memang Sungai Burong menolak jawatan Pengerusi PAC. Itu betul?. Kalau betul itu tak ada masalahlah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAHSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, dia buat tuduhan saya sebagai Pengerusi PAC. Pengerusi PAC ini tidak ada elaun. Dan saya dituduh mengambil elaun untuk kerana menolak jawatan PAC. Sebenarnya saya dibagi elaun pun sebagai Ketua Pembangkang. Dan saya telah menjalankan tugas-tugas saya yang terbaik di dewan ini sebagai Ketua Pembangkang. Kalau misalnya nak ditarik balik pun saya tak ada masalah. Sebab saya dilantik sebagai Ketua Pembangkang oleh teman-teman saya daripada pembangkang-pembangkang ADUN dari Barisan Nasional mewakili mereka. Ini elaun yang ditawarkan. Ini serius. Kedudukan saya menjaga kedudukan Ketua Pembangkang supaya jangan dipermainkan. Orang nak menuduh dengan sangkaan jahat yang Ketua Pembangkang ambil elaun. Saya sebenarnya tak memerlukan elaun tersebut tetapi elaun ini telah disyorkan sendiri oleh Dewan ini dan diluluskan atas kedudukannya sebagai jawatan Ketua Pembangkang. Itu yang saya nak jelaskan kepada Meru. Kawan tetap kawan tapi kalau buat sangkaan jahat saya minta pada Tuan Speaker supaya Ketua Pembangkang minta maaf kepada saya kepada jawatan Ketua Pembangkang dan tarik balik kalau tidak saya akan mohon kepada Tuan Speaker supaya tengok balik *hansard* ini dan kalau perlu kita rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan demi menjaga imej institusi Dewan. Saya tak mahu Dewan ini yang orang kata Yang Mulia dipermainkan, dipersendakan.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Saya minta maaf. Saya tarik balik. Insya-Allah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAHSUDIN BIN LIAS:** Maafkanlah, Insya-Allah. Sebagai seorang Islam sesama Islam.

**TUAN SPEAKER:** Baik Ahli-Ahli Yang Berhormat semua saya nak ingatkan lagi ini usul JP PADAT. Bukan PAC. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Menyesal betul saya bagi peluang kepada Meru untuk mengambil masa saya kesuntukan. Terima kasih Puan Speaker, saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini tetapi saya harap diberi sedikit lebih masa kerana saya merupakan Pengerusi kepada jawatankuasa ini. Saya mengalu-alukan dan menyokong sepenuhnya usul ini kerana usul ini sudah pasti akan memastikan jawatankuasa pilihan akan berjalan lebih lancar dan lebih berkesan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semenjak peletakan jawatan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kubu Baru daripada jawatankuasa ini setelah dilantik sebagai Pembantu EXCO, jawatankuasa ini telah bermesyuarat dengan bilangan anggota yang kurang daripada biasa. Dan biarpun begitu kita dapat menjalankan urusan dengan lancar walaupun kadangkala kita menghadapi masalah untuk mendapatkan kuorum. Jadi masalah yang sama seperti yang dibangkitkan oleh Sungai Pinang dan dengan pelantikan ini saya akan berasa lega. Saya berasa hal ehwal atau isu amanah yang dibangkitkan oleh Meru itu sebenarnya satu perkara yang sangat penting. Kerana kehadiran Ahli Jawatankuasa dalam mesyuarat ini mengikut pemerhatian saya adalah masih tidak memberangsangkan. Kadangkala kita hanya mempunyai bilangan kuorum yang hampir cukup sahaja untuk memulakan mesyuarat dan itu pun kena menunggu kehadiran Ahli-Ahli Jawatankuasa. Saya ingin membangkitkan sebenarnya Yang Berhormat dari Permatang kita mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sangat berat dalam jawatankuasa ini. Tapi kalau bolehlah Yang Berhormat Permatang tegur-tegurlah Yang Berhormat Kuang. Bukan sahaja Yang Berhormat Kuang yang tidak hadir ke Sidang Dewan kali ini malah dalam Mesyuarat JP PADAT saya mengatakan bahawa dengan fakta yang kukuh bahawa kehadirannya ada. Yang Berhormat Sekinchan, ada. Sekali sahaja. Kita dah bermesyuarat hampir antara 2 hingga 4 kali sebulan tapi kehadirannya sejak penubuhan jawatankuasa ini pada tahun lepas sekali sahaja. Dan bila dia hadir saya mengatakan kepada Yang Berhormat Kuang bahawa kita menjalankan tugas sebagai Ahli Dewan, kita tidak terikat kepada prinsip parti masing-masing. Sekiranya Kerajaan Negeri melakukan kesilapan kita ada tanggungjawab sebagai ahli jawatankuasa untuk



tegur tanpa betulkannya. Dalam apa juga bentuk dan cara yang diizinkan oleh Dewan yang mulia ini. Dan saya katakan perkara ini kepada beliau dan faham tetapi malangnya hanya sekali sahaja beliau hadir ke mesyuarat ini dan saya berharap Ahli-Ahli Jawatankuasa yang lain supaya memainkan peranan yang lebih

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, boleh sambung nanti. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan pukul 1 tengah hari maka saya tangguhkan dewan sehingga 2.30 tengah hari. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Perbahasan disambung semula, Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menyambung Perbahasan saya atau Usul ini dan saya telah menyebut tentang kehadiran Ahli Jawatankuasa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini sangat penting untuk memastikan perjalanannya adalah lancar dan licin. Saya cuba ada membangkit bahawa kehadiran Ahli Dewan Negeri dari Pembangkang ke Jawatankuasa ini adalah amat mengecewakan dan saya berharap perkara ini juga akan menjadi satu peringatan kepada kita semua supaya kita memberi kepentingan atau pun fokus yang atau pun keutamaan yang lebih banyak kepada Jawatankuasa kerana ianya adalah sangat penting untuk memastikan perjalanan Kerajaan Negeri sentiasa di pantau dan untuk melakukan ini kita hanya boleh melakukannya dengan sebuah Jawatankuasa pilihan yang berkesan. Tuan Timbalan Speaker saya tidak bercadang untuk berbincang beberapa isu tanah yang telah dibawa tadi. Saya rasa perkara itu adalah lebih baik untuk di bahas dalam satu Usul yang akan saya bantangkan nanti tentang penyata Jawatankuasa Pilihan Pejabat Tanah dan Daerah. Saya juga ingin menarik perhatian Tuan Timbalan Speaker terhadap satu terhadap apa yang terhadap perbincangan atau Perbahasan yang berlaku tadi. Jawatankuasa atau pun apa-apa Jawatankuasa ditubuhkan oleh Dewan Ini sangat penting dan saya menggesa kepada semua Ahli untuk meneliti semua Laporan atau pun Penyata yang dibentangkan di sini. Tadi Yang Berhormat Meru menyebut tentang elaun tambahan untuk Ketua Pembangkang dan saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya satu lagi Jawatankuasa Dewan iaitu Jawatankuasa-jawatankuasa Peraturan Tetap. Sebenarnya telah membentangkan Penyata untuk meminda Peraturan Tetap untuk Dewan Negeri Yang Mulia Ini dan di situ ada dalam kertas bilangan ini Bil.7/2014 ada disebut dalam muka surat 12 bahawa terdapat ulasan daripada Jawatankuasa bahawa Ketua Pembangkang perlu mengetuai satu Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam memandangkan elaun khas ke Ketua Pembangkang yang telah diluluskan dan tugas ini setimbang dengan tanggungjawab datang mana sebut amanah dan juga disebut oleh rakan saya dari Meru yang akan diberikan. Jadi saya ingin membawa perhatian malangnya Ketua Pembangkang tidak ada di Dewan Yang Mulia Ini bukan sahaja dia, saya rasa hampir semua ada Pembangkang kecuali Sungai Panjang. Saya tak pasti Sungai Panjang akan dilantik masuk kalau betul

saya mengalu-alukan. Tapi apa sekali apa yang kita sebut di sini sebenarnya saya berpendapat permohonan maaf daripada Meru sebenarnya tak payah kerana ianya telah pun disebut di sini penyata di sini dan saya percaya ulasan yang sama telah pun wujud dalam penyata yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa ini dalam sidang yang lepas bahawa rasional untuk kita mempertingkatkan elaun khas untuk Ketua Pembangkang ialah kerana beliau perlu memikul tanggungjawab yang lebih berat dan rasional ini sebenar diterima pakai oleh Kerajaan semasa mengkaji elaun ADN, Speaker, Timbalan Speaker, EXCO dan MB kerana tugas yang diamanahkan kepada kita semakin berat dan saya berasa dengan bukan sahaja Ketua Pembangkang semua Ahli Jawatankuasa juga akan menerima apa itu elaun khas, elaun yang lebih tinggi sekiranya kita hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa dan ini telah pun diluluskan. Ini menunjukkan komitmen kita itu, komitmen yang diharapkan kepada kami sebagai Ahli Jawatankuasa adalah sangat berat dan saya berharap perkara ini dapat dijadikan peringatan kepada semua. Kita hadir dan kita memberi ikhtiar bagaimana untuk melicinkan tugas kita untuk pemantauan perjalanan Kerajaan negeri dari untuk aspek pengurusan tanah ini, okey dengan itu saya mencadang menyokong Usul, baik saya Usul yang dibawa ini, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pihak Kerajaan Negeri untuk memberi sebarang penjelasan terhadap perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebenar tadi.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam Perbahasan Kertas Usul Pelantikan Jawatankuasa Pilihan Padat Ini. Beberapa isu yang penting, yang pertama adalah cadangan daripada Yang Berhormat Sri Muda untuk mewujudkan semula Jawatankuasa Tanah Daerah di mana buat masa ini masih lagi Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk buat demikian kerana pada asasnya apabila Kerajaan Negeri mengambil alih pada tahun 2008, asas pada Dasar itu adalah untuk memansuhkannya kerana terdapat kuasa sebelum ini tahun 2008 yang begitu berleluasa yang melibatkan terdapat kes-kes yang tidak diingini telah pun berlaku di mana tanah rakyat pun diagihkan kepada konco-konco golongan tertentu dan itu adalah asas utama dan keduanya kita juga harus melihat perkara ini dari segi *Doctrine operation of Power* di mana sekiranya kita mewujudkan satu mekanisme di mana kita membenarkan wakil rakyat terlibat dalam pentadbiran khususnya dalam proses membuat kelulusan untuk memberikan kelulusan kepada permohonan tanah, tol dan sebagainya. Itu ada sebenarnya satu pelajaran kepada *Doctrine operation of Power* kerana itu sebenarnya di

bawah Eksekutif sepatutnya Wakil Rakyat sebagai pembuat Undang-Undang sebagai anggota dalam *Legislature* atau pun Perundangan dalam Badan Perundangan ini mengelak diri daripada mencampur tangan dalam urusan Pentadbiran. Saya rasa *Doctrine operation* juga harus diingati supaya lunas-lunas itu kita patuhi. Sementara kita memastikan bahawa Dewan Ini dihormati sebagai satu badan yang bebas daripada kacau ganggu mana-mana pihak selain daripada *Legislature* ini. Yang keduanya berkenaan dengan ura-ura untuk menyiasat kerugian RM30 bilion yang telah pun dinyatakan. Sebenarnya itu adalah satu anggaran kenyataan tidak ada kerugian sebenar, *no actual losses* seperti yang berlaku kalau saya boleh ambil contoh juga, contoh *Canal city* itu kerugiannya sekiranya pada masa kita meneruskan dasar Kerajaan sebelum ini bererti kita hanya dapat kembali RM22 juta. Sementara itu apabila Kerajaan Pakatan Rakyat membatalkannya dan sekarang ada peluang untuk melupuskan tanahnya pada harga yang beratus-ratus lebih tinggi maka kita nampak di mana kerugian. Tapi pada masa itu pada kelulusan itu sekiranya kita tidak membatalkannya tidak ada kerugian sebenar *no actual losses* jadi sekiranya Jawatankuasa Padat memang Jawatankuasa mempunyai Jawatankuasa untuk melihat perkara-perkara itu tapi bagi saya pandangan daripada Eksekutif adalah kita boleh menggunakan masa dan tenaga Jawatankuasa dengan lebih efektif lagi untuk memantau perkara-perkara yang sedang dilakukan. Jadi saya rasa itu adalah pandangan daripada Eksekutif supaya kita menunjukkan teladan yang baik menunjukkan bahawa kita buat menjalankan tugas kita dengan profesional jadi tidak tertimbul lagi bahawa kita hendak mengungkit-ungkit perkara yang kita tidak wujud perkara yang kita atas tanggapan. Saya rasa itu adalah pandangan daripada pihak Eksekutif. Sementara itu perkara yang dibangkitkan oleh Permatang sebenarnya tidak berkaitan dengan Usul Pelantikan ini dan oleh itu saya tidak bercadang apa itu memberi komen tetapi walau saya rasa terpanggil kerana perkara itu terulang-ulang permohonan tol dan sebagainya. Saya rasa Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah pun menjelaskan bahawa sebenarnya bukan ada satu dasar yang seumum kita tidak benarkan tol langsung sebab sebenarnya dalam Mesyuarat MTES juga masih lagi mempertimbangkan permohonan tol ini. khusus untuk pelantar seperti yang dipohon oleh nelayan-nelayan di kawasan persisiran pantai masih ada lagi dan juga ada permohonan untuk membuat jeti dan sebagainya masih dipertimbangkan. Sementara itu, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak lagi menyambung dasar Kerajaan sebelum ini yang memberikan tol ini kepada rumah-rumah khususnya di kawasan persisiran pantai ini kerana dia telah pun disalahgunakan bukan sahaja situ tapi tanah-tanah lain disalahgunakan tol ini kerana mereka diberikan tol itu menganggapkan atau pun memang diberikan gambaran bahawa selepas beberapa tahun mereka diberi tol maka mereka berhak untuk mendapat surat hak milik dan itu bukan

keadaan sebenarnya. Tol itu namunnya lesen *Temporary Occupation Licence*. Dia adalah seperti lesen memandu setiap tahun kita membaharuinya. Bila tidak dibaharui bererti luput, jadi tidak berhak tapi apabila dia digunakan sebagai satu umpan untuk mendapatkan undi maka ia menjadi masalah yang besar apabila permohonan untuk Surat Hak milik ini tidak diberikan kemudian. Jadi untuk membetulkan geran itu maka tidak ada lagi pembaharuan tol untuk rumah-rumah secara automatik. Dan sebenarnya ada permohonan juga pihak MMKN telah pun mempertimbangkan dan meluluskan permohonan tanah untuk tujuan kediaman. Walau pun tidak ada sejarah tol, itu sudah berlaku jadi itulah cara dari segi pentadbiran kita untuk membetulkannya supaya tol tidak disalahgunakan dan itu harus dijadikan panduan kepada semua Ahli Yang Berhormat Sekalian dalam isu tol ini. Dari segi kehadiran dan perjalanan Jawatankuasa Padat memang Kerajaan pihak Eksekutif tidak mencampur tangan dan kita itu adalah terpulang kepada Jawatankuasa masing-masing untuk menentukan bagaimanakah Jawatankuasa itu harus dioperasikan untuk mencapai matlamat yang telah pun ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya Peraturan Tetap No. 68 A (2) dan 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Tuan Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kinrara dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Puan Lee Kee Hiong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kubu Baharu di dalam Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT).”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. USUL INI DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 4 Tahun 2014, Usul Pelantikan Y.B. Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dan Y.B. Ahli Dewan Negeri Kawasan Lembah Jaya sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT).

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Y.B. Ahli-ahli sekalian

“ Bahawasanya menurut Peraturan 68 B (2) dan 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa:

- i) Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jara di dalam Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT); dan
- ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Negeri Kawasan Lembah Jaya dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib, Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer dalam Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan, JP PBT.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam menyokong Usul ini, dan saya menyokong penuh pelantikan Yang Berhormat Morib dan Lembah Jaya dalam JP PADAT. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia, JP PBT, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, tentang beberapa penegasan pihak Kerajaan, tentang penjimatan yang telah dibuat, oleh kerana pengurusan yang lebih baik dan telus dan berjimat di peringkat PBT di Negeri Selangor, khususnya dalam pelupusan sampah dan beberapa lantikan yang menggunakan tender dan tidak lagi menggunakan lantikan terus. Di samping itu juga, baru-baru ini pihak Kerajaan menegaskan bahawa dijumlahkan keseluruhan bajet dan perbelanjaan PBT-PBT di Selangor hampir mencecah sama dengan belanjawan Kerajaan Negeri iaitu dijumlahkan hampir RM4 bilion, atau RM3.8 bilion. Jadi ini merupakan jumlah yang sangat besar. Dan sekiranya dicynergykan, dengan izin, dilonjakkan, diuruskan dengan baik oleh pihak Kerajaan, diurus selia dengan permuafakatan, perundingan perbincangan dan yang diselaraskan di antara PBT dan Kerajaan Negeri, maka kita akan dapat memberi khidmat yang lebih cemerlang, lebih baik, lebih berhemah, lebih *value for money* kepada seluruh rakyat Selangor di peringkat PBT dan peringkat Negeri. Jadi saya ingin

mencadangkan bahawa Jawatankuasa PADAT, Jawatankuasa PBT ini di perkasakan bagi membantu pihak Kerajaan dalam mengadakan pendengaran tertutup bagi membolehkan satu bentuk penyelarasan di mana kaedah-kaedah belanjawan itu diuruskan dan mengemukakan saranan-saranan kepada pihak Kerajaan agar perkara ini dapat di baik pulih, ditambah baik nilai dan di perelokkan pelaksanaannya. Dan dengan itu saya memohon untuk menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin memberikan apa-apa penjelasan terhadap perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi, bahawasanya menurut Peraturan Tetap, menurut Peraturan 68 b(2) dan 68 (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Tuan Hasnul bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras di dalam Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan, JP PBT dan Yang Berhormat Tuan Khasim bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Negeri Kawasan Lembah Jaya, dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Zaidy bin Abdul Talib, Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer di dalam Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan, JP PBT.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA, Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Usul ini DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 5, Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Timbalan Speaker, dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawa Dewan yang mulia ini di atas dasar membasmi kemiskinan rakyat, menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk menjayakan program pembangunan ladang dengan mengagihkan kepada golongan miskin setempat yang layak dengan lot-lot kosong yang dimajukan oleh FELCRA di negeri Selangor.”

Tuan Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, perihal komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri Selangor dalam mentadbir urus Negeri Selangor secara amanah, telus dan bertanggungjawab. Tumpuan utama setakat yang telah kita laksanakan dari penggal lepas dan penggal yang ini adalah untuk mengembalikan amanah rakyat dengan khidmat yang ikhlas, jujur dan benar. Merakyatkan ekonomi Selangor adalah tunjang, tunggak kita membuktikan kita berkhidmat untuk rakyat dan mengembalikan hasil negeri kepada rakyat. Komitmen Dato' Menteri Besar dan barisan EXCO serta ahli-ahli Dewan Negeri dalam menjayakan program basmi kemiskinan diberikan penghargaan yang cukup tinggi. Peranan Dewan Negeri dalam menjayakan dasar pembasmian kemiskinan juga merupakan rekod cemerlang Pakatan Rakyat Selangor dalam politik negara ini. Ini terbukti apabila Dewan Negeri Selangor merupakan Dewan Undangan Pertama dan satu-satunya yang meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan. Di mana JPK, Jawatankuasa Pilihan Khas, ini telah mengemukakan laporan dan penyata yang mengandungi saranan dan syor pada pihak Kerajaan bagi menjayakan dasar dan program pembasmian kemiskinan. Jawatankuasa berazam tanpa gagal untuk terus mengangkat laporan dalam setiap Sidang Dewan tanpa gagal dalam sidang-sidang yang berikutnya.

Tuan Timbalan Speaker, usul yang berada di hadapan kita, adalah Usul yang melibatkan dasar dan program basmi kemiskinan. Konteksnya melibatkan program agensi Kerajaan Persekutuan. Izinkan saya memberi sedikit latar belakang.

Pada tahun 1964, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan penubuhan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA). Objektif penubuhan FELCRA adalah sejajar dengan hasrat dasar ekonomi baru pada masa itu, untuk mengurang dan menghapuskan jurang taraf ekonomi antara kaum di negara ini. Atas dasar itu, FELCRA diamanahkan untuk mencapai matlamat antara lain mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia-belia dan keluarga-keluarga yang tiada memiliki tanah, melalui pembukaan rancangan tanah belia dan rancangan tanah pinggir. Memperbaiki taraf ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar dan seterusnya mengurangkan jurang perbezaan pendapat di kalangan rakyat melalui pemulihan dan penyatuan tanah. Di atas kesedaran inilah FELCRA telah ditubuhkan dengan rasminya di bawah Akta Pemerbadanan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966, yang mula dikuatkuasakan pada 1 April 1966.



Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, FELCRA telah diberi kuasa bagi menjalankan tugas-tugas di Semenanjung Malaysia sahaja. Tugas-tugas FELCRA sebagaimana di peruntukan di dalam Akta Perbadanan FELCRA ialah memulihkan atau memajukan :

- 1) mana-mana tanah Kerajaan termasuk tanah-tanah di dalam kawasan penempatan beramai-ramai sama ada mengikut langkah-langkah sendiri dengan persetujuan atau atas permintaan kuasa negeri. Saya ulang, dimajukan tanah-tanah ini di atas langkah sendiri dengan persetujuan atau atas permintaan berkuasa, pihak berkuasa negeri.
- 2) Peranan FELCRA adalah mana-mana tanah lain atas permintaan tuan punya tanah dengan mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dipersetujui di antara tuan punya tanah dan FELCRA.

Tuan Timbalan Speaker, sebagaimana Akta-akta lain, Akta Pemerbadanan FELCRA turut juga digunakan oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional bagi mengukuhkan kuasa politiknya di seluruh Persekutuan dengan menghakis sedikit demi sedikit kuasa negeri terutamanya dalam hal ehwal urusan tanah. Selaras dengan Buku Jingga keadaan ini akan diperbetulkan sebaik sahaja Pakatan Rakyat berada di Putrajaya. Selain daripada itu FELCRA diberi kuasa membuat segala perkara yang munasabah, perlu atau untuk bersangkutan dengan kerja-kerja yang berkaitan dengan pemulihan dan penyatuan tanah. Sama ada mengikut langkah sendiri ataupun persetujuan atau permintaan pihak berkuasa negeri. Di Negeri Selangor telah dimajukan beribu hektar tanah bagi pembangunan tanah ladang, bagi tanaman sawit mahupun getah bagi tujuan ini. Tanah-tanah dimajukan oleh FELCRA dan lot-lot diagihkan kepada penerima-penerima saham kaedah yang biasanya tidak telus tetapi lebih bermotifkan politik.

Tuan Timbalan Speaker, tujuan saya membawa Usul ini adalah Dewan yang mulia ini dan rakyat terutamanya pegawai-pegawai dan kakitangan yang penuh dedikasi, yang menjalankan amanah FELCRA dengan penuh tanggungjawab menjadi saksi betapa rakusnya pemimpin-pemimpin UMNO membolot hasil dari kekayaan negeri terutamanya bagi mengekalkan kuasa mereka di Selangor. Melalui undi-undi yang diperolehi melalui timbal balik habuan yang diagihkan kepada penyokong-penyokong. Apabila proses pemberian lot-lot di bawah Akta kawasan penempatan berkelompok ataupun GSA, dengan izin, *Group Settlement Area*, berada penuh di tangan seorang Menteri Besar pada masa itu, tanpa adanya peraturan yang telus, sudah pasti sesuai dengan tabiat UMNO,

yang sentiasa menyalah guna kuasa akan melaksanakan melalui amalan yang tidak telus ataupun kembali kepada amalan yang bermotifkan kepentingan menjaga kekuasaan UMNO ataupun puak-puak UMNO di Selangor. Ini kerana UMNO telah menanamkan fahaman khurafat di kalangan orang-orang Melayu khususnya di luar bandar bahawa UMNO itu Kerajaan dan Kerajaan itu UMNO.

Tuan Timbalan Speaker, bertahun-tahun setiap kali tanah-tanah di Selangor dibangunkan dan dimajukan untuk kawasan-kawasan ladang sawit mahupun getah, lot-lot telah diagihkan atas keputusan politik berselindung di sebalik nama Dato' Menteri Besar dan Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah. Apabila Pakatan Rakyat memenangi Selangor pada tahun 2008, beberapa projek yang sudah berjalan tidak sempat diagih-agihkan lot-lot yang kosong kepada peserta dan penerima. Maka jadilah lot-lot yang kosong itu hasilnya tidak disalurkan sebagai dividen tahunan kepada peserta sebaliknya disalurkan terus dalam akaun FELCRA.

Tuan Timbalan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, berikut adalah projek-projek yang masih terdapat lot kosong menurut Parlimen dan DUN :

- 1) Projek Bukit Gagak 2, Parlimen Kuala Langat, Kawasan Sijangkang, DUN Teluk Datuk, baki luas tanah 92.56 hektar, bilangan boleh ambil peserta 75, yang bermakna 75 lot kosong.
- 2) Projek Sungai Kelambu, Parlimen Sepang, Kawasan Banting, DUN Tanjung Sepat, baki luas tanah 296.68 hektar, bilangan boleh ambil peserta 243 lot, yang bererti 243 lot kosong.
- 3) Projek Darat Batu 2, Parlimen Sepang, Kawasan Banting, DUN Tanjung Sepat, baki luas tanah 4.26 hektar, bilangan boleh ambil peserta 3, iaitu 3 lot kosong.
- 4) Projek Darat Batu 1, Parlimen Sepang, Kawasan Banting, DUN Tanjung Sepat, baki luas tanaman 91.77 hektar, bilangan boleh ambil peserta 75, iaitu 75 lot kosong.
- 5) Projek Binjai Jaya 2, Parlimen Sabak Bernam, Kawasan Teluk Menteri, DUN Sungai Panjang, baki luas 84.35 hektar, bilangan boleh ambil peserta 69, iaitu lot kosong 69.

- 6) Projek Batu 8 Sijangkang, Parlimen Kuala Langat, Kawasan Sijangkang, DUN Teluk Datuk, baki luas tanaman 37.66 hektar, bilangan boleh ambil peserta 30, yang bermakna 30 lot kosong.
- 7) Projek Sungai Gumut, Parlimen Hulu Selangor, Kawasan Lembah Bernam, DUN Hulu Bernam, baki luas tanaman 325.17 hektar, bilangan boleh ambil peserta 266, iaitu 266 lot kosong.

Tuan Timbalan Speaker, ini menjadikan baki luas tanaman sebanyak 932.45 hektar yang jika dibahagikan kepada setiap lot seluas 3 ekar ataupun 1.22 hektar, setiap lot menjadikan, bagi setiap lot, maka menjadikan terdapat 761 lot-lot kosong. 761 lot-lot kosong. Ini bermakna jika diagihkan secara adil dengan syarat-syarat yang telus teratur kepada golongan rakyat yang termiskin setempat dengan juga mengambil kira keluarga yang mengambil upah kerja harian dalam projek-projek berkenaan, Kerajaan Selangor akan dapat membela dan menjayakan program pembasmian kemiskinan kepada 761 buah keluarga di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Timbalan Speaker, lebih lambat agihan lot kosong ini dibuat semakin hilanglah peluang Kerajaan Negeri membantu meringankan beban dan tanggungan golongan termiskin dalam kawasan tersebut. Sebaliknya hasil terus masuk ke FELCRA tanpa sebarang manfaat kepada rakyat, mahupun Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Timbalan Speaker, kaedah biasa yang mungkin digunakan oleh Dato' Menteri Besar adalah dengan menyerahkan kepada MBI melalui PKPS ataupun Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor. Bagi saya pendekatan ini wajar terhalang dari segi melibatkan GSA ataupun *Group State Area* ataupun kawasan berkelompok namun pendekatan ini tidak mampu dilaksanakan dengan segera untuk membantu golongan yang termiskin di kawasan-kawasan terbabit. Pendekatan ini tidak secara langsung membantu untuk membela secara fokus 761 buah keluarga miskin Selangor di kawasan-kawasan berkenaan, jika tidak dilaksanakan. Dengan itu, Tuan Timbalan Speaker saya mencadangkan agar usul ini diterima dan dibahaskan bagi cara praktik dua perkara iaitu kita mengambil langkah yang proaktif beragih-agihan dengan kaedah tulus dan teratur kepada golongan yang layak, golongan termiskin lot-lot itu dengan pendapatan kemungkinan di antara RM800.00-RM1 200.00 setahun, dividen tahunan dengan harga pasaran getah ataupun sawit pada hari ini dan masa yang sama kita dapat menyelamatkan wang terus masuk ke akaun FELCRA tanpa ada akauntabiliti kepada kerajaan negeri. Sekian, Tuan Timbalan Speaker saya mohon usul saya disokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, rujuk usul nombor 5 tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (i) yang di bawa oleh Hulu Kelang tadi. Saya yang sangat cintakan pertanian, saya terpanggil untuk membahaskan isu-isu ini. Memang dulu ada perbincangan agar tanah-tanah ini diberi serah kepada PKPS tapi pihak PKPS menyatakan bahawa saiz tanah ini agak kecil dan agak tidak ekonomi untuk diuruskan.

Maka tanah-tanah ini diuruskan oleh FELCRA. Dan, kita maklum penubuhan falsafah penubuhan FELCRA iaitu untuk membangunkan tanah-tanah yang terbiar dan hasil daripada keuntungan-keuntungan tanah ini akan dikembalikan dengan rakyat. Memang dahulunya senarai peserta-peserta ini adalah daripada wakil rakyat-wakil rakyat ketika itu. Tapi di bawah ketulusan Pakatan Rakyat, wakil rakyat tidak campur tangan dalam pemilihan ini lot-lot kekosongan ini. Saya menyokong penuh agar kerajaan negeri memberi nama-nama keluarga fakir miskin yang layak untuk mendapat bantuan agar dimasukkan dalam senarai FELCRA untuk diberikan hak atau lot-lot ini kepada mereka. Selama ini pihak FELCRA mengambil keuntungan ke atas tanah 924 ekar ini dan tidak diagih-agihkan kepada rakyat. Sudah sampai masanya Kerajaan Negeri kerana sebelum ini Kerajaan Negeri telah ambil tindakan kepada sekitar tanah 1 300 ekar yang diuruskan oleh FELCRA yang tidak dibayar premium dan Kerajaan Negeri mengambil tanah tersebut dan diserahkan kepada PKPS. Untuk tanah seluas itu PKPS uruskannya tetapi kalau kawasan kecil-kecil begini saya rasa pihak PKPS, saya hendak bincang dahulu memang tidak ekonomik untuk diuruskan. Jadi saya menyokong usul ini agar lot kosong ini dengan segera pihak Kerajaan Negeri memberi senarai nama kepada pihak FELCRA untuk diberikan lot-lot kepada mereka iaitu dapat membantu sekurang-kurangnya sekitar 130 bonus hari raya. Cuma biasanya pihak Kerajaan Pusat ini memberi bonus ketika hendak raya atau ketika hendak pilihan raya kecil ataupun pilihan raya umum. Yang ini biasalah, hendak pilihan raya pihak bonus, apa ini, pihak Kerajaan Pusat akan bagi, maka Pengerusi FELCRA, wakil rakyat, menteri akan turun bagi bantuan bonus FELCRA. Padahal ini bukan bonus, ini adalah hak peneroka FELCRA yang sepatutnya diberi. Iaitu, Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong usul ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Panjang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah disokong maka saya buka usul ini untuk di bahaskan. Sungai Panjang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Terima kasih kerana izinkan saya mengambil bahagian dalam usul nombor 5 yang dibawa oleh Hulu Kelang. Hulu Kelang terus menyalahkan dasar polisi Barisan Nasional sehingga menganggap tiada langsung satu kebaikan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tadi Sungai Panjang hendak menyokong usul tadi ya?

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Tuan Speaker...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Hujung nanti baru sokong. Usul yang dibawa adalah di antara penyelesaian keluarga miskin atau bebas miskin tapi persoalannya adakah tindakan-tindakannya tersebut benar-benar tindakan yang melepaskan miskin atau sekadar melepaskan batuk di tangga. Saya hendak menurut tangkap 7 April saya telah menerima sepucuk surat daripada Pentadbir Tanah Daerah Sabak Bernam terhadap penerokaan hutan simpan Sungai Karang di Sungai Panjang di dalam daerah Sabak Bernam. Tujuan adalah memaklumkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri bahawa kawasan tersebut akan dirampas dan diambil alih Perbadanan Menteri Besar (MBI) dan diurus oleh PKPS (Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor). Timbalan Speaker lebih 40 tahun tanah tersebut diteroka oleh peneroka-peneroka kampung dan apa yang hendak sebutkan berdasarkan maklumat yang diterima hampir 500 ekar di kawasan tersebut diteroka dan lebih dari 300 peneroka terbabit. Penerokaan daripada 40 tahun ini dan hutan simpan itu hanyalah digazet sekitaran 1990an. Tentunya timbul persoalan beberapa keajaiban yang memerlukan penjelasan. Pertama kita sedia maklum bahawa kawasan tersebut adalah kawasan tadahan hujan iaitu kawasan hutan simpan. Persoalannya kalau kawasan tersebut ingin dikembalikan sebagai hutan simpan mengapakah pilihannya adalah ladang-ladang sawit, pokok-pokok sawit, kebun-kebun sawit yang diteroka oleh rakyat. Kalau ingin hendak mengembalikannya kepada katalog hutan maka pokok-pokok sawit itu patutlah digantikan dengan pokok-pokok hutan dan bukannya diserahkan kepada PKPS untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sawit. Tuan Timbalan Speaker, apa yang lebih menyedihkan kawasan tersebut majoriti adalah pengusaha-pengusaha, peneroka-peneroka Melayu yang sebahagian besarnya mereka yang tidak mempunyai tanah dan hanya sekadar mencari rezeki untuk menyekolahkan anak dan juga membiayai anak-anak mereka di peringkat universiti. Kalau pihak Kerajaan Negeri mahu meneroka untuk aktiviti-aktiviti tanaman sawit adalah

lebih wajar mereka meneroka di kawasan hutan yang lain. Janganlah diteroka ke atas kawasan yang telah diteroka oleh rakyat di Sungai Panjang itu. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyebut bahawa penemuan tersebut di pihak pentadbir tanah dan juga peneroka langsung dalam keadaan yang tegang sebab beberapa cadangan, beberapa maklum balas yang dikemukakan oleh barisan pegawai kerajaan negeri itu sangat-sangat tidak memberi manfaat kepada rakyat. Antaranya jelas-jelas dalam penulisan, dalam jemputan itu disebut bahawa tanah-tanah itu hendak diserahkan kepada PKPS. Tetapi apabila berlaku perdebatan yang panas pihak kerajaan negeri hanya ada menyebut pihak kami tidak mahu melakukan apa-apa. Kami hendak tengok bahawa peneroka ini Bangladesh ataupun Myanmar ataupun daripada Indonesia. Saya fikir dalam keadaan yang ada pada masa ini, persoalan-persoalan ini sewajarnya diberikan maklum balas yang betul supaya tidak menimbulkan ketegangan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Timbalan Speaker, mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik mohon mencelah, Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Saya ingat kalau Kota Anggerik, saya kena benarkanlah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati hujah yang dibawa oleh Sungai Panjang ini melencong daripada usul yang dibawa oleh Hulu Kelang. Hulu Kelang membahaskan usul di bawah FELCRA bukan tanah-tanah hutan yang diteroka oleh rakyat. Saya minta supaya Sungai Panjang masuk berhujah mengikut usul.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Saya hendak

**TIMBALAN SPEAKER:** Minta balik isu FELCRA tadi.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Saya hendak tunjukkan bagaimana dalam kawasan tersebut juga ada tanah. Dalam kawasan tersebut juga ada aktiviti yang hendak dibuat. Persoalannya, jika tanah tersebut adalah kawasan tanah hutan yang akhirnya tidak dikendalikan sedemikian rupa, tidak boleh berlaku sebagaimana pengosongan FELCRA tersebut. FELCRA tersebut. Ini hujahan yang saya hendak sampaikan. Saya fikir. Ini yang bercakap tadi mantan EXCO yang lepas, dia sepatutnya lebih tahu daripada saya berkaitan isu yang

tidak selesai ini. Tuan Timbalan Speaker, dari segi sejarahnya saya melihat janganlah terlalu rakus sangat Menteri Besar *Incorporated*, Menteri Besar di Perbadanan, janganlah terlalu rakus sangat PKPS ini. Mengapa tiada ruang kerjasama di antara PKPS ini dengan peneroka-peneroka yang sedia ada kerana apa? Kerana kita bayangkan mereka mencari hasil dengan sawit ini menyekolahkan anak, membiayai anak di universiti akhirnya mereka hilang punca pendapatan. Dan daripada impak sosial kita boleh bayangkan mereka yang berada di Sungai Panjang orang yang hilang punca pendapatan, dia tidak cari lain lah. Dia carilah wakil rakyat Sungai panjang. Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan selepas itu. Tuan Timbalan Speaker, saya bersetuju kalau kiranya ada pangkalan data terhadap orang miskin. Sebab saya fikir dalam data-data yang kita ada tentang pangkalan data ini berlaku banyak kali daripada kes. Kalau ini salah satu kaedah untuk menyelesaikan mereka daripada kemiskinan ini salah kaedah memberi tapak-tapak ini kepada orang miskin. Tetapi persoalannya bagaimanakah kita boleh menetapkan bahawa orang miskin yang menerima tanah ini, benar-benar miskin. Kerana apa, pada perbahasan yang lepas kita masih lagi mengungkapkan iaitu pangkalan data setiap DUN, setiap Parlimen berkaitan orang miskin masih belum lagi dikemaskinikan. Tuan Timbalan Speaker, saya merujuk ini kepada beberapa terlalu banyak catatan agar pihak Menteri Besar, keputusan tentang pengambilan, rampasan tanah-tanah yang diteroka ini lakukanlah dengan penuh bijaksana kerana itu beberapa kali juga Sekinchan menyebut bahawa Menteri Besar jangan melakukannya dengan cara bersendirian, kerana akhirnya, impaknya, sosialnya, tuan-tuan bayangkan jika ini benar-benar dilakukan. Pada saya ini bukan sahaja satu tanah satu Malaysia, tapi ini lebih kepada rompak tanah orang miskin. Tuan timbalan Speaker saya menyokong usul yang dikemukakan no. 5 tadi oleh Hulu Kelang. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan bangun untuk menyokong atau membahaskan dalam perbahasan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang. Saya ucapkan tahniahlah! dan syabas Dewan Negeri Selangor kerana kita merupakan dewan negeri yang pertama yang mempunyai Jawatankuasa Pilihan Khas khusus untuk pembasmian kemiskinan. Ini satu rekod, satu sejarah dan saya ucapkan tahniah kepada Pengerusi iaitu Yang Berhormat Hulu Kelang. Dalam Konteks usul ini di mana tanah-tanah FELCRA harus kita agihkan dan dijadikan lot-lot kepada rakyat, saya menyokong penuh dalam membasmi kemiskinan. Tetapi sebelum saya terus dengan hujah saya, saya ingin membilas sedikit apa yang dikatakan

oleh Sungai Panjang tentang isu yang berlaku Hutan Simpan Sungai Karang di mana isu itu bukan isu hari ini, apa yang dinyatakan ia 40 tahun ya. Ya Isu itu telah 40 tahun maknanya isu itu berlaku pada zaman Barisan Nasional di Sungai Panjang. Sungai Panjang pada ketika itu, jangan kita lupa, jangan kita lupa sejarah, jangan lupa sejarah kerana di Sungai Panjang sebelum ini di Sungai Panjang ketika itu adalah Menteri Besar, Mantan Menteri Besar Selangor, kawasan beliau. Kenapa isu ini tidak diselesaikan. Kenapa? Saya hendak tanya pada Sungai Panjang yang sudah keluaran.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Itu Sungai Panjang yang lama. Itu Sungai Panjang yang lama

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya Sungai Panjang yang lama, saya nak tanya Sungai Panjang yang baru kenapa Sungai Panjang yang lama tidak selesaikan kerana cara penyelesaian Barisan Nasional ketika dahulu mereka mengambil bersikap apa kepentingan politik lebih diutamakan. Mereka bukan menyelesaikan masalah secara profesional, secara jangka masa panjang pendek, sederhana dan panjang, demi untuk kepentingan rakyat, tidak. Mereka ambil.

**Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN B. HJ. HASSAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Tanjung Sepat minta penjelasan.

**Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN B. HJ. HASSAN:** Saya ingin mohon penjelasan daripada Sekinchan apa relevannya FELCRA dengan penerokaan hutan?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tanjong Sepat ini berhubung dengan isu tanahlah kerana isu ini telah dibangkitkan oleh Sungai Panjang jadi saya punya tanggungjawab untuk memperbetulkan fakta-fakta yang dinyatakan. Di mana pada ketika itu mereka tidak menyelesaikan, mereka menggunakan kaedah ini untuk kepentingan politik dapat undi. Apabila dapat undi tiada masalah, masalah yang timbul tidak diselesaikan. Jadi berbangkitlah sampai hari ini, dan sekarang Kerajaan Pakatan Rakyat kita punya tanggungjawab untuk selesaikan. Apabila kita mengambil pendekatan secara profesional menyelesaikan secara jangka panjang. Mereka cuba menjadi hero, cuba menjadi pendekar di dalam dewan ini kononnya memperjuangkan hak orang miskin. Inilah sikap atau pun wajah sebenar Sungai Panjang. Walau bagaimanapun dalam konteks ini dalam soal FELCA ini saya menyokong penuhlah di mana kalau ada tanah-tanah itu mereka tidak diurus dengan baik.



Lebih baik kita adakan jawatankuasa, kita pilih kita ambil balik dan bagikan kepada rakyat yang miskin dan kita bagi satu *interview* di mana mereka betul-betul berminat untuk bercucuk tanam dan punya keinginan, punya inisiatif untuk berdikari. Inilah antara cara yang dapat kita bantu rakyat untuk mereka berdikari, keluar daripada kepompong kemiskinan tegar. Kalau kita asyik memberi *goodies* dengan izin, asyik dengan memberi duit sumbangan dan sebagainya kepada mereka itu tidak membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Cara yang terbaik seperti yang disuarakan oleh Hulu Kelang, kita asuh mereka, kita didik mereka bagi tanah kalau mereka yang layak, kita ajar mereka bercucuk tanam, berdikari daripada kita bagi duit sentiasa datang ke pejabat lepas itu beri bantuan itu tidak berkekalan dan tidak menyelesaikan masalah secara tuntas. Maka dengan itu Sekinchan menyokong penuh usul yang dibawa oleh Hulu Kelang, sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku, ada FELCA juga di Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tidak ada nama walaupun kampung tetapi bandar rupa-rupanya. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya rasa Tuan Timbalan Speaker sudah tahu sangat apa yang hendak butiran saya tentang keadaan kampung Tunku. Tetapi apa pun sekali saya bangkit untuk menyokong usul yang dibangkitkan oleh kawan baik saya Yang Berhormat dari Klang tentang isu FELCA ini dan sememangnya seperti apa yang disebut oleh rakan-rakan yang lain di dewan yang mulia ini. Isu ini memang merupakan isu lama yang sehingga sekarang ini belum diselesaikan. Saya, Tuan Timbalan Speaker saya rasa terkilan sebenarnya ada bila ada DUN daripada Barisan Nasional sama ada mereka dipilih buat kali pertama atau pun mereka merupakan ADUN-ADUN yang lama, mereka berani berdiri di dewan yang mulia ini dan menegur kerajaan negerinya sekarang. Walau pun mungkin ada kesilapan dan kelemahan tetapi mereka sanggup berdiri dan menegur, sedangkan mereka tidak melihat dan tidak mengetahui, tidak memantau kelemahan-kelemahan yang lebih besar, dosa-dosa yang lebih besar yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada zaman mereka menjadi kerajaan. Saya rasa perkara ini atau pun hipokrasi sebegini perlu dibawa dan juga ditunjukkan di dalam dewan yang mulia ini dan saya juga memperingatkan Ahli-Ahli Undangan dari Barisan Nasional supaya bertaubat dan jangan asyik menuding jari, kami pun menuding jari tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat juga perlu faham masalah besar yang dilakukan, dosa besar yang dilakukan semasa zaman Barisan Nasional itu dan ianya berlanjutan sehingga sekarang. Saya tidak tahu apa muka yang ada pada mereka apabila mereka membangkitkan isu *Canal City* memang merupakan

tanggungjawab ADUN sekiranya Kerajaan eksekutif ada masalah kita kena tegur di sini. Tetapi semasa mereka menegur isu tentang *Canal City* ini bukankah mereka sudah tahu bahawanya ianya berlaku semasa zaman Barisan Nasional. Mereka tidak tahu, saya rasa mereka tahu, mereka berpura-pura tidak tahu bukan sahaja isu *Canal City*, isu PK Abstrek yang mana mantan ADUN Sementa, bukan Sementa sekarang, mantan ADUN Sementa duduk sini, Kajang duduk tempat itu, Sementa duduk lama punya bukan sekarang. Mantan EXCO Kerajaan Negeri terlibat dalam juga kes jual tanah PKXZ sekarang Kerajaan Persekutuan rugi 12.5 bukan million ringgit tetapi billion ringgit tapi mengapa tidak dibangkitkan Yang Berhormat Sungai Burong. Yang Berhormat Sungai Burong dulu mantan DO kan. Ketua Pembangkang sekarang juga merupakan pernah menjadi ADUN semasa zaman Barisan Nasional dan Barisan Nasional menjadi Kerajaan Negeri. Mengapa tidak dibangkitkan, mengapa tidak tegur menegur, saya tidak tahu mengapa tetapi saya rasa apabila mereka membangkitkan isu-isu seperti ini mereka juga harus ingat dalam hati mereka bahawa adalah menjadi satu kewajipan ataupun tanggungjawab mereka, sekiranya mereka mampu mereka perlu menebus dosa-dosa mereka. Belum kira lagi Permatang, Permatang mana pergi, hilang, isu KUIS walau pun itu bukan isu tanah tetapi cara mereka mensonglap, menyanggak, merompak tanah kerajaan adalah sesuatu yang....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mencelah Yang Berhormat Speaker.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya. Oh Batang Kali.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali. Kampung Tunku bagi laluan ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya rasa dah meleret dah dia punya jawapan itu sudah tidak berbalik kepada usul nombor 5 ini, kita lebih menjurus kepada isu tanah FELCRA nak dibagi-bagi untuk membantu orang miskin. Bukan mengungkit-ungkit perkara-perkara lama hinggakan keluar daripada tajuk asal usul nombor 5. Apa yang saya nak cakap tadi apa yang dibangkitkan tadi oleh Pembangkang pada hari ini ialah menunjukkan satu

contoh jangan lot-lot yang nak dibahagi untuk tanah FELCRA ini menjadi macam itu. Itu nak kita tunjukkan kepada dewan pada hari ini, ambil contoh itu, ambil.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ambil maklum.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Batang Kali terima kasih. Yang tadi sebenarnya sebab tadi pun kalau isu FELCA kalau nak bagi *strict* betul-betul, saya pun tidak bagi Sungai Panjang sentuh pasal tanah hutan dan sebagainya tapi saya benarkan saya sentuh jadi saya pun Kampung Tunku berucap secara dasar tapi jangan lari jauh sangatlah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Timbalan Speaker saya terima baik nasihat daripada Batang Kali sama ada kita Pembangkang ataupun kita kerajaan kewajipan kita untuk memeriksa dan menyemak memastikan kerajaan mengambil dan melakukan sesuatu *best interest of people*. Cuma yang bangkitkan Yang Berhormat kita mengambil iktibar pada apa yang berlaku dahulu. Kita pastikan kesilapan ini tidak berlaku dan apabila kita ADUN-ADUN daripada Barisan Nasional menegur kerajaan tentang urusan tanah ini kita juga perlu tahu bahawa sebahagian besar masalah yang kita warisi ini berlaku berpunca daripada kelemahan kerajaan Barisan Nasional pada masa dahulu. Bukan saya nak menuding jari, ini adalah fakta kita harus terima ini adalah fakta. Kalau kita tidak membangkitkan isu ini di dalam dewan kalau saya tidak cakap pada masa sekarang orang akan ingat ini adalah kesilapan kerajaan sekarang. Sebenarnya bukan kita perlu tahu memeriksa punca berlakunya sesuatu perkara itu dan kita cari jalan penyelesaian. Saya setuju sebenarnya dengan cadangan Yang Berhormat Sungai Pinang tentang operasi Jawatankuasa Pilihan memang kita perlu periksa apa yang berlaku terdahulu tetapi tugas kita ialah memastikan..  
Ya Meru

**Y.B. TUAN ABDUL RANI B. OSMAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI B. OSMAN:** Saya nak tanya Yang Berhormat Kampung Tunku bersetuju tak dengan satu ungkapan Bahasa Inggeris dengan izin yang menyatakan bahawa *those do not learn for the past are deemed to the repeat*"

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengan izin ya, hijau betul tie hari ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Memang ini adalah sesuatu yang amat saya bersetuju dengan dan perkara ini adalah juga diterap atau wujud dalam falsafah dalam budaya kaum Tionghoa sendiri. Ada kata-kata yang membawa maksud yang sama melihat kesilapan pada masa dahulu sama kesilapan itu kesilapan Barisan Nasional atau pun Pakatan Rakyat. Kita perlu pantau daripada masa ke semasa dan saya boleh berjanji pada Dewan ini Jawatankuasa Pilihan Padang sekiranya boleh kami akan juga menjalankan pemeriksaan ke atas tanah-tanah yang berbangkit, senarai tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang itu. Kami akan berbincang dengan Tuan Speaker sekiranya tiada pertindihan dari segi tugas dengan Jawatankuasa Pilihan yang lain ini kami akan menjalankan siasatan dan kami akan masukan dalam penyata sekiranya boleh kami akan bawa ke Sidang yang akan datang dan pada masa itu Yang Berhormat Batang Kali, Sungai Burong, Permatang siapa-siapa pun boleh baca penyata ini dan penyata ini sangat penting jangan tidak baca. Bila kita petang di dewan ini, ini adalah *hardwork* titik dan peluh jawatankuasa dan kami berharap isi-isi yang ada di sini dapat dibahas. Dan pada masa itu saya rasa perkara-perkara yang di bawah ini akan juga dibahas dan Yang Berhormat boleh mengambil bahagian dalam perbahasan sekiranya ada kekurangan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minit yang terakhir ya Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya kita boleh tegur, kita boleh masuk dan apabila eksekutif terima teguran dan nasihat ini, mereka akan masukkan ke dalam kerja-kerja mereka perkara ini harap-harap boleh diselesaikan secepat mungkin dengan kata-kata di atas ingin menyokong usul ini dan berharap masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI SHAFIEI:** Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ini pasal FELCA ke atau

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI SHAFIEI:** FELCA terima kasih Tuan Timbalan Speaker, banjir dah lepas Y.B. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan sedikit kesempatan untuk berbahas dan menyokong usul yang dibawakan oleh Hulu Kelang berkenaan dengan tanah kosong FELCA. Saya tidak ada FELCRA tetapi kita ada tanah revolusi hijau. Di mana pada hari ini telah satu masalah yang kita telah bangkitkan semalam juga tetapi nampaknya sebabnya tidak diulas oleh Kerajaan Negeri iaitu berkenaan tanah-tanah kosong yang

mempunyai hak milik. Kita mempunyai kesukaran terutama sekali di kawasan saya penanam-penanam nenas yang mempunyai kesukaran memajukan tanah itu disebabkan ianya terlalu banyak pertindihan nama. Saya difahamkan yang dahulu masa zaman pemerintahan kerajaan lama tanah-tanah itu telah diagihkan, telah dipecah-pecahkan kepada lot-lot kecil yang mana mereka yang bermohon pada waktu itu ataupun mereka yang di anugerah pada waktu itu mereka sendiri tidak tahu di mana lokasi tanah mereka yang sebenarnya. Jadi untuk itu saya ingin gesa Kerajaan Negeri pernah suatu ketika dalam perbahasan dewan sidang yang lepas kita sudah bangkitkan usul dan usaha supaya Kerajaan Negeri ambil semua tanah-tanah itu maksudnya tanah yang pemilik tidak tahu, ambil dahulu kita cerahkan, boleh diusahakan satu tanaman kelapa sawit yang besar. Keluasan tanah di revolusi hijau ini lebih kurang 4000 hektar, 400 hektar hampir 1 ribu ekar dan tanah ini cukup luas, ia menimbulkan masalah bila Kerajaan Negeri sekarang tidak membenarkan usaha industri dilaksanakan di kawasan itu tetapi ada sebahagian kecil yang masih berminat mengusahakan secara pertanian dan apabila berlaku pertembungan pertanian dan industri yang pening kepala adalah Majlis dan pihak Pejabat Tanah dan Daerah. Jadi saya susulan daripada usul untuk tanah-tanah ini FELCA diberikan mereka-mereka yang miskin, saya juga menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk melihat tanah revolusi hijau Kampung Johan Setia yang bersempadan antara Kuala Langat dan juga Klang diberikan perhatian khusus supaya mereka yang nak mengusahakan secara industri boleh membuatkan permohonan tukar syarat tanah dan mereka yang nak mengusahakan tanah pertanian diberikan ruang untuk menanam nanas atau pun apa juga pokok-pokok pertanian untuk memberikan hasil dan juga pulangan kepada mereka yang terlibat. Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya dengan ini mempersilakan pihak kerajaan jika ingin membuat sebarang ulasan atau penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebentar tadi.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Speaker saya nak ucapkan terima kasih kepada Hulu Kelang, Kota Anggerik, Sungai Panjang, Sekinchan, Kampung Tunku dan juga Seri Muda yang telah pun membahaskan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang. Buat masa ini kerajaan belum ada satu dasar untuk mengagihkan tanah lot-lot yang kosong daripada FELCRA di negeri Selangor kepada mana-mana golongan. Dan sekiranya perlu dan sekiranya ada keperluan untuk berbuat demikian dan juga harus dilihat dari pelbagai keperluan dan semua isu-isu teknikal harus diambil kira kerana ia

melibatkan perjanjian, melibatkan undang-undang apakah syarat yang hendak dikenakan kepada mereka yang membuat permohonan dan semua ini harus diambil kira sekiranya ada permohonan. Kita tidak dapat membuat satu dasar pada masa ini kerana tidak ada maklumat yang mencukupi dalam perkara ini. Kita tidak ada pangkalan data yang mencukupi untuk kita membuat satu dasar umum bagi menjayakan program yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang tadi dan berkenaan dengan hutan simpanan.

Tuan Speaker sebelum saya meneruskan hujah saya, saya dapati bahawa beberapa perbahasan ke atas usul yang dibangkitkan, yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini bukan sahaja keluar tajuk tapi dah keluar orbit dah jauh pergi saya rasa itu amat sukar untuk kita memberikan jawapan yang memuaskan kerana di tempat Ahli Yang Berhormat nak cari jawapan tapi kalau melencong sampai keluar orbit maka sukar kita nak bagi jawapan yang tepat dan betul.

Dan berkenaan dengan hutan simpan di Sungai Karang saya rasa kalau tuduhan itu dibuat terhadap kerajaan sekarang itu saya rasa agak tidak adil.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Minta maaf. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, keluar orbit tapi dalam konteks ini Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memperjelaskan kepada kita kerana perkara yang ditanya ini adalah melibatkan soal penduduk dan soal rakyat. Jadi sekurang-kurangnya kita diberikan satu jawapan yang lebih terbuka mungkin kalau perlu penyertaan juga penglibatan Ahli-Ahli Dewan kita sedia membantu untuk menyelesaikan masalah ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat tapi kita juga kena berlaku adil pada pihak kerajaan sebab usul ini ada masanya tapi kalau dalam perbahasan ini dibangkitkan perkara yang terlalu jauh mungkin susah untuk pihak kerajaan memberi respons yang dapat menjawab soalan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Teruskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, berkenaan dengan Hutan Simpan Sungai Karang adalah tidak adil untuk menyalahkan kerajaan sekarang kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang itu sendiri hujah beliau sendiri telah merobohkan hujan beliau sendiri kerana beliau menyebut bahawa peneroka telah berada di situ selama 40 tahun, lebih dari 40 tahun sementara Kerajaan Negeri hanyaewartakan tempat itu sebagai Hutan Simpan pada tahun 1990-an. Jadi kalau

itu dibuat pada 1990-an maka ia adalah tanggungjawab kerajaan yang lalu tidak menyelesaikan masalah ini menyebabkan Pakatan Rakyat mewarisi masalah daripada kerajaan dahulu. Sementara itu kalau mereka menerokai kawasan itu selama 40 tahun, lebih daripada 40 tahun bukan sahaja mereka telah berjaya menyekolahkan anak malah sudah berjaya menyekolahkan cucunya. Dan mereka telah pun menerokai tanah hutan simpan tanah kerajaan tanah rakyat keseluruhannya jadi itu sudah 40 tahun dah dapat menyara sekeluarganya anaknya, cucunya sampai ke universiti rasanya adil kalau kita ambil balik kerana itu adalah khazanah negeri, khazanah rakyat. Kalau kita usahakan kita serahkan pada MBI pun kita usahakan dan hasilnya akan kita pulangkan kepada rakyat Selangor keseluruhannya. Bukan kepada mereka yang telah diberikan peluang. Peluang pun dia cari sendiri bukan kita bagi. Dia cari sendiri, dia tanam sendiri selama 40 tahun saya rasa sudah adil bagi pihak kerajaan mengambil alih supaya perkara ini.

**Y.B. DATO HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, boleh minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Burong. Ya.

**Y.B. DATO HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingin minta penjelasan dari EXCO dari segi kedudukan asas alasan bahawa mereka yang telah meneroka tanah 40 tahun sepatutnya sudah wajar untuk mereka mendapat pulangan tersebut dan perlu diberikan kepada orang lain. Tapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, sekiranya kita kena melihat latar belakang keluarga tersebut sekiranya keluarga itu miskin sebab matlamat dan tujuannya amat bagus program yang nak dianjurkan ini untuk menumpukan kepada golongan miskin tempatan. Jadi kalau kita nak bagi miskin tempatan, mereka ini layak. Saya ini berpendapat adakah Yang Berhormat ini bersetuju bahawa mereka juga patut diberikan pertimbangan seperti orang-orang miskin yang lain sebab akhirnya di bawah program yang baru itu mereka juga akan diberikan imbuhan atau pulangan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya Tuan Speaker saya tadi berhujah berdasarkan hujah yang dikemukakan oleh Sungai Panjang sebab katanya sudah 40 tahun dia perlukannya untuk menyekolahkan anaknya. Saya kata ya 40 tahun bukan saja dah berjaya menyekolahkan anaknya malah cucu pun dah berjaya. Kalau dah sampai ke universiti sudah tentu dia bukan lagi dalam golongan yang miskin. Jadi apa salahnya kita ambil balik untuk kebaikan rakyat yang lain dan bukan untuk keluarga itu sahaja. Saya berhujah berdasarkan

hujah Sungai Panjang itu. Walau bagaimanapun kita ambil bukan untuk diagihkan pada individu masing-masing. Kita bagi pada MBI, MBI ditugaskan untuk menjaga hasil yang diperolehi dan akan dikembalikan kepada kerajaan untuk dikembalikan kepada rakyat. Sekiranya ada pemohon yang layak yang miskin saya rasa boleh dipertimbangkan sekiranya ada permohonan. Tetapi kita tidak rampas kerana pada asalnya mereka juga tidak diberi hak ke atas tanah itu. Mereka menerokai apa pun bagi bahasa kita mencerobohi tanah kerajaan. Dah 40 tahun dah dapat hasil. Dan bagi tanah revolusi hijau ada yang telah diberikan surat hak milik dan sebagainya untuk merampas balik kita juga harus melihat kepada hak di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah seseorang itu tidak boleh dirampas hartanya melainkan melalui undang-undang. Jadi sekiranya tidak ada kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pemilik tanah maka adalah melanggar perlembagaan sekiranya kita Kerajaan Negeri merampas tanah itu tanpa sebab melainkan mereka menyalahgunakan tanah tersebut mereka menjalankan aktiviti yang tidak seharusnya dibenarkan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri kita dapati bahawa ramai di kalangan pengusaha ataupun pemilik tanah yang menyewakan tanah mereka kepada pengusaha-pengusaha pertanian. Kesalahan yang dilakukan adalah melakukan pembakaran secara terbuka yang mengakibatkan kesan jerebu yang teruk satu ketika dahulu dan saya sangkakan pembakaran ini adalah acara tahunan di sekitar kawasan Kampung Johan Setia. Jadi dengan perbuatan yang sebegitu saya fikir kita mempunyai asas yang kuat selain dari pencerobohan oleh pedagang atau perantau-perantau daripada negara Indonesia ramai yang berkampung di kawasan itu digajikan untuk meneroka kawasan itu secara haram. Menjadi tanggungjawab kepada pemilik tanah menjaga tanah mereka tetapi kalau mereka gagal saya fikir kerajaan negeri boleh melakukan sesuatu melakukan beberapa notis sebelum tindakan rampasan dilakukan. Itu yang saya maksudkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, sebentar tadi saya hanya pada mukadimah bukan lagi isu tanah revolusi hijau. Menjurus kepada isu di Johan Setia ini memang kerajaan negeri telah mengambil tindakan awalan yang sepatutnya ke arah merampas tanah-tanah yang telah disalahgunakan. Satu mesyuarat telah dipanggil oleh MTES dengan kehadiran Jabatan-jabatan berkenaan termasuk Pejabat Daerah dan Tanah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Jabatan Perancang Bandar dan Desa di mana telah pun diarahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya dijalankan siasatan oleh Pejabat Tanah dan Daerah untuk menentukan tempat-tempat yang telah



dibakar secara sengaja, menentukan keluasannya, menentukan di mana tapak-tapak tanah yang terlibat dalam kegiatan ini juga menyemak juga senarai pemilik yang berdaftar supaya kita nak tentukan seperti yang saya sebutkan tadi kita tidak boleh merampas tanah itu tanpa sebab kukuh. Umpamanya di situ memang tanah itu sebanyak 3000 ekar Yang Berhormat bukan 1000 ekar. 3000 ekar. Kalau tak silap saya jumlah pemilik berdaftar adalah 1700 dan bukan semua yang terlibat dengan kegiatan pembakaran terbuka jadi kerajaan dikehendaki menentukan adakah kawasan yang terlibat dalam kawasan yang terbakar itu tuan punya tanah itu terlibat. Sekiranya dia tidak terlibat hanya disebabkan api merebak di kawasannya dan jika kita merampas atas alasan tanahnya terbakar maka itu adalah amat tidak adil. Oleh itu satu *survey* tanah perlu dijalankan kemudian kita kena menentukan siapakah yang menyebabkan kebakaran itu berlaku. Dan bagi perkembangan perkara ini siasatan masih lagi di peringkat Pejabat Daerah dan selepas itu mesyuarat akan dipanggil semula untuk menentukan langkah selanjutnya termasuk sekiranya terdapat bukti-bukti dan asas yang *prima facie* yang mana terdapatnya kebakaran yang disengajakan maka notis untuk meminta tunjuk sebab akan diberikan sebelum kita membuat keputusan sama ada kita akan merampas tanah itu untuk mencegah perkara itu dari berlaku dan kita hendaklah memastikan bahawa dalam proses ini kita mengikut lunas undang-undang demi keadilan untuk semua pihak termasuk pemilik tanah itu sendiri. Kita sedia maklum tentang keadaan pembakaran terbuka itu telah mendatangkan keadaan yang amat teruk kepada alam sekitar dan kita memahami juga kesan yang dihadapi oleh penduduk kawasan sekitar khususnya Taman Botanik, Taman Bukit Tinggi dan sebagainya. Tapi proses undang-undang ini memakan masa dia tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa dia mengikut proses supaya kita dapat memastikan tanah yang kita rampas itu kita rampas dengan hati yang senang. Jadi kita tahu dia salah gunakan tanah yang diberikan oleh kerajaan. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat sudah pun duduk.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya, saya timbulkan tadi GSA (*Group Settlement Area*) ataupun Kawasan Penempatan Berkelompok apakah apabila ini Perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri akan tertakluk sampai bila-bila pada perjanjian ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker, Hulu Kelang. Pertama, walaupun cadangan ini nampaknya sangat praktikal tetapi dari segi undang-undang itu kita kena kaji dengan keseluruhannya kerana terdapat perjanjian daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan kalau kes ini dapat kita huraikan dia mesti mendapat kelulusan Jawatankuasa Tanah Negara. Jadi saya nak ingatkan walaupun kita nampak *very practical* dan senang dilaksanakan tetapi dia ada beberapa peringkat kerana terdapat perjanjian-perjanjian tentang menggunakan dana Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan FELCRA dari segi dana. Dana itu datang dari Kerajaan Persekutuan. Tak apa saya berminat untuk mengambil alih tanah. Itu tidak menjadi masalah. Tetapi saya nak ingatkan beberapa peraturan. Saya juga ingin komen tentang Yang Berhormat Sungai Panjang kalau hanya tanah 1 atau 2 ekar dilakukan itu boleh kita anggap sebagai tujuan orang yang tak bertanah nak menjalankan. Kalau dia menjalankan sehingga 50 ke 100 ekar itu bukan orang-orang biasa. Orang miskin tidak akan menjalankan usaha tersebut. Dan mempunyai 5 lori pun di dalam kawasan rumahnya. Jadi, kalau itu memalukan kita berbincang dalam dewan ini, jadi itu sebab saya harap bagi kita masa untuk menyelesaikan perkara ini kerana kita nak membetulkan yang salah. Itu sahaja. Dari segi menjaga kemiskinan, jaga orang-orang miskin, kita semua adalah sama tetapi jangan orang yang menggunakan nama miskin, itu agak susah sedikit sebab saya tengok, sebagai pernah menjaga ladang juga, kalau ladang 1000 ekar, hanya tak sampai 20 orang duduk di situ, ini maknanya, kalau dia tak reti betul pun dia punya pendapatan sekurang-kurangnya RM120,000 sebulan. Jadi itu lah sebab saya nak tau, siapa dia ni. Itu sebab. Itu sebab saya berharap walaupun drama marah memarah, baling kerusi meja, itu tak apa tapi ini kita menyelesaikan masalah rakyat yang benar-benar miskin yang benar-benar tak ada harapan, tidak kita pertahankan. Jadi kalau kita dapat satu atau juta hasil daripada ini, kita boleh pulangkan dalam Program Membasmi Kemiskinan, membina rumah untuk orang-orang yang tak ada rumah. Jadi, cara kita ialah lebih *targetted*. Jadi, saya berharap janganlah kita cuba memperjuangkan hak, semua orang ada hak tetapi jangan mempergunakan orang yang hak dia ni diambil kerana bersifat miskin. Kemiskinan, semua orang akan mengatakan dia miskin tapi ada orang yang lebih miskin daripada dia yang mesti kita pertahankan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa dewan yang mulia ini di atas dasar Membasmi Kemiskinan Rakyat, menggesa kerajaan negeri Selangor untuk menjayakan Program Pembangunan Ladang dengan mengagihkan kepada golongan miskin, tempat yang layak, lot-lot kosong yang

dimajukan oleh FELCRA di negeri Selangor. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-Ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 6 Tahun 2014, usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawa dewan yang mulia ini mendesak supaya kerajaan Selangor tidak memberi kelulusan kepada kerajaan Persekutuan untuk membina Langat 2 selagi pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air swasta tidak ditamatkan dari segi kos khususnya komitmen tanggungan yang akan dikenakan kepada kerajaan dan rakyat Selangor. Tuan Timbalan Speaker, tujuan saya membawa usul ini ke dewan yang mulia ini adalah untuk menunjukkan keprihatinan dewan yang mulia terhadap isu yang penting ini di mana isu ini telah mendapat liputan yang luas dan menimbulkan banyak spekulasi dan khabar angin. Justeru ini sememangnya pihak Eksekutif mempunyai kewajipan kepada dewan yang mulia ini, bukan sahaja memberi penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan tetapi memaklumkan kepada dewan yang mulia ini apakah strategi keseluruhannya yang akan diguna pakai oleh kerajaan untuk memastikan kepentingan rakyat Selangor terjamin dalam seluruh *exercise* ini.

Tuan Timbalan Speaker, dalam satu rencana bertajuk '*Putrajaya to control Selangor Water Assets with WSIA*' yang diterbit oleh kinibiz.com 2 hari yang lalu. Dilaporkan bahawa Menteri Tenaga Hijau dan Air, YB Dato' Sri Maximus Ongkili mengatakan bahawa pengurusan dan pengeluaran air akan dikuasai oleh kerajaan Persekutuan selepas Seksyen 114 Akta Perkhidmatan Industri Air digunakan. Beliau juga berkata dan saya memetik daripada rencana tersebut yang berbunyi, dengan izin, '*Selangor state will participate in the Water Committee but I will be in control and set the KPIs. We will monitor the finances of the concessionaire but the companies will still be running their business as usual until they can agree on takeover price with state. According to the Minister, the Federal Government will be in control until the Selangor State Government can reach an agreement with the concessionaire concessionaire on the buy out impartial or upon the first of trickle water supply from Langat 2 Plant which can be as soon as 3 months or up to another 3 years.*' Kenyataan Menteri ini sekali lagi menimbulkan kebimbangan orang ramai sama ada tersembunyi atau tidak tangan sebalik batu di pihak kerajaan Persekutuan yang tidak diketahui dalam seluruh urusan penstrukturan semula industri air ini.

Dalam keadaan yang tidak menentu kerajaan Selangor haruslah lebih konservatif dan berhati-hati. Kerajaan Selangor mesti menggunakan kelulusan untuk membina loji rawatan air Langat 2 sebagai syarat dalam rundingan tawar-menawar agar rakyat Selangor mendapat yang terbaik dalam keseluruhan urusan ini. Tuan Timbalan Speaker, persoalannya ialah adakah ia tujuan kerajaan Selangor untuk menguasai keempat-empat syarikat konsesi ini dan sekali gus kembali menguasai industri air di Selangor. Sekiranya untuk makluman umum, bagaimanakah ini boleh dilaksanakan melalui Seksyen 114 WSIA? Untuk kerajaan Persekutuan menggunakan Seksyen 114 WSIA, kerajaan Selangor perlu menandatangani perjanjian awal ataupun *heads of agreement*, dengan izin, nama singkatannya HOA, *heads of agreement*. Apakah itu HOA dan apakah fungsinya. Adakah ia mengikat ataupun, dengan izin, *binding*, dari segi undang-undang sebelum perjanjian utama ditandatangani. Bilakah HOA ini akan ditandatangani? Adakah kerajaan menerima nasihat undang-undang daripada Kamar Penasihat Undang-Undang dalam perkara ini ataupun kerajaan negeri pernah meminta nasihat guaman dari luar dalam perkara ini? Apakah yang akan berlaku selepas HOA ditandatangani? Difahamkan kelulusan kebenaran merancang ataupun KN telah pun diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pada tahun 2010. Apakah kelulusan lain yang diperlukan tetapi belum diberi kepada projek pembinaan Langat 2 ini? Seterusnya, adakah projek pembinaan Langat 2 ini melibatkan pengambilan tanah-tanah kerajaan sekiranya ada, berapa banyak dan berapakah besar keluasan tanah yang terlibat? Apakah seluruh proses pengambilan tanah ini telah bermula atau tidak? Walaupun Langat 2 ialah sebuah projek yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Persekutuan, saya ingin bertanya juga sama ada mungkin berlaku di mana rakyat terpaksa menanggung tarif air yang mahal, yang lebih mahal daripada Langat 2 ini dan jika tidak kepada siapakah air dari Langat 2 ini hendak dijual kepada?

Jadi, Tuan Timbalan Speaker, semua hujah dan soalan yang dikemukakan di atas adalah soalan-soalan yang benar dan perlu dijawab dalam sidang dewan yang mulia ini. Dengan itu, saya mencadang usul ini dan saya, di samping saya mencadang usul ini saya juga memohon jawapan dan penjelasan yang diberi terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Kelulusan untuk membina Langat 2 harus diteliti dan ditangguhkan sekiranya perlu selagi pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air swasta ini tidak dimuktamadkan. Jadi, dengan itu saya mengakhiri ucapan saya dan saya memohon sokongan daripada rakan-rakan seperjuangan di dalam dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIAN CHEE:** Terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada Balakong untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul. Menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kg. Tunku. Tuan Timbalan Speaker, isu penstrukturan semula konsesi air merupakan satu perkara yang telah 6 tahun Pakatan Rakyat memperjuangkan. Tujuan perjuangan ini adalah untuk mengembalikan hak air kepada rakyat Selangor. Isu ini tidak dapat disempurnakan selama 6 tahun kerana kerajaan Selangor tidak menerima kerjasama daripada pihak kerajaan pusat walaupun kini Perjanjian Persefahaman antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri telah ditandatangani Balakong berkongsi pendapat dengan Kg. Tunku bahawa kelulusan untuk membina Langat 2 tidak diberikan kepada kerajaan pusat selagi pengambilalih konsesi air swasta tidak dimuktamadkan dari segi kos khususnya komitmen tanggungan yang akan dikenakan kepada kerajaan negeri dan rakyat Selangor. Yang Berhormat sekalian, ini adalah kerana Balakong telah hilang keyakinan terhadap kerajaan pusat yang dipimpin oleh Barisan Nasional yang mempunyai rekod memungkirkan janji ataupun janji tidak ditepati. Ini dapat dibuktikan dengan pelbagai contoh di mana Barisan Nasional menjanjikan sesuatu pada..dan pada akhirnya tidak ditepati. Kerajaan BN telah berjanji untuk, akan meningkatkan amaun pemberian BR1M dari RM500 kepada RM1200 jikalau mereka kembali berkuasa di peringkat pusat. Barisan Nasional juga berjanji akan mengurangkan kos sara hidup rakyat Malaysia semasa berkempen. Dan apa yang mereka lakukan selepas pilihan raya umum ke-13? Pemberian BR1M hanya dinaikkan ke RM650. Ini juga bukan semua yang dapat. Sebahagian daripada penerima yang sebelum ini menerima RM500 telah membuat aduan di pejabat saya mengatakan bahawa mereka hanya menerima RM450 bagi pemberian kali ini. Dengan janji mengurangkan kos sara hidup Barisan Nasional telah mengumumkan kenaikan harga petrol, kenaikan tarif bil elektrik dan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015. Perdana Menteri berjanji akan memansuhkan Akta Hasutan tetapi pada 27 Oktober tahun lalu, beliau memansuhkan bukan Akta Hasutan tetapi subsidi gula. Inilah contoh-contoh janji ditepati oleh Barisan Nasional. Walaupun Balakong difahamkan bahawa kebenaran merancang bagi Langat 2 sudah diluluskan dan diberikan kepada kerajaan pusat kita masih boleh menanggukahkan pemberian kelulusan-kelulusan yang lain yang diperlukan untuk pembinaan Langat 2 seperti kelulusan terhadap isu-isu tanah dan sebagainya.

Balakong ingin menegaskan bahawa tindakan sedemikian bukan kerana apa tetapi hanya untuk dijadikan sebagai jaminan kepada kerajaan negeri dan rakyat Selangor. Ini adalah kerana pada akhirnya, sekiranya misi yang melibatkan hak

kesemua rakyat bukan sahaja rakyat Selangor malah termasuk juga rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ini gagal, kerajaan negeri akan dipersoalkan. Tuan Speaker, selain daripada menangguhkan pemberian kelulusan Langat 2, bagi memastikan proses pengambilalihan ini berjalan dengan lancar, dan pengurusan perkhidmatan bekalan air di dalam negeri berjalan dengan teratur, Balakong ingin mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas Perkhidmatan Air Selangor ditubuhkan. Ini adalah berikutan pengumuman Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa pengambilalihan ini akan dijalankan tidak lama lagi kerana Menteri telah berjanji akan menggunakan Seksyen 114 WSIA untuk membantu mempercepatkan proses penstrukturan semula ini. Walaupun secara ikhlas, Balakong memang bimbang akan sekali lagi memungkiri janji tetapi Balakong terpaksa dan hanya boleh dipercayai kata-kata Menteri buat sementara waktu ini. Ahli-Ahli dewan sekalian jawatankuasa pilihan ini boleh membincangkan dan memberi pandangan serta saranan kepada pihak kerajaan mengenai tanggungjawab perkhidmatan bekalan air yang bakal dipikul oleh kerajaan negeri. Isu-isu seperti adakah pemberian air percuma harus diteruskan ataupun cadangan tarif yang lebih tinggi harus dikenakan ke atas pengguna yang menggunakan air yang berlebihan boleh dibincangkan di dalam jawatankuasa pilihan tersebut di samping ..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Teratai, ya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin nak tanya Yang Berhormat Balakong berkenaan dengan tender Langat 2 yang telah dibuka sejak September tahun 2012 itu. Terima kasih. Soalan saya ialah, apakah pandangan bagi Yang Berhormat Balakong di mana bagi kerja tender Langat 2 telah dibuka sejak tahun 2012 oleh kerajaan Persekutuan yang telah dipaparkan melalui Syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan. Terima kasih. Macam mana kerajaan negeri boleh memastikan Langat 2 itu boleh di..kita kata dihentikan selagi projek penstrukturan semula air tidak berlaku atau kerajaan negeri belum ambil alih syarikat-syarikat konsesi air, terima kasih.

Terima kasih. Itu, soalan itu saya rasa saya terpaksa serahkan kepada kebijaksanaan pihak kerajaan untuk selesaikan. Dan itu juga mengapa kita perlukan jawatankuasa pilihan ini. Jawatankuasa pilihan ini boleh juga membincangkan proses pengambilalihan konsesi supaya pihak kerajaan dapat mendengar pandangan daripada pihak-pihak yang berlainan sebelum membuat

keputusan agar hak rakyat Selangor terhadap air lebih terjamin. Isu yang berbangkit setelah pengambilalihan konsesi tersebut seperti langkah-langkah yang harus diambil untuk mengurangkan air tanpa hasil ataupun *non revenue water*, dengan izin, yang setinggi 33% di dalam negeri juga boleh dibincangkan. Dengan adanya jawatankuasa pilihan ini, juga masalah adakah catuan air perlu diteruskan atau diberhentikan juga dapat dipantau dan dibincangkan dengan lebih berkesan. Dengan ini, Balakong menyokong usul Yang Berhormat Kg. Tunku. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta dalam membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kampung Tunku mengenai dengan usul no. 6 ya dengan pengambilan syarikat-syarikat konsesi air untuk dalam konteks Langat 2 ini. Dalam konteks, kita sedia maklum bahawa hasrat kerajaan untuk mengambil alih konsesi air dan mengembalikan hak air kepada rakyat ini memang disanjung. Ini tidak pernah dilakukan. Selama ini, dalam sejarah pun rekod yang kita teliti dalam *hansard* Dewan pun sejak Negeri Selangor ditubuhkan sehingga hari ini tiada lagi satu kerajaan melainkan Kerajaan Pakatan Rakyat dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang berani melakukan anjakan sedemikian. Di mana konsesi yang sudah ditandatangani oleh kerajaan yang dulu dalam tempoh 30 tahun yang lalu kita berusaha untuk kembalikan kepada rakyat kerana kita tahu terma-terma yang saya tekankan seperti yang lalu tidak menyebelahi rakyat, hanya menguntungkan konsesi. Dan dalam konteks isu air ini kita dah bergelut, berhempas pulas dengan pusat, Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan 6 tahun dah, 6 tahun dan sehingga sekarang kita sudah sampai satu tahap di mana ada nampak sinar harapan ya. Ada nampak sinar harapan diberi *green light* oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengembalikan struktur air ini. Tapi, walau bagaimanapun dalam usul ini kita meminta Kerajaan Negeri Selangor khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar lebih berwaspada, lebih berwaspada, berhati-hati kerana orang yang kita runding ini, Kerajaan Pusat ini memang kita sedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Tetapi harus kita ingat pengalaman lalu memamatkan kita, mendewasakan kita. Orang pihak puak Barisan Nasional ini mereka ada agenda, mereka ada sesuatu yang tersirat. Tapi saya tidak mahu sangkaan jahatlah. Cuma saya mahu, mahu beritahu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya lebih berhati-hati, dengan izin (bahasa Cina). Lebih berhati-hati melakukan sesuatu.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bahasa apa tu? Bukan Jawa ya?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bukan Jawa, itu Bahasa Mandarin. Bukan Jawa, dengan izin ya. Kerana, Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mencelah sedikit tentang apa yang disebut oleh Sekinchan tadi tentang dengan sangkaan jahat. Saya berpandangan eloklah dispesifikasikan, di *detail* kan secara yang lebih betul. Ya, jangan buat satu tuduhan yang tak jelas nanti menimbulkan keadaan yang tidak baik. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Sri Muda atas ingatan. Saya ambil maklum tapi walau bagaimanapun memang sejarah yang lalu sampai hari ini, ya kita berada di Dewan ini sebelum ini kita pembangkang, kita tahu selok beloknya, asal usulnya, spesies apa mereka ini. Kita tahu, kita sedia maklum ya. Jadi dalam konteks kita nak bekerjasama boleh tapi harus berwaspada, berhati-hati betul, berhati-hati betul sebab mereka boleh menggunakan WSIA. WSIA ni *okay*. Menteri punya kuasa tetapi sekarang di peringkat bawah, rakyat ramai yang keliru, gelisah. Mereka khuatir apabila kita berdepan ya, adakan perbincangan dengan mereka sama ada hak kita akan terpelihara atau tidak. Sama ada mereka ada perancangan perangkap untuk perangkap kita atau tidak. Ha, ini berbagai, percakap-cakap, ngomong-ngomong dengan izin di bawah ini. Jadi untuk menghilangkan semua

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sikit Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ok, Permatang

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya rasa ini bukan sangkaan jahat, jahat sangat sangkaan tu. Jahat sangat sebab isu ini, isu nak beri rakyat air. Jadi nak bagi rakyat air, ini pun dah menderita berbulan-bulan tak ada air. Kalau Langat 2 ni lulus pun bukan lulus, hari ni lulus pun bukan besok Langat tu siap. Akan ambil masa yang panjang juga. Jadi kita dalam peringkat Barisan Nasional serah dah air tu. Nak kontrak, kontrak terbuka. Tadi Teratai tanya. Itu kontrak terbuka nak masuk boleh. Teratai pun kalau ada syarikat masuklah tender, boleh *beat* tender, tak ada masalah. Jadi saya ingat soal nak mengatakan ada sangkaan-sangkaan jahat saya ingat rakyat Selangor perlu jelas hari ini bahawa ini sebenarnya halangan-halangan sebenarnya kenapa apa ni kita menghadapi masalah krisis air. Kerana ada pandangan-pandangan yang



singkat macam ini yang tak nak melihat kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang membolehkan rakyat dapat manfaat. Jadi saya ingat Sekinchan, cukuplah nak katakan tujuan jahat tu memang jahat sangat dah sangkaan ya apa Sekinchan tu. Jadi saya ingat janganlah kata lagi kalau ada dalam kita di peringkat ni amat menyokonglah apa pihak Kerajaan Negeri Selangor dan kita insya-Allah, Barisan Nasional ni akan memberi 120% kepada tindakan kerajaan atas usaha ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih atas ingatan daripada Permatang

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Cuma nak ingatkan Permatang, sangkaan jahat sangat tak ada dalam Peraturan Tetaplah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kalau jaminan daripada Permatang sebagai Perdana Menteri, saya percaya. Saya tak ada timbul sebarang keraguan. Tetapi kalau lain daripada dia saya masih ada keraguan. Ini saya nak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Ya, Permatang *no problem*. Ya, memang, memang daripada keraguan kita tahu. Tapi dalam konteks ini rakyat minta penjelasan yang lebih menyeluruh ya. Dan kita tidak mahu Yang Amat Berhormat bertindak seorang diri ataupun tanpa memberi tahu pimpinan Pakatan Rakyat dan sebagainya. Kalau boleh Yang Amat Berhormat lebih memberi penjelasan, penerangan yang lebih supaya tak ada timbul cakap-cakap yang negatif. Saya yakin dalam konteks perjuangan hak rakyat kejujuran Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita tak pertikaikan. Cuma saya nasihatkan ya, waspadalah kepada mereka ini ya, waspadalah Dan lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan media-media UMNO ni, media-media TV3, Utusan. Kalau mereka nak *interview* tak payahlah. Ya, tak payah *interview* dengan mereka, mereka nak *interview* ni ada pasang jerat. *Interview* mereka saya tak yakin.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Hulu Kelang minta penjelasan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sekinchan, bagaimana pula dengan dasar kebebasan akhbar yang sepatutnya didokong oleh Pakatan Rakyat?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Hulu Kelang. Ia, memang kita menyokong dasar kebebasan bersuara, kebebasan akhbar. Tetapi apabila kita nak berjinak dengan, berbaik-baik dengan pihak yang ada agenda, itu cukup bahaya sebab mereka cuba akan putar belit dalam TV. Apabila berita

dikeluarkan lain pula dia *ngomong*. Mungkin percakapan Menteri Besar tak ada bawa makna tersebut tapi mereka *swing spin*, macam-macam lagi, nanti dia akan menyebabkan kerajaan kita dimarahi oleh rakyat. Ah ini yang saya kluatir, jadi tak perlulah saya minta sungguh-sungguh. Kalau TV3 kita kita terima kasihlah. Minum teh boleh lah tapi jangan *interview*. *Interview* dengan TV3, Utusan Malaysia tak perlu. Kalau mereka ada tanya persoalan daripada mereka, no komen itu lebih baiklah. (ketawa ramai) .. Saya nasihatkan kepada YAB Dato Menteri Besar sebab dalam isu air ni dia ada kepentingan rakyat ini seluruh negeri Selangor.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya nak bertanya kepada Sekinchan. Kalau kita ada mengikut sama ada tahu tak, kalau kita mengikut laporan akhbar, selalu menteri kata “Menteri Besar sudah dimaklumkan tentang perkara ini, Menteri Besar sudah tahu tentang perkara ini”. Seolah-olah Menteri Besar pun setuju dengan dia. Sebenarnya pada hal, pada pengetahuan kita, ia nya mungkin berbeza pemahaman itu. Jadi saya ingin bertanya YB Sekinchan, sedar tak perkara itu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Kampung Tunku. Itulah yang kita kluatirkan. Ya di mana Menteri Besarnya perancangan, yang strategi tersendiri. Tetapi apabila dilaporkan oleh TV3, lain pula bunyinya. Jauh sungguh sekali. Ha, ini saya paling kluatir. Nanti rakyat akan benci akan kita. Kenapa bermuka-muka dengan TV3 dan UMNO khususnya Utusan Malaysia yang selama ini tak pernah pun mereka berbaik-baik dengan kita. Saya bagi contoh, bukan saya tuduh, dua hari lepas, di mana saya dalam perbahasan saya, saya menyatakan saya tidak sokong di mana pemotongan gaji, semakan oleh Y.A.B. dan EXCO, tetapi dalam keluaran TV3 lain pula dia cerita. Dia kata usul tolak gaji ditolak. Saya, pendirian saya, saya menyatakan pendirian saya. Jadi lain, bunyi dia lain. Mesti ada sesuatu yang lain dia akan campur dalam tu. Jadi mee, atau bunyi kangkung dengan goreng tu lain, kangkung.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil , Sekinchan. Kebebasan media.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ya kebebasan media. Saya nak bertanya YB Sekinchan. Baru-baru ini Y.A.B. Dato’ Menteri Besar telah diwawancara oleh TV3 bersama-sama dengan Y.A.B. *sorry*, YB Menteri, masa tu YAB Dato Menteri Besar dapat menerangkan berkenaan dengan isu air, berkenaan dengan Langat 2 ni, jadi apa masalah, apa pandangan dari Sekinchan sendiri, Y.A.B. Menteri Besar sendiri dah masuk TV3 dan boleh

jelaskan kepada rakyat, jadi pandangan daripada Sekinchan. Tadi kata percaya dengan TV3, Dato Menteri Besar kita masuk TV3. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Sebab Menteri Besar kita terbuka. Dia tidak menyangka apa-apa daripada pihak lawan. Tapi kita dari Pakatan Rakyat ini kita sentiasa memberi nasihat supaya berjaga-jaga. Mula-mula dia pasang jerat saja, pasang jerat umpan, apabila kita ter.. nanti, bahaya dia, apabila kita nak *swing* balik susah. Ini cara mereka lah. Tapi biarlah, Sungai Panjang pula apa...

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, duduklah , kalau Sekinchan nak bagi laluan kena duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak bagi Kota Damansara.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ha, Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok saya nak minta penjelasan sikit daripada Sekinchan ni, selalunya lah, setahu saya lah, kita sebagai seorang insan ni, kalau kita mempunyai sikap selalu berprasangka, sentiasa nak berwaspada, adakah itu menunjukkan juga orang bercakap itu juga hatinya tidak bersih. Ha, cuba jawab.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Kota Damansara. Saya nak bagi tahu Kota Damansara kenapa kita ada anggapan sedemikian kerana sejarah dah terbukti. Ya ...(bahasa cina)..dengan izin. Nanti dulu, nanti dulu. Saya akan jelaskan...ketawa.... bising...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sekali kita dipatuk ular, 10 tahun . Yang tak faham tu duduk dulu.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Melawati nak cakap bahasa lain kena minta izin. Sekinchan tadi dia minta izin dengan saya. Teruskan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak jelaskan mana yang kalau sekali kita dipatuk ular, kita 10 tahun kalau nampak tali pun kita takut. Ha ini umpamanya lah yang saya katakan. Bukan kita nak sangkakan tapi itu memang, kenyataan itu. Kenyataan itu. Jadi memang begitu lah. Jadi Sg. Panjang, Sg. Panjang saya rasa.

**Y.B. TUAN BUDIMAN MOHD ZOHDİ:** Bagilah...jiran.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak juga. Oh jiran.. atas kapasiti jiran.

**Y.B. TUAN BUDIMAN MOHD ZOHDİ:** Sekinchan, sebenarnya masalah ini yang berlaku kerana sikap kenyataan Menteri Besar yang berdolak dalih dan tidak konsisten dalam media. Kan,dan akhirnya, ini diberikan rakyat, sebab dia kata mula-mula air tak ada, 2019, hari ni tiba-tiba dia kata, hari ni pula dah berlaku konflik air. Jadi kenyataan yang berdolak dalik ni, yang menyebabkan rakyat rasa Menteri Besar tidak konsisten, jadi tak ada maknanya air percuma kalau tak ada air..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Sg. Panjang. Sebab soal kenyataan Menteri Besar tentang air ni kita dalam konteks ni sekarang kita bicara soal usul tentang Langat 2 ni bagaimana kita nak, mempertahankan hak rakyat negeri Selangor supaya apabila perjanjian itu dibuat dan juga kerjasama dilakukan, kita tidak diputar belit oleh Barisan Nasional ataupun kita tidak apa, orang kata tertipu, ataupun kita dipergunakan untuk kepentingan Barisan Nasional. Ini yang dalam konteks isu ini dalam usul ini kita nak perbahaskan. Yang soal isu tak ada air, itu kita tidak bicarakan dalam konteks ini dulu ya . Kalau nak bicara bawa usul lain ya Sungai Panjang ya. Bawa usul lain kita bicara isu tak ada air. Itu saya rasa lebih sesuai. Jadi dalam konteks Tuan Timbalan Speaker, saya sekali lagi lah ya minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar, kaji cara kita berdepan dengan Barisan Nasional yang saya syorkan iaitu kita adakan lebih banyak penerangan di kampung-kampung. Ya di kampung-kampung, setiap masa, daripada masa ke semasa tentang isu air ni supaya apa yang dicakap oleh TV3 ini kadang-kadang mengelirukan tak apa kita betulkan persepsinya. Jadi hasrat baik YAB Dato Menteri Besar dapat disampaikan kepada rakyat. Ini yang penting. Jadi saya menyokong penuh seluruhnya usul ini. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Seri Andalas ingin bersama di dalam usul ni tentang air dan Langat 2. Saya memang lama-lama ini telah pun bersama EXCO dan Kerajaan Negeri di dalam isu air di dalam negeri Selangor dan saya harap sekarang kita pun sudah sampai dah kepada satu taraf di mana kita kena buat keputusan di atas isu air di dalam negeri Selangor. Ada ke tidak, ini keputusan ini kita ikut pelan kita yang lama ataupun kita akan adakan satu pelan baru untuk diatasi

masalah catuan air ataupun kekurangan air di dalam negeri Selangor. Sekarang rakyat nampak bagai kita di mana mereka juga minta-minta juga yang sudah pun dibangkitkan di dalam dewan ini adakah kita teruskan dengan air percuma ataupun orang-orang katakan dia tak payah air percuma, sudah ada air cukup dah sekarang di dalam beberapa kawasan dan tempat. Dengan kerajaan pusat akan di mana mereka katakan akan lancarkan ataupun melalui WASIA 114 kita akan ambil alih syarikat-syarikat konsesi air ini, sekarang, sampai sekarang saya tidak belum tentu bawah adakah kerajaan pusat akan memberikan perkhidmatan empat-empat syarikat itu kepada negeri. Belum tentu lagi sebab kalau ikut akta WASIA itu ialah hak Menteri keseluruhannya untuk pastikan apa caranya perkhidmatan konsesi air ini akan dilakukan lepas WASIA dikeluarkan. SO saya minta kerajaan negeri Selangor sekarang, kita telah pun tawarkan dekat RM9.6 billion kepada 4 syarikat sampai sekarang, *willing seller, willing buyer* ini kita nampak tidak elakkan dan jalan mana-mana. Adakah kita akan teruskan dengan cara ini, dengan pencatuan air dan baru ini saya baca bahawa akhir bulan Mei kita akan adakan satu fenomena cuaca yang kata *Elnino* akan kerap di landasan South Asia ini, dan kita akan ada masalah lebih besar pada masa bulan-bulan akan datang dan kalau begitu dengan tidak cukup air bukan sahaja di dalam empangan-empangan air tetapi di sungai juga kita akan ada masalah untuk kita *supply* air di seluruh negeri Selangor. saya cadangkan adakah kita nak ikut pandangan dewan ini untuk adakan satu jawatankuasa pemilihan khas di atas air untuk bincang untuk masa depan kita, masa depan negeri, masa depan sistem air di negeri Selangor, kita akan *re-think* apa tu dengan izinkan nya polisi kita yang ada sekarang dengan cara macam mana untuk masa depan kita akan adakan air cukup air, untuk penduduk di dalam negeri Selangor. Kita kena faham bahawa negeri Selangor ini ialah penduduknya padat tetapi industri dia, industri dia pun besar juga. Tan Sri Menteri Besar baru saja beritahu bahawa hasil dari negeri Selangor sahaja akan ada *effect* besar kepada kewangan di dalam negara kita. Air ini satu isu penting untuk kita dapat pelaburan-pelaburan baru dan juga untuk mengatasi masalah-masalah ataupun membangunkan negeri ini kepada satu negeri yang lebih maju. So saya ingat kita sudah sampai dah kepada satu taraf di mana kita kena fikir balik adakah cara yang kita lakukan selama 6 tahun ini cukup ataupun kita ada satu cara yang lain untuk kita bincang dengan pusat untuk kita kembalikan air cukup untuk negeri kita pada masa yang akan datang. So saya memang sokong usul ini di mana kita kena pegang kepada Langat 2 sebab itulah tongkat yang kita ada sekarang. Kalau itu dilepaskan lama-lama nya kita tidak ada *bargaining power* yang saya katakan dengan pusat untuk kita teruskan *negotiation* ini yang sekarang jalan di antara pejabat Menteri Besar dengan Menteri berkenaan ini. So saya cadangkan untuk negeri untuk adakan satu jawatankuasa khas, di mana penasihat-penasihat ialah

orang-orang pakar di dalam air dan melalui ini kita boleh atasi masalah yang kita hadapi sekarang. Dan bukan saja kita dapat air dari Pahang, tetapi kita kena buat kajian dan cadangan itu yang kita telah pun adakan beberapa forum dan sebagainya, adakah tempat-tempat lain yang kita boleh dapatkan air-air ini untuk digunakan di dalam negeri Selangor. Saya ingat ini semua kita kena kaji sebab kita sudah pun ada *final project* di mana kita mengalihkan membran teknologi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Pada pandangan Y.B. Seri Andalas adakah kerajaan pusat dengan menggunakan seksyen 114 WSIA, dengan kuasa Menteri seolah-olahnya mencekik leher kerajaan Selangor untuk menyerahkan atau memberi kebenaran untuk membina loji Langat 2 sedangkan pada masa ini kerajaan Selangor masih sedang dalam usaha mencari jalan lain seperti sistem HORAS ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Y.B. Damansara Utama sebelum ini. Boleh atau sesuai dilaksanakan atau tidak. Dua soalan, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Memang lama-lama ni kita tahu peranan kerajaan pusat di atas negeri bukan saja air, banyak perkara lain pun mereka katakan akan diatasi tetapi tidak buat. Tetapi saya di sini, berdiri di sini, saya minta kerjasama dari semua pihak sebab air ini yang katakan *water is life*, tanpa air ini kita akan ada masalah besar, so kita kena fikir macam mana kita nak atasi masalah. HORAS itu satu lah, satu-satunya yang dijanjikan oleh kerajaan negeri dalam tempoh satu tahun ini, kita akan adakan dekat 1, *one million* MLD kalau tak silap saya untuk kita *supply* lagi. Itu kita kena nampak lagi lepas satu tahun saja. *We are not sure yet. We do not yet so* saya harap, perkara-perkara inilah yang membawa persepsi kepada rakyat negeri Selangor bahawa soalan-soalan yang dilontarkan oleh mereka ialah apa negeri akan buat untuk masa depan. Dia kena dapatkan jaminan dari kerajaan bahawa dia akan atasi masalah ini di dalam tempoh satu tahun untuk kita hadapi di dalam tahun 2016 ataupun 2015, *we wont have .....water crisis again*. Yang katakan akan berlaku kalau kita tidak buat apa-apa sekarang. So pasal itu saya minta sangat untuk kerajaan negeri untuk bersama-sama dengan pakar dan juga orang-orang pusat dan sebagainya duduk untuk atasi masalah ini. *Maybe the formula* yang kita pakai dulu tak berapa sesuai untuk sekarang. Sebab dengan WSIA ini, *maybe* kita kena adakan formula yang lain, yang boleh digunakan untuk atasi masalah isu air ini. Itulah yang saya minta untuk kita buat kajian ataupun kita kena dapat, pendapatan dari orang ramai lagi untuk kita atasi masalah ini. So akhir sekali, saya lagi sekali menyuruh kerajaan negeri untuk

buat sesuatu, untuk kebaikan rakyat negeri Selangor , untuk kita jamin kan bahawa masa depan pemerintahan Pakatan Rakyat di negeri Selangor masalah air ini akan diselesaikan *one and for all* untuk masa depan yang akan datang. Dengan ini saya sokongkan usul yang telah dibangkitkan oleh Kampung Tunku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Pertama saya sebenarnya kalau ikut hati saya tak nak bahas pun hari ni, isu air ni. Kerana saya rasa, oleh sebab terpanggil saya rasa amat kecewa kerana dalam keadaan suasana negeri kita yang sedang menghadapi krisis air yang begitu jelas, rakyat sedang menghadapi kesukaran, seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan termasuk juga Kuala Lumpur sedang menghadapi krisis air, ada usul daripada Kampung Tunku bawa nak minta tangguh lagi mengenai pembinaan Langat 2. Saya tak faham, tak cukup ke 6 tahun Kampung Tunku kita dah bahas isu ini, apa nak tambah lagi satu penggal kita baru nak bagi kelulusan. Isu air ni bukanlah susah sangat. Sebenarnya kalau ada kelulusan dibina, rakyat dapat air, masalah selesai. Isu mengenai apa ni, harga tawaran dan sebagainya, saya yakin, pihak kedua-dua pihak negeri dan persekutuan boleh berbincang. Kebaikan kerajaan persekutuan sehingga memberikan dana 2 bilion itu sudah menunjukkan satu tolak ansur yang cukup tinggi. Nak kan penyelesaian ini segera supaya rakyat tidak terus menderita tapi kenapa dalam dewan yang mulia ini wakil-wakil Rakyat daripada Pakatan Rakyat sanggup bawa usul tangguh lagi dan hari ni rakyat Selangor boleh jadi saksi ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekejap lagi Kota Anggerik, eh..Seri Andalas, sekejap lagi saya bagi . Biar rakyat dapat saksi pada petang ini bahawa yang menjadi halangannya ialah usul-usul sebeginilah. Jadi sebab itulah saya rasalah apa Y.B. Tuan Speaker, kita sepatutnya mengetepikanlah hal ini untuk kepentingan rakyat kita sebagai Ahli-ahli dewan bagaimana titah ucapan DYMM Tuanku dalam banyak kali sidang dah bagi tahu, kita bahaslah untuk kebaikan rakyat, bukan untuk kepentingan kita ataupun kepentingan mana-mana pihak. Sekejap lagi saya bagi ruang.

**Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang tak bagi ruang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekejap lagi , lepas tu saya bagi ruang tak jadi masalah. Apa saya nak sebut juga beberapa yang ditimbulkan. Ada kata soal ini nak bagi projek kepada kroni dan sebagainya, saya rasa ini sudah dijawab dengan jelas dah..tak perlu timbul dah. Tadi pun Teratai kata ada tender dan sebagainya walaupun saya tak nampak benda tu, barangkali sudah ada terbuka pada semua, dalam negeri, luar negeri boleh masuk tender untuk membina Langat 2 ini. Jadi tak timbullah isu kroni yang bertahun-tahun dituduh kepada kerajaan persekutuan dan hari ini sudah dijawab. Isu tarif, apakah dengan kenaikan air, dengan konsesi ini akan ada kenaikan tarif. Saya percaya Menteri Besar kerajaan negeri pun tak boleh nak jawab. Sebab kenaikan kos ini, tuan-tuan puan-puan, Ahli-ahli Y.B., ini memang akan sentiasa berlaku. Cuba bagi, bagi contoh kepada saya, mana ada satu negara yang kos tidak meningkat setiap waktu. Saya bagi contoh kerajaan DAP Pulau Pinang, yang konon jaga kepentingan rakyat, hari ni sudah naikkan tarif air. Kenapa, kenapa kerajaan Pulau Pinang tak bertahan, jangan bagi kenaikan tarif air. Soalnya tarif air ni akan naik selagi kos meningkat pada masa-masa akan datang, Menteri Besar saya yakin tak boleh bagi jaminan tarif air tidak akan naik. Kita kena berlaku adil pada keadaan, keadaan yang ni supaya, supaya....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Bukit Gasing nak mencelah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagi sikitlah lepas tu saya bagi ruang. Jadi soal tarif ni jangan dipertikaikan sebab tarif ini pasti ada kenaikan dan saya yakin kita terbuka dalam menentukan keadaan ini. Jadi soal penggunaan, ok saya bagi Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN:** Kalau ikut tarif naik ini, kita kena tengok kenapa ceritanya. Kalau tarif naik untuk menggalakkan penjimatan air, satu cerita, tapi kalau tarif naik supaya dapat membiayai kos berbilion-bilion ringgit yang mungkin tidak perlu, itu lain ceritanya . Jadi kena faham beza antara naik tarif Pulau Pinang dengan tarif naik di Selangor. Kontrak SYABAS yang ditandatangani yang dibagi peratus-peratus kenaikan yang sangat tinggi tu kena teliti, kenapa diperlukan. Tetapi juga permatang mesti jawab kalau baca usul ini teliti, baca dengan teliti, kita katakan, kita jangan bagi kelulusan terlebih dahulu untuk Langat 2 sehingga komitmen untuk penstrukturan semula selesai. Kenapa kerajaan persekutuan sangat lambat dalam hal ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** YB Bukit Gasing, saya bagi tahu walaupun usul tu berbunyi begitu tapi dari segi perbahasan Kampung Tunku jelas apa yang dibangkitkan tadi. Saya hanya mengulas apa yang Kampung



Tunku perelaskan daripada usul dia walaupun itu menjelaskan menanggungkan tapi yang saya nampak. Saya pun nak tanya balik, berapa lama kita perlukan lagi untuk memberikan kebenaran ini, 5 tahun. Itu persoalan dia.

**Y.B. TUAN RAJIV AL RISHYAKARAN:** Ini bergantung.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya bagi Kampung Tunku dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan saya ialah saya juga nak memperjelaskan pada Y.B. Permatang, tujuan usul ini bukannya untuk membantah pembinaan Langat 2 ataupun penstrukturan semula air ini. Tujuan kita ialah kita nak supaya kerajaan telus kepada rakyat, telus kepada dewan yang mulia ini. Kita tak nak pisang berbuah dua kali. Kita tak nak .....(perbahasan dalam bahasa cina) .. Kita tak nak kesilapan Barisan Nasional

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengan izin ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Dengan izin ya. Tuan Timbalan Speaker, yang tadi sebenarnya Sekinchan telah sebut. Oleh sebab itu saya kata, saya bertanya, sebenarnya ucapan saya ialah pertanyaan. Saya pasti, kerajaan pasti akan mempunyai jawapan kepada jawapan-jawapan yang saya tanya tadi. Dan sekiranya didapati diberi kepada kita semua dan kita semua jelas, tidak ada masalah untuk kerajaan meneruskan apa-apa strategik yang telah dirangka sebelum ini. Jadi ini inti pati usul saya, bukan saya tolak Langat 2. Saya harap Y.B. Permatang faham tentang perkara ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya, berdasarkan apa YB beri tahu saya mengambil ulasan di situ. Mengenai akta seksyen 114 WASIA, yang disebut, sebelum seksyen ini diguna pakai pun sebelum ini kerajaan persekutuan sudah bagi ruang pada pihak kerajaan negeri untuk berunding dengan ke empat-empat pemegang konsesi. Runding dari segi berapa jumlah yang diperlukan dan saya ingat Y.A.B. Menteri Besar saya ikut balik dalam ucapan Y.A.B. Menteri Besar, dalam jawapan-jawapan dewan yang sebelum ini, Y.A.B. Menteri Besar beritahu, sekiranya pemegang konsesi tidak bersetuju dengan harga, boleh bawa kepada peringkat Mahkamah timbang tara. Ini satu perkara yang amat terbuka dan kita boleh terima. Jadi kenapa nak jadikan isu ini sebagai dan isu , seksyen 114 WSIA ini hanya digunakan selepas perundingan antara kerajaan

negeri dengan pemegang konsesi. Barang kali menemui jalan yang buntu, baru datangnya seksyen ini digunakan. Jadi sudah diberi ruang. Jadi perundingan sepatutnya boleh berjalan. Ok saya beri Andalus dulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM:** Terima kasih Permatang, Saya nak minta Permatang sedikit . cara isu air ni bukan satu tahun ini kita telah mulakan dari 2008 atau 2009. Pada waktu itu bila kita berunding dengan kerajaan pusat, tak ada pun dia mengambil isu tentang WSIA dan sebagainya walaupun kita suruh dia menggunakan apa tu, saham emasnya yang ada untuk membawa empat-empat syarikat konsesi ini untuk berunding untuk kita lakukan sesuatu, empat lima tahun. Tetapi kerajaan Barisan Nasional menggunakan air sebagai satu ugutan kepada rakyat di dalam negeri Selangor ingatan mereka boleh jatuhkan Pakatan Rakyat di dalam pilihan raya yang akan datang, tidaklah sampai sekarang di dalam perundingan kita ada satu perundingan yang munasabah sampai tunggu untuk kita dalam pilihan raya yang lepas ini di mana menang nampaknya Barisan Nasional tak boleh buat apa di dalam negeri Selangor sekarang mengeluarkan WSIA untuk selesaikan masalah ini. Dan kedua ini Langat 2 ini tidak ada kaitan dengan empat syarikat konsesi. Membeli konsesi itu lain dan Langat 2 ini lain. Langat 2 ini ialah pembinaan baru oleh kerajaan pusat untuk meningkatkan *supply* air di dalam negara. Pembelian 4 konsesi itu ialah melalui akta yang telah diluluskan oleh kerajaan Barisan Nasional. Telah pun diluluskan di semua negeri tanpa negeri Selangor saja yang mereka tidak bersama kerajaan Pakatan Rakyat dari 2008 sampai sekarang untuk atasi masalah. Sekarang saja baru, dengan Menteri baru yang datang, mereka kata mereka nak wujudkan WSIA untuk bersama dengan kerajaan Pakatan Rakyat untuk selesaikan masalah ini. Pasal apa masalah ini tidak boleh diselesaikan pada 2009 dengan cara yang digunakan oleh kerajaan sekarang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Y.B ..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Permatang ulas secara ringkas sebab masa dah sampai ya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya berpandangan Andalus, bahawa Langat 2 dan juga pemegang konsesi ada kaitan sebab itu yang menjadikan apa ni, sebagaimana Y.B. kata tadi sebagai tambatan pada kerajaan negeri. Memang ada kaitan. Dan isu mengenai pengambilan keempat-empat konsesi ini saya fikir ini perkara-perkara yang memerlukan persetujuan dan sebagainya. Jadi Y.B. Pengerusi, Y.B. Speaker, Timbalan Speaker, saya nak

simpulkan lah. Mungkin ada kawan-kawan lain, ada rakan-rakan lain nak berhujah..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ataupun kalau panjang, boleh sambung esok. Saya benarkan...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ohh..*sorry* saya minta maaf.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan jam sudah menunjukkan 4.30 petang, maka saya menangguhkan sidang dewan ini sehingga ke hari esok. Sekian terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang )**